	D6 : Rumah Kebajikan	D6.1 : Rumah Anak Yatim D6.2 : Pusat Pemulihan Akhlak D6.3 : Pusat Transit Gelandangan D6.4 : Rumah Orang Kelainan Upaya D6.5 : Rumah Warga Emas D6.6 : Rumah Kebajikan Lain						

BP 11: CHENOR (JENGKA 10) **BPK 11.1** **JENGKA 10**

JENIS GUNA TANAH UTAMA	JENIS GUNA TANAH DIBENARKAN	AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		CATATAN (KOLUM I –KOLUM IV)	AKTIVITI YANG DIBENARKAN BAGI PERUBAHAN MATERIAL / TANAH / BANGUNAN		CATATAN (KOLUM V)
			AKTIVITI	SYARAT		AKTIVITI	SYARAT	
D : INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	**D7 : Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun**	D7.1 : Badan Berkanun D7.2 : Galeri/Memorial D7.3 : Institut Latihan D7.4 : Istana D7.5 : Mahkamah D7.6 : Muzium D7.7 : Pejabat Kerajaan/Agensi Kerajaan D7.8 : Pejabat Penghulu D7.9 : Stesen Kaji Cuaca D7.10 : Kegunaan Kerajaan/Badan Berkanun Lain						
	D8 : Kemudahan Awam	D8.1 : Balai Raya/Pusat Komuniti D8.2 : Dewan Orang Ramai D8.3 : Dewan Serbaguna Awam D8.4 : Perpustakaan D8.5 : Tandas Awam D8.6 : Kemudahan Awam lain						
	D9 : Rumah Persatuan / Pertubuhan	D9.1 : Rumah Persatuan/ Pertubuhan D9.2 : Bomba Sukarela						

BP 11: CHENOR (JENGKA 10) **BPK 11.1** **JENGKA 10**

JENIS GUNA TANAH UTAMA	JENIS GUNA TANAH DIBENARKAN	AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		CATATAN (KOLUM I –KOLUM IV)	AKTIVITI YANG DIBENARKAN BAGI PERUBAHAN MATERIAL / TANAH / BANGUNAN		CATATAN (KOLUM V)
			AKTIVITI	SYARAT		AKTIVITI	SYARAT	
E : TANAH LAPANG DAN REKREASI	**E1 : Tanah Lapang**	E1.1 : Taman Wilayah E1.2 : Taman Bandaran E1.3 : Taman Tempatan E1.4 : Taman Kejiranan E1.5 : Padang Permainan E1.6 : Lot Permainan E1.7 : Tanah Lapang Lain	**D : INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT** D8 : Kemudahan Awam D8.5 : Tandas Awam	• Menyediakan kemudahan yang secukupnya seperti yang ditetapkan oleh garis panduan dan piawaian yang digunapakai	• Semua pembangunan perlu merujuk kepada pelan pembangunan alam sekitar, risiko bencana dan intensiti serta perlu mengambil langkah – langkah mitigasi • Aktiviti sediada perlu merujuk jadual A di m/s 2-10. • Menerapkan Pembangunan yang mempunyai elemen teknologi hijau, bandar selamat, bandar pintar dan pembangunan mampan dan lain – lain yang berkuatkuasa mengikut kelulusan PBN / PBT. • Keperluan bagi mendapatkan kelulusan JTKSAS Negeri Pahang mengikut kaedah kawalan perancangan (pemajuan tanah bukit, tanah tinggi dan lereng bukit) • Keperluan mendapatkan perakuan JPN Pahang bagi Pembangunan berkeluasan melebihi 50 ekar dan perakuan MPFN bagi pembangunan melebihi 100 hektar atau 10,000 orang penduduk • Pembangunan Baharu yang terletak berhampiran dengan kawasan sasaran penting perlu mendapatkan kelulusan CGSO • Kawasan lapang tidak dibenarkan digunakan sebagai kolam tadahan.			
	E2 : Kemudahan Sukan dan Rekreasi	E2.1 : Stadium E2.2 : Kompleks Sukan E2.3 : Kompleks Renang E2.4 : Kemudahan Sukan dan Rekreasi	**G : PENGANGKUTAN** G1 : Pengangkutan Darat G1.6 : Tempat Letak Kenderaan G4 : Jalan	• Cadangan jalan perlu mematuhi syarat-syarat, dan piawaian yang diguna pakai oleh JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.				
	E3 : Kawasan Hijau	E3.1 : Zon Penampan E3.2 : Kawasan Hijau	**H : INFRASTRUKTUR DAN UTILITI** H3 : Bekalan Air H3.2 : Paip Pengairan Air Antara Negara/Negeri/ Daerah H5 : Telekomunikasi H5.6 : Rizab Komunikasi H8 : Pembentungan H8.4 : Pembetungan Lain	• Pembangunan infrastruktur dan utiliti yang melibatkan pemecahan lot tanah boleh dipertimbangkan, namun setiap permohonan perlu melalui proses penilaian berasingan dan tidak akan diluluskan secara serta-merta. • Ia tertakluk kepada : Pemenuhan keperluan teknikal yang ditetapkan (contohnya piawaian kejuruteraan, spesifikasi reka bentuk dan aspek keselamatan), dan • Mendapat kelulusan rasmi daripada pihak berkuasa berkaitan iaitu : Pihak Berkuasa Tempatan (PBT),Pihak Berkuasa Negeri (PBN), sertaAgensi teknikal yang berkaitan. • Mengikut kesesuaian pembangunan sekitar dan tertakluk kepada kelulusan oleh PBN / PBT				

BP 11: CHENOR (JENGKA 10) **BPK 11.1** **JENGKA 10**

JENIS GUNA TANAH UTAMA	JENIS GUNA TANAH DIBENARKAN	AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		CATATAN (KOLUM I –KOLUM IV)	AKTIVITI YANG DIBENARKAN BAGI PERUBAHAN MATERIAL / TANAH / BANGUNAN		CATATAN (KOLUM V)
			AKTIVITI	SYARAT		AKTIVITI	SYARAT	
G : PENGANGKUTAN	**G1 : Pengangkutan Darat** **G4 : Jalan**	G1.1 : Depoh Bas G1.4 : Landasan Keretapi/Rel G1.6 : Tempat Letak Kenderaan G1.7 : Terminal Pengangkutan Bersepadu G1.8 : Terminal/Stesen Bas G1.9 : Terminal/Stesen Keretapi Rel G1.10 : Terminal/Stesen Teksi G1.11 : Pengangkutan Darat Lain	**H : INFRASTRUKTUR DAN UTILITI** H4 : Pengairan Dan Perparitan H4.2 : Rangkaian Sistem Perparitan H10 : Laluan Kemudahan Utiliti	• Cadangan jalan perlu mematuhi syarat-syarat, dan piawaian yang diguna pakai oleh JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.	• Semua pembangunan perlu merujuk kepada pelan pembangunan alam sekitar, risiko bencana dan intensiti serta perlu mengambil langkah – langkah mitigasi • Aktiviti sediada perlu merujuk jadual A di m/s 2-10. • Menerapkan Pembangunan yang mempunyai elemen teknologi hijau, bandar selamat, bandar pintar dan pembangunan mampan dan lain – lain yang berkuatkuasa mengikut kelulusan PBN / PBT. • Keperluan bagi mendapatkan kelulusan JTKSAS Negeri Pahang mengikut kaedah kawalan perancangan (pemajuan tanah bukit, tanah tinggi dan lereng bukit) • Keperluan mendapatkan perakuan JPN Pahang bagi Pembangunan berkeluasan melebihi 50 ekar dan perakuan MPFN bagi pembangunan melebihi 100 hektar atau 10,000 orang penduduk • Pembangunan Baharu yang terletak berhampiran dengan kawasan sasaran penting perlu mendapatkan kelulusan CGSO • Kawasan lapang tidak dibenarkan digunakan sebagai kolam tadahan.	• Aktiviti yang dibenarkan mengikut Kaedah Tanah Pahang 58C • Lain – lain aktiviti yang ditentukan oleh PBN / PBT	• Keperluan menyediakan kemudahan dan infrastruktur tambahan	• Semua pembangunan perlu merujuk kepada pelan pembangunan alam sekitar, risiko bencana dan intensiti serta perlu mengambil langkah – langkah mitigasi • Lain – lain syarat yang berkaitan seperti dasar, garis panduan dan polisi yang berkuatkuasa
H : INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	**H1 : Bekalan Elektrik**	H1.8 : Pencawang Masuk Utama (PMU)/ Pencawang Elektrik H1.14 : Lain-lain (mengikut tafsiran Bekalan Elektrik)	**E : TANAH LAPANG DAN REKREASI** E1 : Tanah Lapang E1.7 : Tanah Lapang Lain E3 : Kawasan Hijau E3.1 : Zon Penampan E3.2 : Kawasan Hijau	• Ia tertakluk kepada : Pemenuhan keperluan teknikal yang ditetapkan (contohnya piawaian kejuruteraan, spesifikasi reka bentuk dan aspek keselamatan), dan • Mendapat kelulusan rasmi daripada pihak berkuasa berkaitan iaitu : Pihak Berkuasa Tempatan (PBT),Pihak Berkuasa Negeri (PBN), sertaAgensi teknikal yang berkaitan. • H1.14 : Bekalan Elektrik Lain (Hendaklah ditafsirkan sewajarnya oleh PBT dan PBN) • Mengikut kesesuaian pembangunan sekitar dan tertakluk kepada kelulusan oleh PBN / PBT				
	H3 : Bekalan Air	H3.2 : Paip Pengairan Air Antara Negera/Negeri/ Daerah H3.3 : Rumah Pam Bekalan Air H3.5 : Tangki Air H3.6 : Bekalan Air						
	H4 : Pegairan dan Perparitan	H4.2 : Kolam Takungan H4.3 : Rangkaian Sistem Perparitan / Monsun Drain						
	H5 : Telekomunikasi	H5.4 : Menara Pemancar Telekomunikasi H5.6 : Rizab Telekomunikasi H5.11 : Telekomunikasi Lain						

BP 11: CHENOR (JENGKA 10) **BPK 11.1** **JENGKA 10**

JENIS GUNA TANAH UTAMA	JENIS GUNA TANAH DIBENARKAN	AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		CATATAN (KOLUM I –KOLUM IV)	AKTIVITI YANG DIBENARKAN BAGI PERUBAHAN MATERIAL / TANAH / BANGUNAN		CATATAN (KOLUM V)
			AKTIVITI	SYARAT		AKTIVITI	SYARAT	
I : PERTANIAN	**I1 : Tanaman Makanan**	I1.1 : Buah – buahan I1.3 : Sayur - sayuran I1.4 : Tanaman Makanan Lain	**A : PERUMAHAN** A2 : Perumahan Bukan Strata A2.1: Rumah Sesebuah A2.6 : Penginapan Pekerja A3 : Perumahan Kampung A3.1 : Kampung Tersusun A3.3 : KampungTradisional A3.6 : Petempatan Estet/Perumahan Ladang **B : KOMERSIAL** B5 : Kegunaan Khusus Komersial B5.15 : Nurseri/ Tapak Semaian **C : INDUSTRI** C3 : Perlombongan C4 : Kegunaan Khusus Industri C4.3 : Ladang Solar **D : INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT** D1 : Pendidikan D2 : Kesihatan D3 : Keagamaan D4 : Perkuburan D4.1 : Perkuburan Islam D5 : Keselamatan D6 : Rumah Kebajikan D8 : Kemudahan D9 : Rumah Persatuan/Pertubuhan **E : TANAH LAPANG DAN REKREASI** E1 : Tanah Lapang E2 : Kemudahan Sukan dan Rekreasi E3 : Kawasan Hijau **H : INFRASTRUKTUR DAN UTILITI** H5 : Telekomunikasi H5.4 : Menara Pemancar Telekomunikasi	• Tertakluk kepada Akta Kanun Tanah Negara 1965 Perumahan; dibenarkan 1 unit rumah dalam lot pertanian <1 ekar atau tidak lebih daripada 1/5 keluasan tanah. **D3 : KEAGAMAAN** • Masjid dan surau perlu mendapatkan kelulusan JAIP dan MUIP. Lain – lain aktiviti keagamaan mendapat kelulusan RIBI. • Tidak dibenarkan tukar guna bangunan kediaman sediada kepada aktiviti keagamaan • **D3.1 : Masjid** • Dibenarkan Lain – lain aktiviti yang bersesuaian dan sepadan dengan peranan masjid sebagai pusat aktiviti masyarakat. • Menyediakan kemudahan yang secukupnya seperti yang ditetapkan oleh garis panduan dan piawaian yang digunapakai **D9 : Rumah Persatuan / Pertubuhan** • Tidak melibatkan sebarang bentuk aktiviti keagamaan	• Semua pembangunan perlu merujuk kepada pelan pembangunan alam sekitar, risiko bencana dan intensiti serta perlu mengambil langkah – langkah mitigasi • Aktiviti sediada perlu merujuk jadual A di m/s 2-10. • Menerapkan Pembangunan yang mempunyai elemen teknologi hijau, bandar selamat, bandar pintar dan pembangunan mampan dan lain – lain yang berkuatkuasa mengikut kelulusan PBN / PBT. • Kawasan lapang tidak dibenarkan digunakan sebagai kolam tadahan. • Permohonan pelaburan pertanian, perlombongan, dan pengkuarian tertakluk kepada kelulusan PBN. Sebarang aktiviti melombong dan mengeluarkan hasil bumi memerlukan Kebenaran Merancang daripada PBT dan agensi teknikal, serta hanya dibenarkan di tapak yang diluluskan. Tapak tersebut wajib dipulihkan semula ke keadaan asal yang produktif selepas tamat tempoh pajakan.	• Penginapan Pekeja • Aktiviti yang dibenarkan mengikut Kaedah Tanah Pahang 58C • Lain – lain aktiviti yang ditentukan oleh PBN / PBT	• Penginapan pekerja tertakluk kepada garis panduan semasa • Keperluan menyediakan kemudahan dan infrastruktur tambahan • Lain – lain aktiviti yang dibenarkan mengikut Kaedah Tanah Pahang 58 B dan 58 C	• Semua pembangunan perlu merujuk kepada pelan pembangunan alam sekitar, risiko bencana dan intensiti serta perlu mengambil langkah – langkah mitigasi • Lain – lain syarat yang berkaitan seperti dasar, garis panduan dan polisi yang berkuatkuasa.
	I2 : Komoditi	I2.1 : Getah I2.2 : Kelapa I2.5 : Komoditi Lain						
	I3 : Tanaman Lain	I3.1 : Bunga-bungaan I3.2 : Rempah Ratus/Herba I3.4 : Tembakau I3.5 : Tanaman Lain						
	I4 : Pertanian Campuran	I4.1 : Campuran Tanaman Makanan – Penternakan I4.2 : Campuran Tanaman Makanan-Penternakan-Perikanan I4.3 : Campuran Tanaman Makanan I4.4 : Campuran Pertanian Campuran Lain						
	I5 : Penternakan	I5.1 : Ayam I5.3 : Burung I5.4 : Itik/Angsa I5.5 : Kambing/Biri-biri I5.6 : Lembu/Kerbau I5.8 : Penternakan Campuran I5.9 : Penternakan Lain						
	I6 : Perikanan/ Akuakultur	I6.1 : Ikan I6.2 : Kolam Pancing I6.3 : Penternakan Ikan Hiasan I6.4 : Udang I6.5 : Akuakultur Lain						

BAB 5:
GARIS PANDUAN

Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)
Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)
Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)
Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)
Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)
Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)

5.1 Garis Panduan Umum

Garis Panduan Umum merangkumi garis panduan, manual dan piawaian perancangan yang telah disediakan oleh agensi berkaitan serta sedang diguna pakai. Oleh itu, semua pembangunan dan pemajuan di kawasan Rancangan Tempatan (RT) hendaklah merujuk kepada garis panduan tersebut bagi memastikan pelaksanaannya mematuhi dasar dan keperluan yang ditetapkan.

Bagi kajian ini, terdapat sebanyak 50 Garis Panduan Umum yang telah dikenal pasti dan dijadikan rujukan dalam penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian). Garis panduan tersebut merangkumi pelbagai bidang perancangan dan pembangunan yang berkaitan.

Jadual 5-1: Garis Panduan Umum

JENIS PEMBANGUNAN	GARIS PANDUAN UMUM	TERBITAN	TAHUN
Akuakultur	Garis Panduan Pembangunan Akuakultur di Malaysia	Jabatan Perikanan Malaysia	2006
Infrastruktur dan Utiliti	Reka Bentuk Bandar Selamat- Panduan Pelaksanaan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dari Laluan Bermotor: Pemasangan Tonggak Jalan dan Rel Penghadang	Unit Khas NKRA Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2010
Semua jenis pembangunan	Reka Bentuk Bandar Selamat- Garis Panduan Pemasangan CCTV Di Premis Perniagaan dan Tempat Awam	Unit Khas NKRA Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2010
Semua jenis pembangunan	Reka Bentuk Bandar Selamat- Panduan Pelaksanaan Crime Prevention Through Enviromental Design (CPTED)	Unit Khas NKRA Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2010
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Reka bentuk Sejagat (Universal Design)	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2011
Semua jenis pembangunan	Laporan Panduan Pelaksanaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2011
Infrastruktur dan Utiliti	Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau: Program Pengkomposan Sisa	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2012
Infrastruktur dan Utiliti	Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2012
Pertanian	Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau: Pembangunan Kebun Kejiranan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2012
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Kejiranan Hijau	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2012
Tanah Lapang dan Rekreasi	Garis Panduan Perancangan Taman Tema	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2012
Infrastruktur dan Utiliti	Garis Panduan Pelaksanaan Penyediaan Laluan Basikal	Kementerian Kerja Raya Malaysia	2013
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2014
Komersial	Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2016
Komersial	Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2016
Perumahan	Garis Panduan Perancangan Perumahan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2016
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Tadika dan Taska	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2017
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2017
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Pelaksanaan Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki (Healthy Walkable City - HWC)	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	2017

Sambungan Jadual 5-1

JENIS PEMBANGUNANZ	GARIS PANDUAN UMUM	TERBITAN	TAHUN
Komersial	Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2018
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2018
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Wilayah Persekutuan	2018
Penternakan	Garis Panduan Pengurusan Sisa Buangan Ternakan Ayam	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2019
Penternakan	Garis Panduan Pengurusan Sisa Buangan Ternakan Ruminan	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2019
Pertanian	Dasar Kebun Komuniti Bandar	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2019
Perumahan	Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)	2019
Perumahan	Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Skim Komuniti Berpengawal (Perumahan Bukan Strata)	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)	2019
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana Di Malaysia	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Wilayah Persekutuan	2019
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Perancangan Sempadan Pertumbuhan Bandar	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2019
Kawalan Hutan	Dasar Perhutanan Negara 2020	Menetapkan sasaran liputan hutan negara sekurang-kurangnya 50%. Menggariskan prinsip pengurusan hutan mampan (SFM), pemuliharaan biodiversiti, tegahan penebangan tidak terkawal dan galakan aktiviti pemulihan hutan.	2020
Pertanian	Garis Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun (GPPTB)	Jabatan Pertanian Malaysia	2020
Tanah Lapang dan Rekreasi	Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2021
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	2022
Kawalan Hutan	Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Sempadan Hijau Negeri Pahang (2022)	Menggariskan kaedah pembangunan berhampiran sempadan negeri termasuk kawasan HSK yang memerlukan zon penampan, had pembangunan, aktiviti dibenarkan dan tidak dibenarkan, serta keperluan penanaman semula dan pemuliharaan kawasan terosot.	2022
Kawalan Hutan	Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022	Menetapkan rangkaian ekologi hutan melalui Core Area, Linkage dan Buffer. Menentukan laluan hidupan liar, kawasan kritikal yang perlu dipelihara, serta pemulihan kawasan terfragmentasi bagi mengurangkan pemecahan habitat.	2022
Industri, Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labour Quarters-CLQ)	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	2023
Industri, Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labour Quarters-CLQ)	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	2023
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	2023
Penternakan	Garis Panduan Perancangan Ladang Penternakan Ayam (GPP LANTERA)	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	2023
Semua jenis pembangunan	Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2023
Tanah Lapang dan Rekreasi	Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2023
Industri dan Penternakan	Garis Panduan Industri Sarang Burung Walet (1GP) 2.0	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2024
Kawalan Hutan	PPP KSAS 2024 (Pelan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar)	Menetapkan kawalan KSAS Tahap 1 & 2 bagi HSK. Menyatakan syarat pembangunan, keperluan EIA, zon perlindungan, kawasan larangan, serta kawalan guna tanah yang bertujuan memelihara kestabilan ekosistem hutan.	2024

Sambungan Jadual 5-1

JENIS PEMBANGUNANZ	GARIS PANDUAN UMUM	TERBITAN	TAHUN
Pertanian	Garis Panduan Pembangunan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	Jabatan Pertanian Malaysia	2024
Kawalan Hutan	Garis Panduan REJIM Silvikultur Hutan Darat Terosot Semenanjung Malaysia (2025)	Digunakan bagi kawasan HSK yang telah terjejas, termasuk pemulihan kawasan larangan, penanaman spesies asli, kaedah bioengineering dan pemantauan jangka panjang.	2025
Penternakan	Garis Panduan Peraturan Penternakan Ayam Kampung	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-
Kawalan Hutan	Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)	Undang-undang utama yang mengawal pewartaan, perlindungan dan pengurusan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Menetapkan kategori hutan, larangan aktiviti, tindakan penguatkuasaan, dan kawalan guna tanah berhampiran HSK.	-
Kawalan Hutan	Garis Panduan Pemuliharaan Biodiversiti Kebangsaan (NBP 2022–2030)	Menggariskan objektif mengekalkan kepelbagaian biologi dalam kawasan hutan termasuk HSK, peraturan konservasi habitat, kawalan pembangunan dan strategi pemulihan kawasan biodiversiti penting.	-
Kawalan Hutan	MC&I (Sustainable Forest Management) Malaysia Standard	Panduan teknikal pengurusan hutan secara lestari merangkumi pemantauan biodiversiti, pengurusan hutan rekreasi, langkah pencegahan kebakaran hutan dan kaedah pemulihan hutan.	-
Kawalan Hutan	Garis Panduan Pembangunan Berhampiran Kawasan Tadahan Air & Sungai (JPS / PLANMalaysia)	Digunakan untuk mengawal aktiviti berhampiran HSK yang menjadi kawasan tadahan. Meliputi penetapan rizab sungai, kawalan erosi, tahap perlindungan kawasan sumber air dan teknik pengurusan aliran permukaan.	-
Kawalan Hutan	Rujukan Ekopelancongan Lestari (Tourism Malaysia & JPSM)	Digunakan untuk pembangunan eko-pelancongan berimpak rendah dalam HSK. Menetapkan prinsip reka bentuk, kawalan pelawat, perlindungan flora/fauna dan pembangunan fasiliti minimum tanpa menjejaskan alam.	-

5.2 Garis Panduan Khusus

Garis panduan khusus bagi Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian) dibahagikan kepada dua (2) kategori utama, iaitu garis panduan berkaitan persekitaran alam semula jadi dan garis panduan berkaitan persekitaran bandar. Kedua-dua kategori ini memainkan peranan penting dalam perancangan pembangunan di Daerah Jerantut bagi memastikan pembangunan yang teratur, lestari dan berdaya tahan.

Garis panduan khusus ini merujuk kepada prinsip serta amalan yang perlu dipatuhi untuk melindungi dan memelihara kedua-dua persekitaran tersebut melalui pelbagai aspek, termasuk pembangunan, pengurusan sumber dan kelestarian alam sekitar.

5.3 Garis Panduan Berkaitan Persekitaran Semula Jadi

Garis panduan berkaitan Persekitaran Semula Jadi disediakan sebagai rujukan dalam mengawal pembangunan yang melibatkan sumber semula jadi dan kawasan sensitif alam sekitar di Daerah Jerantut. Ia merangkumi aspek pemuliharaan hutan, sungai, rizab hidupan liar, kawasan tadahan air, biodiversiti, mitigasi bencana serta infrastruktur hijau bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kelestarian alam sekitar.

Pelaksanaan garis panduan ini menyokong pengurusan sumber asli secara bersepadu serta memperkukuh daya tahan alam sekitar selaras dengan matlamat pembangunan mampan Daerah Jerantut 2040.

GARIS PANDUAN BERKAITAN PERSEKITARAN ALAM SEMULA JADI

01 Pemuliharaan Biodiversiti
Menjaga dan melindungi spesies flora dan fauna yang terancam serta memastikan ekosistem kekal seimbang. Aktiviti seperti pembalakan haram dan pembukaan hutan untuk pembangunan harus dielakkan.

02 Pengurusan Sumber Alam
Menguruskan sumber semula jadi seperti air, tanah dan udara dengan cara yang lestari. Ini termasuk teknik pertanian yang mesra alam dan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui.

03 Pencegahan Pencemaran
Mewujudkan langkah-langkah untuk mengurangkan pencemaran udara, air dan tanah yang disebabkan oleh aktiviti manusia serta memantau dan mengawal pembuangan sisa yang berbahaya.

04 Pembangunan Yang Tidak Merosakkan Alam
Menggunakan pendekatan pembangunan yang mengutamakan pemuliharaan alam sekitar. Contohnya, pembangunan lestari dan penggunaan teknologi hijau.

GARIS PANDUAN BERKAITAN PERSEKITARAN ALAM SEMULA JADI

GARIS PANDUAN 1 — Garis Panduan Pemuliharaan Hutan Simpanan Kekal (HSK) — **GP 1**

GARIS PANDUAN 2 — Garis Panduan Pemeliharaan Rizab Sungai, Empangan dan Kawasan Tadahan Air — **GP 2**

GARIS PANDUAN 3 — Garis Panduan Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar — **GP 3**

GARIS PANDUAN 4 — Garis Panduan Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar — **GP 4**

Garis Panduan Pengurusan Kawasan Risiko Geobencana — **GP 5**

5.3.1 GP 1: Garis Panduan Pemuliharaan Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Garis panduan ini disediakan bagi memastikan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Daerah Jerantut dipelihara dan diurus secara mampan. Ia berfungsi sebagai panduan mengawal pembangunan di dalam dan sekitar HSK bagi melindungi biodiversiti, mengekalkan integriti ekologi, memelihara sumber air serta memastikan fungsi hutan terus terpelihara.

Garis panduan ini disediakan bagi memastikan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Daerah Jerantut dipelihara dan diurus secara mampan. Ia berfungsi sebagai panduan mengawal pembangunan di dalam dan sekitar HSK bagi melindungi biodiversiti, mengekalkan integriti ekologi, memelihara sumber air serta memastikan fungsi hutan terus terpelihara.

Jadual 5-2: Aspek dan Kawalan Pemuliharaan Hutan Simpanan Kekal (HSK)

NO	ASPEK	KAWALAN	PENERANGAN
1	**Perlindungan Kawasan Hutan**	• Mengekalkan status HSK tanpa penyahwartaan kecuali melalui proses sah. • Larangan pembalakan baharu dan pencerobohan. • Menetapkan zon perlindungan kawasan sensitif seperti cerun curam, tanah lembap dan habitat kritikal.	Kawalan ini memastikan kawasan HSK kekal sebagai hutan perlindungan dan tidak diganggu oleh pembangunan yang menjejaskan kestabilan ekologi. Ia memberi tumpuan kepada pemeliharaan hutan secara mampan demi mengekalkan fungsi asal HSK sebagai benteng biodiversiti dan kawasan perlindungan flora dan fauna.
2	**Integriti Ekologi & Biodiversiti**	• Mengekalkan habitat flora dan fauna bernilai tinggi. • Memastikan kesinambungan koridor ekologi dalam rangkaian Central Forest Spine (CFS). • Mengehadkan aktiviti rekreasi mengikut kapasiti tampung kawasan.	Bertujuan mengurangkan fragmentasi habitat melalui penyambungan kawasan hutan teras. Kawalan ini penting bagi mengekalkan ekosistem stabil, termasuk laluan migrasi hidupan liar dan tapak pembiakan spesies terancam seperti harimau, gajah dan tapir.
3	**Pengurusan Guna Tanah Bersebelahan HSK**	• Tidak membenarkan pembangunan intensif berhampiran sempadan HSK (perindustrian, perlombongan, perumahan padat). • Menggalakkan pembangunan rendah impak seperti *eco-lodge*, hutan pendidikan dan agroforestri lestari. • Menetapkan zon penampan 20–500m.	Kawalan ini melindungi HSK daripada tekanan pembangunan luar seperti pencemaran, pencerobohan dan gangguan manusia. Zon penampan berfungsi sebagai kawasan peralihan untuk menstabilkan interaksi antara guna tanah terbangun dan kawasan hutan.
4	**Kualiti Air, Tanah & Sumber Asli**	• Menetapkan rizab sungai minimum 20–50m. • Mengawal kerja tanah intensif berdekatan tadahan air. • • Larangan aktiviti kuari dan perlombongan yang menjejaskan hidrologi. • • Menguatkuasakan kawalan hakisan & kelodak.	Kawalan ini memastikan sistem hidrologi hutan berfungsi secara optimum. Tadahan air yang terpelihara mengurangkan risiko banjir, pencemaran dan kelodak. Rizab sungai bertindak sebagai zon amortisasi semula jadi yang menapis sedimen sebelum memasuki saliran utama.
5	**Keselamatan, Penguatkuasaan & Pemantauan**	• • Rondaan berkala oleh Jabatan Perhutanan dan agensi keselamatan. • • Pemantauan menggunakan sistem GIS, dron atau imejan satelit. • • Menyediakan pelan pencegahan kebakaran hutan.	Kawalan ini bertujuan mencegah pencerobohan, pembalakan haram, pembakaran terbuka dan risiko kebakaran hutan. Pemantauan berteknologi meningkatkan keupayaan pengesanan awal perubahan litupan hutan dan membolehkan tindakan segera.
6	**Pemulihan Kawasan Hutan Terosot**	• • Penanaman semula spesies asal hutan. • • Rawatan pemulihan cerun menggunakan bioengineering seperti vetiver, coir mat dan pembinaan teres. • • Pemantauan kawasan sehingga 3–5 tahun selepas intervensi.	Kawalan ini memfokus kepada pemulihan kawasan terdegradasi akibat pencerobohan, bencana alam atau aktiviti lampau. Ia bertujuan mengembalikan struktur dan fungsi ekosistem melalui pemulihan vegetatif dan stabilisasi tanah.
7	**Sosioekonomi & Komuniti Setempat**	• • Menggalakkan penglibatan komuniti setempat termasuk Orang Asli dalam aktiviti pemuliharaan. • • Menyediakan peluang pekerjaan hijau. • • Mengawal pembentukan penempatan baharu berdekatan sempadan HSK.	Kawalan ini memastikan komuniti tidak menjadi ancaman kepada hutan, sebaliknya menjadi rakan kolaborasi. Pendekatan inklusif ini mengurangkan risiko konflik manusia-hutan dan meningkatkan kesedaran pemuliharaan.
8	**Akses, Infrastruktur & Aktiviti Manusia**	• • Mengehadkan laluan akses baharu masuk ke HSK. • • Mengawal laluan rekreasi agar tidak menjejaskan kawasan sensitif. • • Tidak membenarkan pemasangan utiliti berskala besar melintasi HSK.	Kawalan ini melindungi kawasan hutan daripada gangguan manusia seperti bunyi, cahaya dan aktiviti intensif. Laluan atau infrastruktur yang tidak terancang boleh memecah habitat dan menjejaskan keselamatan hidupan liar.

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Rajah 5-1 menunjukkan kawalan pemuliharaan hutan simpanan kekal berdasarkan akta dan garis panduan iaitu Akta Perhutanan Negara 1984, Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Sempadan Hijau Negeri Pahang (2022), Panduan Perancangan dan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (PPP KSAS 2024), dan Central Forest Spine (CFS) Master Plan.

Rajah 5-1: Kawalan Mengikut Akta dan Garis Panduan

AKTA PERHUTANAN NEGARA (AKTA 313)

Kawalan

- Penggazetan dan Pengkelasan HSK
- Larangan Pencerobohan dan Penguatkuasaan
- Prosedur Lesen dan Permit
- Kawalan Aktiviti Pembangunan
- Pemeliharaan 50% Liputan Hutan
- Pengurusan Sumber Hutan Secara Lestari

Keterangan

Asas perundangan pengurusan HSK. Mengawal pencerobohan, pembalakan haram dan penukaran guna tanah. Memastikan 50% liputan hutan dan melindungi integriti kawasan

ENAKMEN PERHUTANAN NEGERI (PAHANG)

Kawalan

- Pengurusan Hutan Negeri
- Aktiviti Pembalakan Terkawal
- Lesen dan Permit Negeri
- Prosedur Pemantuan

Keterangan

Peraturan negeri berhubung pengurusan hutan, aktiviti pembalakan, lesen dan permit di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri pahang

DASAR PERHUTANAN NEGARA (DPN)

Kawalan

- Pemuliharaan Hutan
- Pembangunan Sektor Perhutanan
- Amalan Pengurusan Lestari
- Penglibatan Stakeholder

Keterangan

Hala tuju nasional dalam pemuliharaan dan pembangunan sektor perhutanan ke arah amalan pengurusan Lestari dan penglibatan komuniti.

GARIS PANDUAN KSAS (PLANMalaysia)

Kawalan

- Tahap Kepekaan Alam Sekitar
- Kawalan Pembangunan KSAS Tahap 1 & 2
- Perlindungan Spesies Terancam
- Koridor Ekologi

Keterangan

Menetapkan tahap kepekaan alam sekitar dan kawalan pembangunan bagi kawasan hutan HSK. Melindungi habitat spesies jaran g dan koridor ekologi.

GARIS PANDUAN PENGURUSAN BIODIVERSITI

Kawalan

- Pemuliharaan Flora dan Fauna
- Pengurusan Habitat
- Kawalan Aktiviti dalam HSK
- Pemantuan Spesies

Keterangan

Garis Panduan bagi pemuliharaan flora dan fauna dalam kawasan hutan dan ekosistem berkaitan. Pengurusan habitat dan pemantuan spesies terancam

MC&I / MTCS

Kawalan

- Amalan Pembalakan Berimpak Rendah (RIL)
- Pemantuan & Audit Berkala
- Pelan Pengurusan Hutan
- Indikator SFM

Keterangan

Piawaian pensijilan hutan yang mengesahkan amalan pengurusan hutan Lestari. Pembalakan berimpak rendah dan pemantuan berkala melalui audit telus

5.3.2 GP 2: Garis Panduan Pemeliharaan Rizab Sungai, Empangan dan Kawasan Tadahan Air

Garis Panduan Pemeliharaan Rizab Sungai, Empangan dan Kawasan Tadahan Air ini digubal bagi memastikan semua bentuk pembangunan dan aktiviti di kawasan sensitif sumber air mematuhi prinsip konservasi hidrologi serta perlindungan zon rizab. Garis panduan ini berperanan mengawal pencerobohan, serta mengekalkan ekologi sungai, empangan dan tadahan air.

Melalui kawalan pembangunan, pemantauan berterusan, penggunaan teknologi dan pewujudan zon penampan, memastikan kawasan kritikal ini terus berfungsi sebagai sistem sokongan air yang selamat, bersih dan berdaya tahan bagi masyarakat serta ekosistem sekitarnya.

Jadual 5-3 : Garis Panduan Yang Digunapakai Dalam Konteks Pemeliharaan Rizab Sungai, Empangan dan Kawasan Tadahan Air

NO	GARIS PANDUAN	KETERANGAN
1	**Garis Panduan Rizab Sungai (DID/JPS Malaysia)**	• Menetapkan lebar rizab sungai 20–50m mengikut kategori dan kelebaran sungai untuk melindungi kestabilan tebing, aliran semula jadi dan ekosistem riparian. • Mengawal pencerobohan, struktur kekal, kerja tanah dan pembangunan intensif dalam zon rizab bagi mencegah hakisan, sedimentasi dan risiko banjir.
2	**Garis Panduan Kawasan Tadahan Air & Zon Perlindungan Sumber Air (JPS / PLANMalaysia)**	• Menggariskan zon perlindungan Tahap 1–3 yang mengehadkan pembangunan berimpak tinggi agar tidak menjejaskan kualiti air mentah dan kapasiti tadahan. • Mengawal aktiviti pertanian, industri, penternakan dan penempatan bagi mengurangkan pencemaran nutrien, bahan kimia dan sedimen ke dalam sistem tadahan.
3	**Standard Perlindungan Empangan & Keselamatan Takungan (Dam Safety Guidelines – DID)**	• Menetapkan prosedur keselamatan empangan termasuk audit teknikal, pemantauan paras air, stabiliti struktur dan pelan kecemasan (EPP) bagi mencegah kegagalan empangan. • Mengawal pembangunan dalam zon risiko empangan seperti kawasan limpahan (inundation area) dan laluan pelepasan air bagi memastikan keselamatan komuniti.
4	**Garis Panduan Pengurusan Koridor Sungai (River Corridor Management Guidelines)**	• Menentukan kawalan pembangunan di sepanjang koridor sungai melalui penetapan zon penampan hijau dan langkah penstabilan tebing menggunakan teknik bioengineering. • Memulihara habitat akuatik dan riparian dengan menghadkan pembinaan struktur keras yang mengganggu aliran dan fungsi ekologi sungai.
5	**Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 & Peraturan Perairan Darat**	• Mengawal aktiviti yang melepaskan efluen, sisa atau bahan berbahaya ke sungai serta mewajibkan penilaian EIA bagi projek berisiko tinggi berhampiran sungai dan tadahan air. • Menguatkuasakan tindakan terhadap pencemar bagi memastikan sungai, empangan dan tadahan air mengekalkan tahap kualiti air kelas yang disasarkan.
6	**Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)**	• Menetapkan penggunaan LID (*Low Impact Development)* seperti kolam takungan, rain garden dan permeable pavement untuk mengurangkan aliran puncak dan hakisan tebing sungai. • Mengawal sedimen daripada kawasan pembangunan supaya tidak memasuki sungai dan empangan melalui amalan BMP (*Best Management Practices*).
7	**Akta Sumber Air Negara (National Water Resources Act)**	• Menyediakan kerangka pengurusan sumber air bersepadu (IWRM) termasuk perlindungan tadahan, kawalan pengabstrakan air dan pemantauan kuantiti/kualiti sumber air negara. • Memperkasakan penguatkuasaan terhadap pencerobohan rizab sungai, pencemaran dan penggunaan air tanpa kebenaran.
8	**Garis Panduan Penampan Hijau & Landskap Riparian (JLN / PLANMalaysia)**	• Menetapkan zon penampan hijau menggunakan spesies natif untuk menapis aliran permukaan, mengurangkan hakisan dan memulihara ekosistem riparian. • Menghadkan aktiviti pembangunan dalam zon penampan bagi memastikan kestabilan tebing dan perlindungan jangka panjang terhadap empangan dan sungai.
9	**Integrated River Basin Management (IRBM) Guidelines – Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu**	• Mengurus pembangunan dan guna tanah seluruh lembangan sungai bagi memastikan sumber air, biodiversiti, dan kapasiti aliran dikawal secara holistik. • Menyelaraskan tindakan merentas agensi (JPS, JAS, PBT) untuk mengawal banjir, hakisan, pencemaran dan tekanan pembangunan dalam lembangan.
10	**Garis Panduan Pembangunan Berimpak Rendah di Kawasan Sensitif Hidrologi (HSA)**	• Menghadkan pembangunan dan memerlukan teknik pembinaan minimum impak seperti struktur ringan, zon perlindungan tambahan dan pemantauan kualiti air berterusan. • Mengawal risiko kerosakan hidrologi seperti peningkatan aliran permukaan, sedimentasi dan gangguan fungsi tadahan air.

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Aspek ini memberi penekanan kepada perlindungan kawasan rizab sungai, empangan dan tadahan air melalui kawalan pembangunan, pengurusan zon penampan hijau serta pemantauan berterusan bagi memastikan kestabilan tebing, kelestarian ekosistem riparian dan keselamatan sumber air.

Kawalan yang ditetapkan bertujuan mengelakkan pencerobohan, pencemaran, risiko hakisan serta gangguan terhadap aliran semula jadi yang boleh menjejaskan fungsi hidrologi dan keselamatan empangan. Pendekatan bersepadu ini memastikan kawasan sensitif sumber air terus dipelihara dan menyokong kesejahteraan komuniti serta pembangunan bandar yang mampan.

Jadual 5-4: Aspek dan Kawalan Pemeliharaan Rizab Sungai, Empangan dan Kawasan Tadahan Air

NO	ASPEK	KAWALAN	PENERANGAN
1	**Pemeliharaan Rizab Sungai**	• Mengekalkan rizab sungai minimum 20–50 meter mengikut kategori sungai. • Larangan pembinaan struktur kekal dalam rizab sungai. • Mengawal aktiviti kerja tanah, penebangan dan pembersihan kawasan berhampiran tebing sungai.	Rizab sungai bertindak sebagai zon perlindungan bagi mengekalkan kestabilan tebing sungai, mengurangkan hakisan dan memastikan aliran air tidak terjejas oleh pembangunan. Kawalan ini menyokong integriti ekologi sungai, menstabilkan tanah dan mencegah degradasi habitat akuatik.
2	**Kualiti Air Sungai & Kawalan Pencemaran**	• Mengawal pelepasan efluen daripada pembangunan berdekatan. • Melarang pembuangan sisa pepejal, minyak atau bahan kimia ke dalam sistem sungai. • Menguatkuasakan keperluan perangkap sedimen, minyak dan gris.	Kawalan ini bertujuan mengekalkan kualiti air untuk ekologi, penggunaan domestik dan rekreasi. Pencegahan pencemaran penting bagi memastikan sungai berfungsi sebagai saliran semula jadi, habitat akuatik dan sumber air kepada komuniti.
3	**Keselamatan Empangan**	• Menetapkan zon keselamatan empangan merangkumi kawasan larangan dan kawasan kawal selia. • Melarang pembinaan berisiko seperti lombong, perumahan padat dan industri dalam zon bahaya empangan. • Menjalankan pemeriksaan struktur empangan secara berkala.	Kawalan ini memastikan keselamatan awam dan mengurangkan risiko kegagalan empangan. Zon keselamatan melindungi struktur empangan daripada tekanan luar, getaran, atau pembangunan yang boleh melemahkan keutuhan fizikalnya.
4	**Perlindungan Kawasan Tadahan Air**	• Melarang pembukaan tanah, kuari dan perlombongan dalam kawasan tadahan air. • Mengehadkan pembangunan berintensiti tinggi dalam zon tadahan primer dan sekunder. • Menggalakkan pembangunan berimpak rendah seperti kemudahan penyelidikan dan rekreasi terkawal.	Kawalan ini mengekalkan fungsi hidrologi kawasan huluan, mengurangkan risiko pencemaran sumber air mentah, serta memastikan kestabilan aliran air ke empangan dan sungai. Tadahan air yang terpelihara mengurangkan kos rawatan air.
5	**Kawalan Hakisan & Kelodak (Erosion & Sedimentation Control)**	• Memastikan semua tapak pembinaan memasang sistem ESC seperti perangkap kelodak, penapis silt fence dan kolam takungan sedimen. • Menghadkan kerja tanah semasa musim hujan. • Memulihkan cerun terdedah dengan penanaman cepat tumbuh.	Kawalan ini mengurangkan kemasukan kelodak ke dalam sungai dan empangan, yang boleh mengurangkan kapasiti tadahan serta menjejaskan kualiti air. Ia memastikan kestabilan cerun dan mengurangkan risiko tanah runtuh.
6	**Pengurusan Aktiviti Rekreasi & Akses**	• Mengehadkan laluan rekreasi di kawasan sensitif sungai & tadahan air. • Melarang aktiviti seperti perkhemahan tidak terkawal dan kenderaan bermotor di tebing sungai. • Menyediakan laluan dan platform rekreasi yang bersesuaian.	Kawalan ini memastikan aktiviti rekreasi tidak menjejaskan fungsi hidrologi atau menyebabkan pencemaran. Laluan khas mengurangkan risiko pemadatan tanah, hakisan dan gangguan kepada hidupan akuatik.
7	**Penguatkuasaan & Pemantauan**	• Melaksanakan audit berkala kualiti air. • Penggunaan sistem GIS, dron dan imejan satelit untuk memantau perubahan guna tanah dalam rizab sungai & tadahan air. • Tindakan penguatkuasaan terhadap pencerobohan atau pencemaran.	Kawalan ini memastikan pemeliharaan dijalankan secara berterusan. Pemantauan teknologi tinggi membantu mengesan masalah seperti sedimentasi, aktiviti haram atau pembangunan tidak sah lebih awal.
8	**Pemulihan Ekosistem Sungai & Tadahan Air**	• Menanam semula vegetasi riparian dengan spesies asli. • Memulihkan tebing sungai dengan kaedah bioengineering. • Memulihkan kawasan terosot dalam tadahan air.	Pemulihan ekosistem penting untuk mengembalikan kestabilan fizikal dan biologi sungai. Vegetasi riparian meningkatkan teduhan, kualiti air dan habitat akuatik. Pemulihan kawasan terosot menstabilkan aliran air dan mengurangkan banjir kilat.

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Rajah 5-2 menunjukkan kawalan pemuliharaan hutan simpanan kekal berdasarkan akta dan garis panduan iaitu Garis Panduan Rizab Sungai (DID/JPS Malaysia), Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Garis Panduan Pengurusan Koridor Sungai.

Rajah 5-2: Kawalan Mengikut Akta dan Garis Panduan

AKTA SUMBER AIR NEGARA (ASAN) / DASAR SUMBER AIR NEGARA

Kawalan

- Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai (IRBM)
- Zon Perlindungan Sumber Air
- Kawalan Pembangunan dalam Lembangan
- Pewartaan Zon Kritikal

Keterangan

Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai (IRBM) : Menetapkan mekanisme kawalan pembangunan, pencemaran dan penggunaan tanah dalam lembangan bagi Memastikan fungsi hidrologi dan kualiti air terpelihara

Zon Perlindungan Sumber Air : Mengarahkan pewartaan zon perlindungan di kawasan kritikal seperti hulu Sungai dan tadahan air untuk melindungi sumber air daripada pencerobohan atau aktiviti pembangunan berisiko

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (AKTA 127)

Kawalan

- Standard Pelepasan Efluen
- Pengawalan Aktiviti Berisiko Tinggi
- Sistem Pemantuan Kualiti Air
- Lesen Pelepasan Sisa

Keterangan

Standard Pelepasan Efluen : Menghadkan pelepasan sisa, industri, domestic dan pertanian ke Sungai untuk Memastikan kualiti air berada pada tahap selamat

Pengawalan Aktiviti Berisiko Tinggi : Menetapkan kawalan terhadap pembangunan berpotensi mencemar seperti industry, tapak pelupusan dan ternakan intensif dalam jarak tertentu dari tebing Sungai

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006 (AKTA 655)

Kawalan

- Keselamatan Empangan & Infrastruktur Air
- Pengurusan Kawasan Sensitif Air
- Pemantuan Berkala & Audit
- Kawalan Aktiviti Berisiko

Keterangan

Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai (IRBM) : Menetapkan mekanisme kawalan pembangunan, pencemaran dan penggunaan tanah dalam lembangan bagi Memastikan fungsi hidrologi dan kualiti air terpelihara

Zon Perlindungan Sumber Air : Mengarahkan pewartaan zon perlindungan di kawasan kritikal seperti hulu Sungai dan tadahan air untuk melindungi sumber air daripada pencerobohan atau aktiviti pembangunan berisiko

GARIS PANDUAN KSAS - PLANMalaysia

Kawalan

- Had Guna Tanah & Zon Penampan
- Kawalan Impak Alam Sekitar (EIA)
- Klasifikasi KSAS Tahap 1 & 2
- Buffer Zone Rizab Sungai

Keterangan

Had Guna Tanah & Zon Penampan : Menetapkan larangan pembangunan di Kawasan KSAS Tahap 1 (Contoh : Kawasan Tadahan Air) dan had ketumpatan rendah di KSAS Tahap 2 dengan buffer zone sepanjang rizab sungai

Kawalan Impak Alam Sekitar : Mengarahkan pelaksanaan EIA untuk aktiviti berpotensi menjejaskan Sungai, empangan atau tadahan seperti kuari, pembinaan jalan dan projek perumahan.

Sambungan rajah 5-2: Kawalan Mengikut Akta dan Garis Panduan

JADUAL RIZAB SUNGAI (JPS/ DID)

Kawalan

- Lebar Rizab Sungai Minimum
- Kawalan Pembangunan Dalam Rizab
- Larangan Struktur Tanpa Kebenaran
- Perlindungan Tebing Sungai

Keterangan

Lebar Rizab Sungai Minimum:
Menggariskan jarak rizab khusus (contoh : 20m – 40m untuk Sungai utama) bagi melindungi fungsi fizikal dan hidrologi Sungai

Kawalan Pembangunan Dalam Rizab :
Melarang sebarang struktur, penambakan atau perubahan tebing Sungai tanpa kebenaran teknikal JPS bagi mengelak hakisan adn banjir

GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN SUMBER AIR (SPAN / JAS / JPS)

Kawalan

- Kawalan Aktiviti di Kawasan Tadahan
- Zon Kawasan Sensitif Air (Zon 1, 2 , 3)
- Pematuhan Kualiti Air Mentah
- Pemantuan Berkala

Keterangan

Kawalan Aktiviti di Kawasan Tadahan :
Menetapkan zon kawasan sensitif air (Zon 1, 2, 3) dengan tahap sekatan pembangunan berbeza mengikut Risiko kepada sumber air.

Pematuhan Kualiti Air Mentah :
Menetapkan standard kualiti air mentah (raw water quality) dan keperluan pemantuan berkala bagi mencegah kemerosotan sumber.

GARIS PANDUAN PENGURUSAN SUNGAI DAN KORIDOR SUNGAI (JPS)

Kawalan

- Reka Bentuk Koridor Sungai
- Pengawalan Aktiviti Rekreasi & Infrastruktur
- Kestabilan Struktur Sungai
- Keperluan Landskap

Keterangan

Reka Bentuk Koridor Sungai :
Menentukan lebar koridor, keperluan landskap dan reka bentuk tebing bagi Memastikan kestabilan struktur sungai

Pengawalan Aktiviti Rekreasi & Infrastruktur :
Mengawal aktiviti seperti trekking, penginapan atau jetty bagi mengelakkan gangguan ekologi dan Peningkatan hakisan tebing

Sambungan rajah 5-2: Kawalan Mengikut Akta dan Garis Panduan

AKTA SUMBER AIR NEGARA (ASAN) / DASAR SUMBER AIR NEGARA

Kawalan

- Akta Utama Pengawalan Pengurusan
- Perlindungan dan Pemuliharaan
- Aktiviti dalam Taman Negara
- Penguatkuasaan Zon Kritikal

Keterangan

Larangan & Kawalan Aktiviti : Menetapkan larangan pembangunan, pemburuan, pemugutan hasil hutan, pembinaan dan aktiviti mengubah landskap tanpa permit rasmi. Mengawal sebarang gangguan kepada hidupan liar dan ekosistem

Pengurusan Zon Konservasi : Meningkatkan zon perlindungan ketat, zon pelawat dan zon pemuliharaan bagi Memastikan tekanan dapat di kawal selia dengan ketat di kawasan sensitif tinggi

DASAR PERHUTANAN NEGARA 2020

Kawalan

- Prinsip Kelestarian Hutan
- Kawasan Perlindungan Tinggi
- Pengurusan Hutan Mampan

Keterangan

Pengukuhan Kawasan Perlindungan : Mengukuhkan pengambilan kawasan penampan sebagai hutan perlindungan bagi mengurangkan tekanan pembangunan di sekeliling Taman Negara

Pengurusan Hutan Mampan : Menetapkan amalan konservasi jangka panjang melalui pemantauan biodiversiti perlindungan kawasan sensitif dan pemuliharaan hutan rosot

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010 (AKTA 716)

Kawalan

- Perlindungan Flora dan Fauna Terancam
- Kawalan dalam Kawasan Taman Negara
- Penguatkuasaan Ekologi

Keterangan

Kawalan Gangguan Ekologi : Mengawal sebarang aktiviti yang menyebabkan habitat terfragmentasi termasuk toluan utiliti, pembangunan atau aktiviti pelawat yang menjejaskan kawasan kritikal

PELAN PENGURUSAN TAMAN NEGARA (JABATAN PERHILITAN)

Kawalan

- Dokumen Teknikal Rasmi
- Strategi Zon, Pelan Pelawat
- Pemuliharaan Habitat

Keterangan

Zonasi Kawasan Taman Negara: Mengasingkan kawasan kepada zon rekreasi, zon konservasi ketat, zon kajian dan zon pemuliharaan habitat untuk mengawal intensity penggunaan kawasan

Pengurusan Pelawat & Impak Pelancong : Menetapkan kapasiti tampung pelawat, rekabentuk infrastruktur rendah impak dan mekanisme mitigasi hakisan serta gangguan hidupan liar.

PELAN PENGURUSAN TAMAN NEGARA (JABATAN PERHILITAN)

Kawalan

- Pembangunan Rekreasi Terkawal
- Kawasan Sensitif Hutan, Sungai, Puncak
- Perlindungan Infrastruktur & Biodiversiti

Keterangan

Kawalan Infrastruktur Rekreasi : Menetapkan reka bentuk kemudahan (jerawak, viewpoint, campsite, signage) untuk elak kerosakan tanah dan gangguan hidupan liar.

Pengurusan Risiko Alam & Biodiverisiti : Mengawal aktiviti rekreasi supaya tidak ganggu zon pembiakan, laluan hidupan liar, dan kawasan sensitif.

PELAN PENGURUSAN TAMAN NEGARA (JABATAN PERHILITAN)

Kawalan

- Taman Negara Sebagai KSAS Tahap 1
- Kawalan Ketat Pembangunan
- Zon Penampan & Luar Sempadan

Keterangan

Larangan Pembangunan : Menetapkan bahawa semua bentuk pembangunan fizikal, infrastruktur berat dan industri dan petadangan Adalah dilarang di kawasan Taman Negara

Zon Penampan & Kawasan Luar Sempadan : Menetapkan keperluan buffer zone di sekeliling sempadan Taman Negara bagi mengurangkan tekanan manusia, pencemaran dan konflik hidupan liar

5.3.3 GP 3: Garis Panduan Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar

Garis Panduan Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar ini disediakan bagi memastikan kawasan perlindungan fauna kritikal dipelihara melalui kawalan pembangunan, pengurusan habitat, dan perlindungan koridor biodiversiti. Garis panduan ini menekankan keperluan mengekalkan integriti ekologi habitat utama seperti kawasan ragutan, laluan migrasi dan zon pembiakan, di samping mengawal aktiviti manusia yang berpotensi mengancam populasi hidupan liar.

Melalui had pembangunan, pengawalan pencerobohan, pengurusan konflik manusia–hidupan liar, serta pelaksanaan zon penampan dan pemantauan berterusan, GP 4 memastikan rizab hidupan liar terus berfungsi sebagai kawasan perlindungan yang stabil, selamat dan menyokong kelangsungan spesies jarang, endemik dan terancam

Jadual 5-5 : Garis Panduan Yang Digunapakai Dalam Konteks Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar

NO	GARIS PANDUAN	KETERANGAN
1	**Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)**	Undang-undang utama yang mengawal pemuliharaan dan pengurusan hidupan liar di Malaysia. Menetapkan perlindungan spesies dilindungi sepenuhnya, sebahagian dilindungi, kawasan perlindungan hidupan liar, larangan pemburuan haram, perdagangan haram dan gangguan terhadap habitat semula jadi.
2	**Akta Perhilitan Negara 1972 (Akta 76)**	Mengawal selia pengurusan hidupan liar dan taman negara di bawah bidang kuasa Jabatan PERHILITAN. Meliputi kawalan pemburuan, permit penangkapan, kuarantin haiwan liar, pendaftaran premis hidupan liar dan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan berkaitan hidupan liar.
3	**Garis Panduan Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar (PERHILITAN 2019)**	Menetapkan mekanisme pengurusan konflik antara manusia dengan hidupan liar seperti gajah, harimau, tapir dan monyet. Termasuk prosedur aduan, pasukan respons kecemasan, teknik mitigasi (pagar elektrik, translokasi), kompensasi ganti rugi dan program kesedaran komuniti.
4	**Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Harimau Belang Malaysia (National Tiger Action Plan 2020-2030)**	Strategi pemuliharaan harimau belang Malaysia yang menetapkan sasaran peningkatan populasi harimau melalui perlindungan habitat kritikal, koridor ekologi, kawalan pemburuan haram, program pemantauan populasi dan pembangunan kapasiti penguatkuasaan.
5	**Garis Panduan Pemuliharaan Gajah (Elephant Conservation Management Plan)**	Panduan pengurusan dan pemuliharaan gajah Asia di Malaysia termasuk pemetaan laluan migrasi gajah, penetapan kawasan penting bagi gajah (Elephant Range), pengurusan konflik dengan manusia, teknik translokasi selamat dan pemantauan populasi menggunakan teknologi GPS.
6	**CITES (Convention on International Trade in Endangered Species)**	Konvensyen antarabangsa yang mengawal perdagangan spesies terancam. Malaysia sebagai negara pihak mesti mematuhi peraturan import/eksport spesies CITES Appendix I, II dan III. Meliputi permit khas, pengesahan asal, dokumentasi lengkap dan kawalan sempadan yang ketat.
7	**Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan Pusat Pemulihan Hidupan Liar**	Menetapkan piawaian untuk penubuhan dan operasi pusat pemulihan hidupan liar (wildlife rescue center). Meliputi keperluan kemudahan veterinar, protokol rawatan, program pemulihan, kriteria pelepasan semula ke alam liar dan pengurusan haiwan yang tidak boleh dilepaskan.
8	**Dasar Koridor Ekologi dan Penghubung Habitat (Wildlife Corridor Policy)**	Menetapkan keperluan koridor ekologi untuk menghubungkan habitat hidupan liar yang terfragmentasi. Termasuk pemetaan koridor penting, kawalan pembangunan dalam koridor, pembinaan lintasan hidupan liar (wildlife crossing), penanaman vegetasi penghubung dan pemantauan penggunaan koridor.
9	**Garis Panduan Pemantauan Populasi Hidupan Liar (Wildlife Population Monitoring Guidelines)**	Kaedah standard untuk pemantauan populasi hidupan liar menggunakan teknik seperti kamera perangkap, telemetri GPS, analisis DNA, jejak kaki, sisa biologis dan survei visual. Menetapkan protokol pengumpulan data, analisis statistik populasi dan pelaporan status spesies.
10	**Garis Panduan Penguatkuasaan Anti-Pemburuan Haram (Anti-Poaching Enforcement Guidelines)**	Panduan operasi penguatkuasaan terhadap pemburuan haram termasuk strategi rondaan, teknik pengesanan, penggunaan teknologi pemantauan (dron, sensor), kerjasama dengan pihak berkuasa lain, prosedur tangkapan dan pendakwaan, serta pengurusan barang kes rampasan.
11	**Garis Panduan Translokasi Hidupan Liar (Wildlife Translocation Guidelines)**	Menetapkan protokol translokasi (pemindahan) hidupan liar yang selamat dan beretika. Meliputi penilaian kesihatan haiwan, pemilihan lokasi pelepasan yang sesuai, protokol pembiusan dan pengangkutan, tempoh kuarantin, pemantauan post-release dan penilaian kejayaan translokasi.
12	**Garis Panduan Pelancongan Berasaskan Hidupan Liar (Wildlife-Based Tourism Guidelines)**	Mengawal aktiviti pelancongan yang melibatkan pemerhatian hidupan liar untuk memastikan kesejahteraan haiwan dan kelestarian habitat. Menetapkan jarak minimum pemerhatian, had bilangan pelawat, waktu lawatan, larangan memberi makan dan mengganggu, serta keperluan pemandu berlesen.

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Aspek dan kawalan Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar disediakan bagi memastikan pengurusan kawasan rizab dilaksanakan secara teratur, berkesan dan mampan. Ia merangkumi perlindungan habitat, kawalan guna tanah, pemeliharaan integriti ekologi, keselamatan, mitigasi konflik manusia–hidupan liar serta pemulihan habitat, bagi memastikan habitat kekal stabil dan terlindung daripada ancaman pembangunan serta gangguan manusia.

Jadual 5-6: Aspek dan Kawalan Pemuliharaan Rizab Hidupan Liar

NO	ASPEK	KAWALAN	PENERANGAN
1	**Perlindungan Kawasan Rizab Hidupan Liar**	• Mengekalkan kawasan rizab tanpa pindaan warta kecuali melalui proses sah. • Melarang pencerobohan, pemburuan, pembangunan dan penebangan. • Menetapkan zon larangan untuk habitat kritikal dan laluan migrasi.	Kawalan ini memastikan rizab kekal sebagai kawasan perlindungan utama, mengekalkan kestabilan ekologi serta melindungi habitat spesies terancam seperti harimau, gajah, tapir dan seladang.
2	**Integriti Ekologi & Biodiversiti**	• Mengekalkan habitat utama dan koridor ekologi. • Mengawal aktiviti mengikut kapasiti tampung. • Menetapkan zon perlindungan spesies kritikal.	Kawalan ini memastikan kesinambungan pergerakan hidupan liar, mengurangkan fragmentasi habitat serta mengelakkan konflik manusia–hidupan liar.
3	**Guna Tanah Bersebelahan Rizab**	• Tidak membenarkan pembangunan intensif berhampiran rizab. • Menetapkan zon penampan 500 m atau lebih mengikut sensitiviti. • Menggalakkan guna tanah rendah impak.	Kawalan ini mengurangkan tekanan pembangunan luar seperti pencemaran, bunyi dan cahaya. Zon penampan memberi ruang selamat untuk hidupan liar bergerak dan mengurangkan risiko gangguan manusia.
4	**Kualiti Air, Tanah & Habitat Semula Jadi**	• Melindungi badan air daripada pencemaran. • Mengawal kerja tanah dan pembukaan kawasan. • Mengekalkan vegetasi riparian semula jadi.	Kawalan ini mengekalkan habitat akuatik dan daratan melalui perlindungan sumber air. Tanpa kawalan ini, risiko hakisan, kelodak dan degradasi habitat meningkat, menjejaskan keseluruhan ekosistem rizab.
5	**Keselamatan, Penguatkuasaan & Pemantauan**	• Rondaan berkala oleh PERHILITAN dan agensi keselamatan. • Pemantauan melalui GIS, dron dan kamera perangkap. • Pemantauan berkala populasi spesies utama.	Kawalan ini menangani pemburuan haram, penyeludupan dan pencerobohan. Pemantauan moden meningkatkan ketepatan pengesanan awal, membolehkan tindakan segera untuk melindungi rizab dan hidupan liar di dalamnya.
6	**Pemulihan Habitat & Kawasan Degradasi**	• Pemulihan habitat terdegradasi. • Penanaman spesies asli. • Menggunakan kaedah bioengineering bagi kawasan cerun terdedah.	Kawalan ini memulihkan habitat yang rosot akibat aktiviti manusia atau bencana. Pemulihan vegetatif dan cerun meningkatkan kualiti habitat, kestabilan tanah dan menyediakan perlindungan semula jadi kepada hidupan liar.
7	**Sosioekonomi & Konflik Manusia–Hidupan Liar**	• Mitigasi konflik manusia–hidupan liar. • Penglibatan komuniti setempat. • Garis panduan pengurusan konflik untuk spesies berisiko tinggi.	Kawalan ini mengurangkan insiden kerosakan ladang, serangan atau konflik lain melibatkan hidupan liar. Penglibatan komuniti membantu meningkatkan kesedaran dan penerimaan terhadap pemuliharaan sambil mengurangkan kejadian pembunuhan balas (retaliatory killing).
8	**Akses, Infrastruktur & Aktiviti Manusia**	• Mengehadkan pembinaan jalan dan utiliti yang memecah habitat. • Mengawal aktiviti rekreasi dan penyelidikan. • Menetapkan peraturan pergerakan kenderaan semasa waktu aktif hidupan liar.	Kawalan ini mengekalkan habitat daripada fragmentasi dan gangguan manusia. Infrastruktur terkawal memastikan kawasan kekal sebagai zon senyap (quiet zone) bagi hidupan liar, mengurangkan risiko pelanggaran dan kematian haiwan.

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Rajah 5-3 menunjukkan kawalan pemuliharaan hutan simpanan kekal berdasarkan akta dan garis panduan iaitu Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), Akta Perhilitan Negara 1972 (Akta 76), Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Harimau Belang Malaysia (National Tiger Action Plan 2020-2030), Garis Panduan Pemuliharaan Gajah, dan Garis Panduan Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar (PERHILITAN 2019).

Rajah 5-3: Kawalan Mengikut Akta dan Garis Panduan

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010 (AKTA 716)

Undang – undang utama untuk perlindungan spesies, habitat dan penguatkuasaan di Rizab Hidupan Liar

- **Kawalan Aktiviti & Perlindungan Spesies**
Menetapkan larangan pemburuan, pemasangan jerat, pemilikan hidupan liar dan pencerobohan habitat; permit hanya diberikan untuk tujuan penyelidikan terkawal

- **Penguatkuasaaan & Zon Perlindungan**
Membolehkan pewartaan kawasan perlindungan, rondaan penguatkuasaan (PERHILITAN) serta tindakan undang – undang terhadap penceroboh dan pemburu haram

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (AKTA 313)

Memberi kuasa untuk mewartakan Hutan Simpanan Kekal sebagai Rizab Hidupan Liar dan melindunginya daripada penebangan atau pembangunan

- **Pewartaan & Kawalan Guna Tanah**
Membenarkan penetapan kawasan hutan sebagai kawasan perlindungan khusus bagi spesies terancam; pembangunan tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan konservasi

- **Pengurusan Hutan untuk Konservasi**
Menggalakkan pemulihan hutan rosot, pemantuan biodiversitiserta perlindungan koridor ekologi yang menyokong pergerakan fauna liar

GARIS PANDUAN KORIDOR EKOLOGI & PERGERAKAN HIDUPAN LIAR (PERHILITAN / CFS)

Mengarahkan pembentukan koridor ekologi antara kawasan habitat utama seperti CFS, HSK dan Rizab Hidupan Liar

- **Pemuliharaan Lalua Pergerakan Fauna**
Menetapkan lebar koridor, zon penampan dan struktur lintasan hidupan liar seperti viaduct, culvert dan canopy bridge

- **Mengurangkan Pemecahan Habitat**
Menetapkan zon konservasi ketat, zon penyelidikan dan zon rekreasi bag mengelakkan gangguan manusia di kawasan habitat utama

PELAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR (WILDLIFE MANAGEMENT PLAN – PERHILITAN)

Dokumen rujukan untuk strategi konservasi spesies, pemantauan habitat dan kawal selia pengunjung

- **Pengurusan Habitat & Spesies Fokus**
Menetapkan strategi bagi pemuliharaan spesies utama seperti harimau, gajah, tapir dan burung enggang melalui pemulihan habitat dan mitigasi konflik manusia – hidupan liar

- **Pemantuan Populasi & Risiko**
Melibatkan penggunaan kamera perangkap, survei jejak, dan penilaian ancaman unuk memastikan status populasi dapat dipantau secara berterusan

GARIS PANDUAN KSAS PLANMalaysia – KAWASAN PERLINDUNGAN TAHAP 1 & 2

Mengklasifikasikan Rizab Hidupan Liar sebagai KSAS kritikal yang tertakluk kepada kawalan pembangunan ketat

- **Larangan & Sekatan Pembangunan**
Pembangunan berskala besar, perumahan, industri dan infrastruktur berat adalah dilarang di KSAS Tahap 1; hanya aktiviti penyelidikan dan pemuliharaan dibenarkan

- **Zon Penampan di Kawasan Perlindungan Hidupan Liar**
Menetapkan buffer 50 – 500 meter bergantung tahap sensitiviti habitat bagi mengurangkan gangguan bunyi, cahaya dan manusia

GARIS PANDUAN AKTIVITI REKREASI BERIMPAK RENDAH (PERHILITAN / JPSM)

Mengawal aktiviti rekreasi dalam kawasan berhampiran atau dalam Rizab Hidupan Liar

- **Kawalan Aktiviti Pelawat**
Menghadkan jumlah pelawat, laluan trekking, kawasan perkhemahan dan penggunaan bot supaya tidak mengganggu spesies sensitif

- **Infrastruktur Rendah Impak**
Menetapkan reka bentuk minimum seperti boardwalk, menara pemerhati burung dan laluan berpandukan mitigasi hakisan dan gangguan hidupan liar

AKTA TAMAN NEGARA 1939 (PINDAAN 1984)

Menyokong perlindungan habitat dan ekosistem dalam kawasan yang juga digazet sebagai Rizab Hidupan Liar

- **Perlindungan Habitat Kritikal**
Mengawal pembangunan, pembinaan struktur dan aktiviti manusia dalam habitat sensitif seperti laluan hidupan liar, zon pembiakan dan kawasan makanan

- **Zonasi & Akses Terkawal**
Menetapkan zon konservasi ketat, zon penyelidikan dan zon rekreasi bag mengelakkan gangguan manusia di kawasan habitat utama

A) Kawalan Perancangan/Pembangunan

Kawalan Perancangan/Pembangunan merujuk kepada kawasan tertentu yang dikenakan kawalan khas oleh PBT atau agensi perancangan untuk mengatur dan mengurus pembangunan di kawasan tersebut. Zon ini diwujudkan bagi memastikan pembangunan berlaku secara terancang, mampan dan selaras dengan dasar serta garis panduan yang telah ditetapkan. Tujuan kawalan perancangan/pembangunan adalah untuk:

- Melindungi Kawasan Sensitif Alam Sekitar - Mengawal pembangunan di kawasan seperti hutan simpan, tanah lembap, kawasan tadahan air dan pantai.
- Mengurangkan Risiko Bencana - Mengehadkan pembangunan di kawasan berisiko tinggi seperti cerun curam, kawasan banjir, atau kawasan gempa bumi.
- Meningkatkan Kualiti Kehidupan - Memastikan perancangan bandar dan luar bandar yang sesuai untuk mewujudkan persekitaran yang selesa, selamat dan berkualiti.
- Menjamin Pembangunan Lestari - Mengimbangi keperluan pembangunan dengan pemeliharaan alam sekitar dan warisan budaya.
- Mengelakkan Konflik Guna Tanah -Menentukan penggunaan tanah yang sesuai seperti perumahan, perindustrian, pertanian, atau rekreasi supaya tidak bercampur secara tidak terkawal.

Jadual 5-7 : Kategori Risiko Bencana Banjir dan Aktiviti yang Dibenarkan Dengan Syarat

TAHAP RISIKO	CIRI-CIRI	AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT
Tahap 3: **(Risiko Tinggi)**	• Aras bahaya. • Tidak selamat. • Berisiko tinggi banjir. • Kawasan laluan banjir • Kawasan banjir yang mempunyai *Average Recurrence Interval* (ARI) 50 tahun dan ke bawah	**Aktiviti yang Dibenarkan:** • Rekreasi, kawasan lapang dan landskap, kawasan terbuka, pertanian yang sesuai dan kawasan pemuliharaan **Syarat Pembangunan:** • Tiada pembangunan tepubina dibenarkan. • Bahan pembangunan hendaklah jenis *flood proof* untuk mengurangkan tahap kemusnahan pada waktu banjir. • Membina struktur seperti *flood mitigation dams*, tetambak, lintasan banjir (*bypass flood*), memperbaiki saluran air keluar dan membentuk takungan air sebagai pilihan kedua sekiranya langkah-langkah bukan berstruktur kurang berkesan. • Sebarang struktur kekal tidak dibenarkan dan struktur tidak kekal yang dibina mestilah tidak menghalang laluan air. • Pembangunan dalam kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut MSMA dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) oleh JPS.
Tahap 2: **(Risiko Sederhana)**	• Agak tidak bahaya. • Agak selamat. • Sedikit risiko banjir. • Kawasan pinggiran banjir (*flood fringe*) • Kawasan banjir yang mempunyai ARI 50 hingga 100 tahun.	**Aktiviti yang Dibenarkan** • Rekreasi, kawasan lapang dan landskap, zon penampan, pelancongan berkepadatan rendah, pertanian yang sesuai, pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS. **Syarat Pembangunan** • Dibenarkan dengan syarat-syarat khusus pematuhan rizab sungai, kecerunan, kerjatanah, Pelan Kawalan Hakisan dan Sedimen (ESCP) dan Langkah Kawalan dan Pencegahan Pencemaran untuk Tanah Terganggu (LDP2M2)". • Semua pembangunan baharu mestilah menyediakan aras platform bagi memenuhi reka bentuk kala ulangan (*return period*) minimum 10 tahun ARI. • Struktur bangunan mestilah yang berdaya tahan banjir • Tiada pembangunan yang berisiko menimbulkan masalah pencemaran.
Tahap 1: **(Risiko Rendah)**	• Kawasan *flood-free*/ luar dataran banjir • Kawasan banjir yang mempunyai ARI 100 tahun dan ke atas.	**Aktiviti yang Dibenarkan** • Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi perlu sesuai dengan keadaan fizikal dan persekitaran. **Syarat Pembangunan** • Memaksimumkan peratusan kawasan hijau dan rekreasi dalam Kawasan pembangunan (terutamanya di kawasan rendah). • Mengurangkan peratusan permukaan tidak telap air dalam Kawasan pembangunan. • Perlu menerapkan konsep *Low Impact Development* (LID) dalam pembangunan. • Perlu mematuhi keperluan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dalam pengurusan air rebut (*stormwater*).

Jadual 5-8 : Kategori Risiko Bencana Banjir dan Aktiviti yang Dibenarkan Dengan Syarat (Kecerunan)

TAHAP RISIKO	CIRI-CIRI	AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT
Tahap 3: (Risiko Tinggi)	IV (>35°)	• Tanah adalah sensitif dan sebarang pembangunan perlu dikawal. Oleh kerana kejadian tanah runtuh sering terjadi di kawasan ini, pemotongan cerun perlu dikawal ketat bagi tujuan keselamatan.
Tahap 2: (Risiko Sederhana)	III (>25°- 35°)	• Aktiviti pembangunan sederhana sensitif seperti pelancongan dan rekreasi. Pembangunan perlu dipantau dan dikawal serta pemotongan cerun untuk platform adalah minima.
Tahap 1: (Risiko Rendah)	II (>15°- 25°)	• Tanah sesuai untuk dibangunkan dengan syarat penduduk kepadatan sederhana, ketinggian bangunan maksima 5 tingkat dan reka bentuk bangunan mengikut kecerunan asal/semula jadi dengan pengurangan kerja *cut and fill*.
	I (<15°)	• Tanah sesuai untuk dibangunkan. Hakisan tanah adalah sangat minimum dan tidak berbahaya dari segi keselamatan.

Sumber: GPP Bandar Berdaya Tahan Bencana Di Malaysia, PLANMalaysia 2019

B) Garis Panduan Pembangunan bagi Pinggir Dataran Banjir *(Flood Fringe)*

Pembangunan di zon *flood fringe* dibenarkan dengan syarat ia tidak meningkatkan risiko banjir dan mematuhi keperluan peraturan sedia ada bagi kegunaan kediaman, komersial dan pemuliharaan. Aktiviti rekreasi turut dibenarkan, tertakluk kepada kawalan ketat terhadap kebersihan alam sekitar dan pengurusan risiko banjir. Pembangunan baharu hanya boleh dipertimbangkan di kawasan *flood fringe* sekiranya memenuhi syarat berikut:

- Langkah mitigasi risiko banjir telah dilaksanakan sepenuhnya.
- Tiada risiko banjir baharu dan keadaan banjir sedia ada tidak bertambah buruk.
- Tiada kesan alam sekitar yang ketara akibat pembangunan.
- Permohonan disertakan maklumat teknikal mencukupi termasuk reka bentuk yang mengambil kira langkah pencegahan terhadap kesan banjir dalam tempoh 100 tahun.
- Pelan Pengurusan Risiko Banjir dikemukakan dan disahkan oleh Jurutera Profesional Bertauliah, yang akan memikul tanggungjawab penuh terhadap ketepatan dan pelaksanaan pelan tersebut.

Foto 5-1: Konsep Guna Tanah di Kawasan Pinggir Dataran Banjir
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

C) Garis Panduan Pembangunan Bagi Kolam Takungan

Reka bentuk kolam takungan perlu mematuhi piawaian JPS, termasuk pengiraan kapasiti kolam, reka bentuk kecerunan dan penggunaan alat mekanikal yang sesuai untuk mengawal aras air.

- Reka bentuk kolam hendaklah berdasarkan **kala ulangan 20 tahun (ARI 1:20)** dan disemak bagi **kala ulangan 100 tahun (ARI 1:100)**.
- Mengekalkan topografi asal tapak sebanyak mungkin dan meminimumkan kerja tanah.
- Memastikan tiada pelepasan kumbahan atau sisa buangan ke dalam kolam takungan.
- Mewajibkan pembinaan kolam takungan bagi pembangunan perumahan, industri dan pertanian tertentu melebihi **10 hektar**.
- Mengaplikasikan **Low Impact Development (LID)** seperti **bioretensi** dan **permeable pavers** bagi mengurangkan aliran air permukaan dan meningkatkan resapan air.

D) Garis Panduan Pembangunan bagi Penggunaan Bahan Telap Air

Permeable pavers merupakan turapan telap air yang sesuai digunakan di kawasan trafik rendah seperti tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki dan jalan bertrafik rendah. Penggunaannya membolehkan air hujan meresap ke dalam tanah, sekali gus mengurangkan air larian permukaan, risiko banjir serta membantu menapis pencemar. Kaedah ini menyokong pembangunan bandar yang lebih mampan dan mesra alam.

- Mengekalkan bentuk muka bumi asal sebanyak mungkin untuk mengelakkan kerosakan alam sekitar.
- Mengambil langkah mitigasi banjir dalam semua aspek pembangunan termasuk pemetaan kawasan risiko.
- Memastikan pembangunan hanya melibatkan infrastruktur asas yang perlu seperti jalan raya dan saliran.
- Mencegah pelepasan bahan pencemar ke kawasan sensitif seperti sungai, kolam takungan dan dataran banjir.
- Menggunakan bahan dan teknik pembinaan yang menggalakkan penyerapan air seperti *permeable pavers* dan *bioretention*.
- Semua projek pembangunan mesti disahkan dan dipantau oleh jurutera profesional untuk memastikan kepatuhan terhadap piawaian.
- Menghadkan jenis pembangunan yang dibenarkan di kawasan risiko tinggi dan sensitif alam sekitar.

Konsep Kolam Takungan
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Konsep Pembangunan Penggunaan Bahan Telap Air
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

E) Garis Panduan Pembangunan Bagi Pembinaan Tembok Banjir

Pembinaan tembok banjir merupakan langkah penting untuk mengurangkan risiko limpahan sungai serta melindungi nyawa, harta benda dan infrastruktur. Selain mengurangkan kerugian ekonomi akibat banjir, ia meningkatkan keselamatan penduduk, menyokong kelangsungan aktiviti ekonomi dan membantu pengurusan sumber air. Pelaksanaannya hendaklah mengambil kira aspek kelestarian alam sekitar bagi memastikan perlindungan banjir yang berkesan dan mampan.Garis panduan pembinaan bagi pembinaan tembok banjir adalah seperti berikut:

- Reka bentuk mesti mematuhi piawaian teknikal yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.
- Mengambil kira analisis hidrologi dan topografi kawasan sungai.
- Melibatkan jurutera profesional dalam semua peringkat pembangunan.
- Tidak mengganggu habitat semula jadi atau ekosistem sungai.
- Memberi keutamaan kepada kawasan berimpak tinggi yang memerlukan perlindungan segera.
- Pastikan tembok direka berdasarkan jangkaan tahap air banjir maksimum.
- Gabungkan tembok banjir dengan infrastruktur lain seperti saluran air dan sistem perparitan.
- Gunakan bahan mesra alam seperti konkrit rendah karbon dan teknologi hijau untuk mengurangkan kesan ekologi.

F) Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi

Struktur berhampiran kaki bukit atau cerun yang hampir menegak (lebih daripada 70°) dan tiada langkah kejuruteraan untuk menstabilkan cerun hendaklah dibina pada jarak sekurang-kurangnya dua (2) kali ganda ketinggian cerun tersebut.

Struktur di atas rabung cerun yang dipotong atau cerun hampir menegak (lebih daripada 70°) yang telah dilaksanakan langkah kejuruteraan bagi penstabilan cerun hendaklah dibina pada jarak sekurang-kurangnya satu (1) kali ganda ketinggian cerun tersebut.



Konsep Pembangunan Pembinaan Tembok Banjir
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)





Zon Penampan Dari Ketinggian Cerun/Tanah Tinggi Penampan Dikira Dari Ketinggian Cerun/Tanah Tinggi
Sumber : GPP Bandar Berdaya Tahan Bencana Di Malaysia, PLANMalaysia 2019

5.4 Garis Panduan Berkaitan Persekitaran Alam Bina

Garis Panduan Berkaitan Persekitaran Alam Bina disediakan sebagai panduan dalam merancang dan mengawal pembangunan fizikal bagi mewujudkan persekitaran yang teratur, selamat, berfungsi serta berkualiti. Garis panduan ini merangkumi aspek perancangan guna tanah, reka bentuk bandar, infrastruktur, kemudahan awam, pengangkutan, utiliti dan pembangunan fizikal yang berkaitan.

Pelaksanaan garis panduan ini bertujuan memastikan setiap pembangunan di kawasan Rancangan Tempatan (RT) memenuhi keperluan perancangan semasa, meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta menyokong pembangunan yang mampan dan berdaya tahan.

GARIS PANDUAN BERKAITAN PERSEKITARAN ALAM BINA

Pengurusan Pencemaran Udara dan Bunyi
Memastikan kawalan terhadap pencemaran udara seperti asap kenderaan dan kilang serta bunyi bising yang boleh mengganggu kesihatan awam.
01

Perancangan Bandar yang Mesra Alam
Mengutamakan penggunaan ruang hijau, taman bandar & kawasan penyerapan air hujan untuk mengelakkan kejadian banjir di kawasan bandar. Pembangunan yang mampan dan selaras dengan alam sekitar.
02

Pengurusan Sisa
Mewujudkan system pengurusan sisa yang berkesan termasuklah pengasingan dan kitar semula untuk mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.
03

Pengangkutan:
Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan berjalan kaki serta mempromosikan penggunaan kenderaan elektrik untuk mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar bandar.
04

GARIS PANDUAN BERKAITAN PERSEKITARAN ALAM BINA

GARIS PANDUAN 1 — Garis Panduan Reka Bentuk Bandar *(Urban Design Guideline)* — **GP 1**

GARIS PANDUAN 2 — Garis Panduan Pemeliharaan Warisan Kebangsaan — **GP 2**

GARIS PANDUAN 3 — Garis Panduan Pembangunan Tanah Lapang dan Rekreasi — **GP 3**

GARIS PANDUAN 4 — Garis Panduan Pemulihan Pokok dan Pengurusan Infrastruktur Hijau (ILAM) — **GP 4**

GARIS PANDUAN 5 — Garis Panduan 200 Malaysia's *Native Trees For Street Planting* — **GP 5**

GARIS PANDUAN 6 — Garis Panduan Pembangunan Burung Walit — **GP 6**

GARIS PANDUAN 7 — Garis Panduan Tempat Perkuburan Islam — **GP 7**

5.4.1 GP 1: Garis Panduan Reka Bentuk Bandar *(Urban Design Guideline)*

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar (Urban Design Guideline - UDG) disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju dan agensi pelaksana dalam merancang serta mengawal pembangunan bandar yang terancang, berkualiti, estetik, selamat dan mesra pengguna. Reka bentuk bandar memberi penekanan kepada penyusunan ruang fizikal yang mengintegrasikan guna tanah, infrastruktur, kemudahan awam dan ruang terbuka bagi mewujudkan persekitaran bandar yang berdaya huni, mampan dan berdaya saing.

Pelaksanaan garis panduan ini menekankan prinsip pembangunan mampan melalui keseimbangan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar, di samping menggalakkan penyediaan ruang awam berkualiti, bandar hijau, bandar selamat, mobiliti yang baik serta identiti tempat yang kukuh. Garis panduan ini diadaptasi daripada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Garis Panduan Reka Bentuk Bandar PLANMalaysia, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), UD Guidebook: A Distinctive & Delightful City (2023) dan GPP Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS) (2023), selaras dengan aspirasi pembangunan mampan Daerah Jerantut menjelang 2040.

Jadual 5-9 : Garis Panduan Yang Digunapakai Dalam Konteks Reka Bentuk Bandar

NO	GARIS PANDUAN	KETERANGAN
1	**Garis Panduan Reka Bentuk Bandar (PLANMalaysia)**	Garis panduan ini merangkumi pelbagai aspek reka bentuk bandar seperti berikut:- • **Reka Bentuk Ruang Awam:** Panduan tentang kaedah merancang taman, dataran dan ruang terbuka untuk kegunaan awam. • **Jalan dan Laluan Pejalan Kaki:** Arahan mengenai lebar jalan, laluan pejalan kaki dan lorong basikal untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna. • **Bangunan dan Seni Bina:** Prinsip-prinsip reka bentuk bangunan yang harmoni dengan persekitaran sekitarnya. • **Landskap Bandar:** Panduan mengenai penggunaan elemen landskap seperti pokok, taman dan air pancut untuk memperindah kawasan bandar.
2	**Garis Panduan Zon Perdagangan dan Perniagaan**	Fokus kepada reka bentuk kawasan perniagaan dan komersial termasuk kedai, pasar raya dan pusat membeli-belah. Menekankan aspek seperti reka bentuk fasad, papan tanda dan ruang letak kereta.
3	**Garis Panduan Kawasan Perumahan**	Merangkumi reka bentuk perumahan termasuk susun atur jalan, lorong, taman permainan dan kawasan rekreasi. Memastikan perumahan mesra pengguna, selamat dan sesuai untuk semua golongan.
4	**Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat**	Merancang dan mereka bentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan orang kurang / kelainan upaya (OKU).
5	**Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Mampan**	Menekankan pembangunan yang mampan dan mesra alam termasuk penggunaan bahan binaan hijau, teknologi tenaga boleh diperbaharui dan sistem pengurusan air yang cekap.
6	**Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan**	Menyelia, memelihara dan mengurus kawasan atau bangunan yang berpotensi memiliki nilai sejarah dan warisan, namun belum diiktiraf sebagai Tapak Warisan (TW), Tapak Warisan Kebangsaan (TWK) atau Tapak Warisan Dunia UNESCO (TWD).
7	**Garis Panduan Khusus Tempatan**	Beberapa bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Johor Bahru mempunyai garis panduan reka bentuk bandar yang khusus untuk keperluan tempatan. Sebagai contoh adalah Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Kuala Lumpur 2020 yang diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
8	**Adaptasi Piawaian Antarabangsa**	Garis panduan reka bentuk bandar Malaysia juga merujuk kepada piawaian antarabangsa seperti *New Urbanism* dan *Smart Growth* yang disesuaikan dengan konteks tempatan. Sebagai contoh adalah *New Urban Agenda* 2016, *Singapore Urban Design Guidebook* 2023 dan sebagainya.

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Kawalan ini bertujuan untuk menyediakan panduan dalam pembangunan kawasan bandar di daerah Jerantut dengan pendekatan yang mampan dan inklusif. Ia mengadaptasi prinsip-prinsip dari pelbagai sumber termasuk UD *Guidebook: A Distinctive & Delightful City*, GPP Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Garis Panduan Reka Bentuk Bandar (PLANMalaysia) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Pendekatan ini memastikan bahawa pembangunan bandar di dalam daerah Jerantut khususnya serasi dengan identiti tempatan, memelihara warisan budaya dan menyediakan persekitaran yang mesra pengguna serta mampan. Terdapat lapan (8) aspek utama berbentuk kawalan bagi reka bentuk bandar seperti berikut:-

Jadual 5-10 : Aspek dan Kawalan Reka Bentuk Bandar

NO	ASPEK	KAWALAN	PENERANGAN
1	**Penetapan Zon dan Identiti Daerah**	Zon-zon khas ditetapkan untuk memastikan setiap kawasan membangun selaras dengan identiti dan fungsinya	**Zon Khas:** Setiap zon mempunyai peraturan khas yang mengawal jenis pembangunan yang dibenarkan untuk memastikan keserasian dengan identiti daerah. **Pembangunan Berteraskan Identiti:** Kawalan juga memastikan bahawa pembangunan baru tidak merosakkan ciri-ciri khas yang memberikan identiti kepada zon tersebut. "*Urban design strategies are developed at various scales to help craft our city in our own image into one that has global appeal as well as local attachment*." (UD *Guidebook*, Halaman 18)
2	**Kawalan Bangunan dan Landskap**	Kawalan ke atas ketinggian, bentuk dan jarak antara bangunan untuk memastikan keseragaman visual dan harmoni dengan persekitaran	**Had Ketinggian Bangunan:** Ketinggian maksimum bangunan ditentukan untuk mencegah bangunan tinggi daripada mendominasi landskap bandar atau merosakkan pemandangan. Di kawasan tertentu seperti pusat bandar atau kawasan warisan, ketinggian bangunan boleh dihadkan lebih ketat untuk mengekalkan karakter dan skala manusia. **Jarak Antara Bangunan:** Menentukan jarak minimum antara bangunan membantu memastikan aliran udara yang baik, pencahayaan semula jadi dan privasi bagi penghuni. Ini juga penting dalam membentuk ruang awam yang berkualiti dan boleh diakses. **Bentuk dan Reka Bentuk Bangunan:** Mengawal bentuk bangunan memastikan kesesuaian dengan konteks persekitaran. Bangunan harus direka dengan mengambil kira elemen estetika dan fungsi seperti penggunaan bahan yang sesuai dengan iklim dan tradisi tempatan. **Pemandangan dan Garis Langit (*Skyline*):** Kawalan ini memastikan bahawa pemandangan bandar dan garis langit kekal menarik dan tidak terganggu oleh pembangunan yang tidak terkawal. "*Development control is an essential tool in guiding the form and structure of the built environment to ensure compatibility and coherence in urban areas*." (UD *Guidebook*, Halaman 12)
3	**Reka Bentuk Mesra Pengguna**	Reka bentuk mesra pengguna menekankan kepentingan mencipta persekitaran yang mudah diakses dan digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuk kanak-kanak, warga tua dan individu berkeperluan khas	**Laluan Pejalan Kaki:** Mewujudkan laluan pejalan kaki yang luas, teduh dan selamat di seluruh kawasan bandar untuk meningkatkan kebolehcapaian dan keselamatan. **Kemudahan Akses:** Memastikan semua kemudahan awam seperti taman, stesen pengangkutan dan bangunan mempunyai akses mudah bagi individu berkeperluan khas seperti laluan khas dan lif yang mesra pengguna. **Reka Bentuk Sejagat:** Menggalakkan penerapan reka bentuk sejagat yang memenuhi keperluan pelbagai pengguna tanpa diskriminasi. "*Urban design focuses on people – shaping environments that are safe and comfortable to be in and to move around to conduct daily work and social life*." (UD *Guidebook*, Halaman 12)
4	**Pemulihan Bangunan Warisan**	Pemulihan bangunan warisan bertujuan untuk memelihara elemen sejarah dan budaya yang berharga di daerah Jerantut serta membolehkan adaptasi fungsi untuk kegunaan moden	**Inventori Warisan:** Menjalankan inventori menyeluruh untuk mengenal pasti dan mendokumentasikan semua bangunan bersejarah. **Garis Panduan Pemuliharaan:** Menetapkan garis panduan ketat untuk kerja-kerja pemuliharaan, memastikan bahan dan teknik pemulihan sesuai dengan keaslian bangunan. **Penggunaan Semula Adaptif:** Membenarkan penggunaan semula adaptif bangunan warisan untuk tujuan yang berbeza seperti muzium, restoran atau ruang komuniti dengan syarat penyesuaian ini tidak merosakkan elemen sejarah. *"Pemetaan kebudayaan melibatkan proses dan pendekatan secara bottom up, di mana maklumat daripada penduduk dan komuniti setempat mengenai aset warisan direkodkan di dalam sistem maklumat geografi." (PeWARIS, Halaman 14)*

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Sambungan Jadual 5-10: Aspek dan Kawalan Reka Bentuk Bandar

NO	ASPEK	KAWALAN	PENERANGAN
5	**Garis Panduan Aktiviti dan Pembangunan di Kawasan Warisan**	Garis panduan ini memastikan bahawa semua aktiviti dan pembangunan di kawasan warisan selaras dengan usaha pemuliharaan dan tidak mengganggu keseimbangan sejarah serta budaya kawasan tersebut	**Aktiviti Yang Dibolehkan:** Aktiviti yang menyokong nilai sejarah dan budaya seperti festival tradisional atau pasar seni dibenarkan. **Pembangunan Baru:** Pembangunan baru mesti disesuaikan dengan konteks sejarah kawasan dan tidak boleh merosakkan pemandangan atau struktur bersejarah. **Mengehad Aktiviti Merosakkan:** Aktiviti yang boleh mengganggu atau merosakkan nilai sejarah kawasan seperti perniagaan berat atau projek yang merosakkan landskap adalah dilarang. *"Aktiviti yang boleh mengekalkan atau menambah nilai sejarah, identiti dan imej sesuatu kawasan, tapak atau bangunan warisan." (PeWARIS, Halaman 15)*
6	**Pelaksanaan dan Penguatkuasaan**	Penguatkuasaan yang berkesan adalah kunci untuk memastikan bahawa semua garis panduan dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi secara konsisten	**Pemantauan Berkala:** Melaksanakan pemantauan berkala di tapak-tapak pembangunan untuk memastikan kepatuhan kepada garis panduan yang ditetapkan. **Sistem Pelaporan:** Mewujudkan sistem pelaporan yang membolehkan masyarakat melaporkan sebarang pelanggaran kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). **Tindakan Undang-Undang:** Mengambil tindakan undang-undang yang tegas terhadap pihak yang melanggar peraturan untuk memberikan kesan pencegahan. **Kesedaran dan Pendidikan:** Mengadakan kempen kesedaran dan pendidikan untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan pematuhan terhadap garis panduan ini. *"Garis panduan ini terpakai bagi tiga (3) komponen utama iaitu monumen, kumpulan bangunan dan tapak yang telah dikenal pasti." (PeWARIS, Halaman 8)*
7	**Penggunaan Teknologi Dalam Perancangan Bandar**	Teknologi moden dapat membantu dalam perancangan bandar yang lebih efisien dan efektif melalui pemantauan, perancangan dan pengurusan yang lebih baik	**Sistem Maklumat Geografi (GIS):** Menggunakan GIS untuk memantau dan menganalisis perkembangan bandar secara *real-time*, memastikan pembangunan selaras dengan rancangan yang diluluskan. **Platform Digital:** Membolehkan akses kepada data perancangan bandar melalui platform digital yang boleh diakses oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemaju. **Alat Pemantauan Pintar:** Menggunakan alat pemantauan pintar untuk mengawasi parameter seperti kualiti udara, kebisingan dan lalu lintas untuk memastikan persekitaran bandar yang selamat dan sihat. **Penglibatan Komuniti Digital:** Menggunakan media sosial dan platform dalam talian untuk melibatkan komuniti dalam proses perancangan dan menerima maklum balas secara langsung. *"Pemetaan kebudayaan melibatkan proses dan pendekatan secara bottom up, di mana maklumat daripada penduduk dan komuniti setempat mengenai aset warisan direkodkan di dalam sistem maklumat geografi." (PeWARIS, Halaman 14)*
8	**Integrasi Kawasan Hijau**	Kawasan hijau perlu diintegrasikan dalam perancangan bandar untuk menyediakan ruang rekreasi dan meningkatkan kualiti persekitaran	**Peratusan Minimum Kawasan Hijau:** Menentukan peratusan minimum kawasan hijau dalam setiap projek pembangunan untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar. **Taman Awam dan Laluan Hijau:** Menggalakkan pembangunan taman awam yang dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat serta laluan hijau yang menghubungkan pelbagai kawasan di bandar, menyediakan laluan rekreasi dan alternatif pengangkutan mesra alam. **Landskap Yang Lestari:** Menggunakan prinsip landskap lestari dalam reka bentuk kawasan hijau termasuk penggunaan tumbuhan tempatan dan sistem pengairan yang efisien untuk mengurangkan penggunaan sumber air "*Greenery became a key element of urban design when the idea of marrying greenery into the built environment was introduced through the Landscaping for Urban Spaces and High-Rises (LUSH) programme*." (UD *Guidebook*, Halaman 17)

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Jadual 5-1 menunjukkan kawalan reka bentuk bandar berdasarkan akta dan garis panduan iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Garis Panduan Reka Bentuk Bandar (PLANMalaysia) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Jadual 5-11 : Kawalan Mengikut Akta dan Garis Panduan

NO	ASPEK	KAWALAN	PENERANGAN
1	**Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**	Akta ini menyediakan asas perundangan untuk perancangan bandar dan desa di Malaysia, termasuk keperluan untuk menyediakan rancangan pemajuan seperti Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK)	**Penyediaan Rancangan Pemajuan:** Mengatur prosedur penyediaan rancangan pemajuan untuk memastikan pembangunan yang sistematik dan terkawal. **Kelulusan dan Pemantauan:** Memastikan semua pembangunan mematuhi rancangan pemajuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). **Penglibatan Awam:** Mewajibkan penglibatan awam dalam proses perancangan untuk memastikan bahawa pembangunan mencerminkan keperluan dan aspirasi komuniti setempat. *"Akta ini membolehkan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) menyegerakan tindakan perancangan ke atas sesuatu kawasan melalui penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK)." (Akta 172)*
2	**Garis Panduan Reka Bentuk Bandar (PLANMalaysia)**	PLANMalaysia menyediakan garis panduan yang menyeluruh untuk reka bentuk bandar yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup melalui perancangan yang mampan dan inklusif	**Reka Bentuk Ruang Awam:** Mengarahkan reka bentuk ruang awam yang mesra pengguna, selamat dan menarik serta memastikan aksesibiliti dan penggunaan yang maksimum oleh masyarakat. **Pembangunan Mampan:** Menggalakkan pembangunan yang mampan melalui penggunaan teknologi hijau dan bahan binaan yang mesra alam. **Keserasian Dengan Alam Sekitar:** Memastikan pembangunan baru tidak merosakkan ekosistem tempatan dan mempromosikan integrasi dengan elemen semula jadi seperti kawasan hijau dan badan air. *"Garis Panduan Reka Bentuk Bandar PLANMalaysia memberikan panduan dalam mencipta bandar yang sejahtera, menarik dan berdaya huni." (PLANMalaysia)*
3	**Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)**	Akta ini bertujuan untuk melindungi dan memulihara warisan kebangsaan, termasuk bangunan, tapak dan kawasan bersejarah	**Pengisytiharan Tapak Warisan:** Menetapkan prosedur pengisytiharan tapak sebagai warisan untuk memberikan perlindungan undang-undang terhadap perubahan atau pemusnahan. **Pengurusan dan Pemeliharaan:** Mengatur pengurusan dan pemeliharaan tapak warisan dengan menetapkan tanggungjawab pihak berkuasa dan pemilik untuk menjaga integriti tapak. **Kawalan Aktiviti:** Mengawal aktiviti pembangunan dan penggunaan tapak warisan untuk memastikan keserasian dengan nilai sejarah dan budaya tapak tersebut. *"Akta ini menetapkan keperluan untuk menyediakan pelan pengurusan pemuliharaan bagi tapak warisan untuk memastikan pemuliharaan, pemulihan dan pemeliharaan." (Akta 645)*

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Melalui penerapan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar (*Urban Design Guideline* - UDG) ini, daerah Jerantut dapat memastikan pembangunan yang serasi dengan identiti tempatan, memelihara warisan budaya dan menyediakan persekitaran bandar yang mesra pengguna serta mampan. Secara umumnya, terdapat **19 panduan berkaitan reka bentuk bandar** untuk tujuan rujukan bersama. Panduan-panduan ini akan menjadi asas bagi perancangan dan pembangunan masa hadapan di daerah Jerantut. Perincian-perincian panduan reka bentuk bandar adalah seperti berikut:-

A) Garis Panduan Lorong Belakang

Garis panduan ini bertujuan bagi membantu pihak berkuasa negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi berkaitan dan pemaju hartanah di dalam merancang dan mengawal penyediaan lorong belakang di dalam skim pembangunan supaya ianya lebih sistematik dan tersusun bagi meningkatkan kualiti persekitaran penduduk di dalam memenuhi keperluan dan hasrat pemilik rumah.

Reka Bentuk

- **Mural**: Dinding lorong belakang boleh dihiasi dengan mural yang menggambarkan budaya warisan atau sejarah Bandar Jerantut.
- **Lukisan Lantai**: Dihias dengan lukisan lantai dengan daya tarikan visual dan memberi tema warisan kepada lorong.
- **Ruang Duduk:** Bangku dengan reka bentuk moden dan warna terang sesuai untuk lorong yang luas.

Bahan Binaan

- Lampu boleh menggunakan reka bentuk moden atau gaya hiasan yang sepadan dengan tema alam semula jadi seperti lampu berbentuk daun atau bunga.
- Permukaan laluan menggunakan bahan seperti *concrete paving* yang mempunyai warna terang atau corak semula jadi.

Warna

- Warna terang seperti merah, kuning dan biru boleh digunakan untuk menarik perhatian dan memberi sentuhan warisan alam semula jadi.
- Lantai yang berwarna ceria seperti motif-motif bunga tempatan atau corak geometri budaya warisan alam semula jadi.

LORONG BELAKANG YANG DIBENARKAN

i. Warna terang diterapkan pada pasu tumbuhan, mural atau struktur kecil untuk mencipta perasaan yang positif dan segar.
ii. Bangku atau tempat duduk yang sesuai menggunakan bahan lestari atau anti-karat untuk kegunaan awam dan pekerja kedai.
iii. Lampu LED dengan tenaga suria yang mesra alam untuk menerangi lorong pada waktu malam, memastikan keselamatan sambil menjaga alam sekitar.
iv. Mural bertemakan alam atau fauna tempatan dengan warna terang pada dinding untuk menarik perhatian dan mengindahkan lorong.

LORONG BELAKANG YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak pembinaan struktur kekal yang besar atau menghalang ruang lorong.
ii. Jangan biar lorong terlalu gelap atau berbahaya, perlu memastikan kawasan cukup terang pada waktu malam.
iii. Elak warna yang tidak serasi dengan tema alam, perlu mengelak warna-warna seperti hitam pekat atau merah terang secara berlebihan.

B) Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat

Perancangan kemudahan dan persekitaran bandar bercirikan reka bentuk sejagat hendaklah mematuhi kawalan am perancangan seperti berikut:-

- Kemudahan Yang Bersepadu
- Perletakan Kemudahan Yang Ideal
- Kemudahsampaian
- Mesra Pengguna

Reka Bentuk

- Lorong dan pintu yang lebar untuk membolehkan pergerakan tanpa halangan.
- Papan tanda yang jelas dan mudah dibaca serta simbol universal untuk memudahkan pemahaman.
- Perabot yang direka untuk memberikan keselesaan kepada pengguna dengan pelbagai keperluan seperti kerusi dan meja disesuaikan dari aspek ketinggian untuk menampung semua lapisan pengguna.
- Laluan pejalan kaki sesuai untuk semua individu termasuk pengguna kerusi roda.
- *Step ramp / dropped kerb* berhampiran persimpangan lampu isyarat.

Bahan Binaan

- Laluan pejalan kaki menggunakan bahan yang tidak licin.
- Jubin dengan permukaan anti gelincir atau tekstur getah untuk mengurangkan risiko gelinciran.

Warna

- Papan tanda mempunyai kontras warna yang baik dan saiz yang mudah dibaca.
- Warna cerah untuk elemen penting dan warna yang lebih lembut untuk latar belakang.

REKA BENTUK SEJAGAT YANG DIBENARKAN

i. Laluan pejalan kaki tanpa sebarang halangan fizikal.
ii. Pilih lantai dan permukaan yang mengurangkan risiko tergelincir.
iii. Laluan pejalan kaki tanpa sebarang halangan fizikal
iv. Simbol tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda di atas permukaan jalan, saiz minimum tempat letak kereta sudut tepat adalah 3600 mm lebar x 4800 mm panjang.

REKA BENTUK SEJAGAT YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak pembinaan struktur kekal yang besar atau menghalang ruang lorong.
ii. Jangan biar lorong terlalu gelap atau berbahaya, perlu memastikan kawasan cukup terang pada waktu malam.
iii. Elak warna yang tidak serasi dengan tema alam, perlu mengelak warna-warna seperti hitam pekat atau merah terang secara berlebihan.

Guiding Blocks / Tactile Blocks

Laluan Pejalan Kaki Tanpa Sebarang Halangan dan Sesuai Untuk Semua Individu Termasuk Pengguna Kerusi Roda

Lintasan Pejalan Kaki



Bollard di Laluan Pejalan Kaki Serta Saiz Penutup Longkang Tidak Mengganggu Pergerakan OKU

Laluan Pejalan Kaki

Laluan Pejalan Kaki Tanpa Sebarang Halangan dan Sesuai Untuk Semua Individu Termasuk Pengguna Kerusi Roda

Tempat Letak Kereta

Simbol Tempat Letak Kereta Untuk Pengguna Kerusi Roda Dengan Saiz Minimum Tempat Letak Kereta Sudut Tepat Adalah 3600 mm Lebar X 4800 mm Panjang

Ramp

Step *Ramp / Dropped Kerb* Berhampiran Persimpangan Lampu Isyarat dan di Taman Awam

Perabot Jalan

Contoh Reka Bentuk Bangku Awam Yang Mesra Pengguna dan
Ketinggian Pagar Keselamatan Yang Sesuai Bagi Menghindar Bahaya

C) Garis Panduan Arca / Mercu Tanda

Mercu tanda berfungsi sebagai petunjuk arah dan memperkukuh identiti kawasan. Rekaan perlu mengutamakan estetika, fungsi dan keselamatan untuk menarik perhatian pengunjung dan memberikan kesan positif. Panduan ini bertujuan untuk mencerminkan nilai setempat, memenuhi keperluan pengguna dan memastikan kelestarian persekitaran melibatka perkara-perkara berikut:-

- **Papan Tanda:** Struktur yang memaparkan maklumat arah, keselamatan dan kemudahan awam untuk membantu navigasi penduduk dan pengunjung.
- **Nama Jalan:** Penanda rasmi untuk jalan atau lorong, memudahkan identifikasi lokasi dan memberi identiti kawasan.
- **Papan Maklumat:** Memberi maklumat tentang kawasan atau kemudahan seperti sejarah, aktiviti atau peraturan tempat untuk kefahaman pengunjung.

Reka Bentuk

- Mewujudkan mercu tanda pintu masuk utama yang mencerminkan identiti dan budaya setempat di kawasan MDJ sebagai elemen penyambut yang unik dan hanya dapat ditemui di daerah Jerantut.
- Struktur seni yang mencerminkan sejarah dan budaya setempat.
- Mercu tanda alam yang memanfaatkan landskap semula jadi.
- Struktur moden seperti menara atau bangunan dengan bentuk geometrik yang menarik.
- Struktur yang menggalakkan interaksi pengunjung seperti dinding seni atau papan maklumat interaktif.

Bahan Binaan

- Bahan tempatan seperti batu atau kayu berkonsepkan alam semula jadi.
- Bahan seperti kaca dan keluli untuk memberikan penampilan yang bersih dan *futuristic* yang tahan lasak dan tidak mudah terjejas dengan vandalisme.
- Bahan yang sesuai dengan konteks sejarah seperti batu bata atau granit.

Warna

- Warna yang mencerminkan sejarah dan budaya tempatan seperti warna tanah atau warna yang sering digunakan dalam seni tradisional.
- Warna yang lebih cerah dan menarik untuk bahagian tertentu mercu tanda seperti logo atau nama tempat.
- Warna yang berkaitan dengan simbol atau motif tempatan. Misalnya, jika mercu tanda mempunyai motif tradisional, pilih warna yang sering digunakan dalam corak tersebut.

ARCA / MERCU TANDA YANG DIBENARKAN

i. Memastikan mercu tanda yang dibina relevan dan bermakna.
ii. Mempunyai identiti visual yang kuat dan mudah dikenali. Guna bentuk, warna dan tekstur yang mencerminkan karakter kawasan.
iii. Boleh diakses dan digunakan dalam ruang awam seperti taman atau plaza.
iv. Ruang sekitar mercu tanda untuk mencipta suasana yang menarik, menggunakan elemen seperti pencahayaan, landskap dan tempat duduk.
v. Mana-mana mercu tanda kepada kawasan warisan perlu diambil langkah komprehensif untuk memelihara, memulihara, melindungi dan diselenggara dengan amalan hortikultur dan arborikultur terbaik.
vi. Mempunyai ciri-ciri artistik dan mudah dirujuk oleh pengunjung bandar

ARCA / MERCU TANDA YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Reka bentuk yang terlalu rumit atau sukar difahami. Mercu tanda harus jelas dan mudah dikenali dari jauh.
ii. Elak reka mercu tanda yang bertindih dengan elemen lain di sekeliling atau yang menyebabkan kekacauan visual persekitaran.
iii. Bahan yang tidak tahan lama atau tidak sesuai dengan iklim tempatan, yang boleh menyebabkan kerosakan atau memerlukan pemeliharaan tinggi.
iv. Warna yang tidak harmoni dengan persekitaran atau yang boleh menjadikan mercu tanda sukar dilihat pada waktu malam.
v. Tidak menghalang pergerakan semua pengguna dalam taman.
vi. Tidak boleh menggangu atau menghalang fasad bangunan.

Contoh Mercu Tanda Sebagai Petunjuk Arah Dan Memperkukuh Identiti Kawasan Seperti Jerantut

D) Garis Panduan Papan Tanda / Nama Jalan / Papan Maklumat

Penyediaan garis panduan bagi reka bentuk dan pemasangan papan tanda, nama jalan dan papan maklumat yang jelas, konsisten dan mudah dikenali untuk memastikan komunikasi visual yang berkesan serta memudahkan navigasi dan identiti kawasan.

- **Papan Tanda:** Struktur yang memaparkan maklumat arah, keselamatan dan kemudahan awam untuk membantu navigasi penduduk dan pengunjung.
- **Nama Jalan:** Penanda rasmi untuk jalan atau lorong, memudahkan identifikasi lokasi dan memberi identiti kawasan.
- **Papan Maklumat:** Memberi maklumat tentang kawasan atau kemudahan seperti sejarah, aktiviti atau peraturan tempat untuk kefahaman pengunjung.

Reka Bentuk

- Mencerminkan identiti dan budaya setempat sebagai elemen penyambut yang unik dan hanya dapat ditemui di daerah Jerantut.
- Reka bentuk mercu tanda perlu menarik dan selaras dengan persekitaran.
- Teks dan simbol harus jelas dan mudah dibaca dari jauh. Saiz huruf dan jenis tulisan perlu dipilih dengan bijak untuk memastikan keterbacaan optimum.
- Reka bentuk mercu tanda perlu mencerminkan budaya dan nilai setempat, menjadikannya simbol yang membanggakan bagi penduduk.
- Reka bentuk ringkas dan tidak terlalu padat dengan maklumat. Penggunaan ikon atau simbol yang mudah difahami oleh pelbagai golongan.
- Perletakan papan tanda perlu mendatar dengan ketinggian efektif (juga boleh dibaca oleh golongan kurang upaya) dan diletakkan di bahagian tepi laluan pejalan kaki (0.3m).

Bahan Binaan

- Bahan mesra alam dan tahan cuaca bagi memastikan ketahanan jangka panjang dan sesuai untuk paparan luar.
- Bahan boleh digunakan dalam kawasan yang berkonsepkan alam semula jadi.
- Reflektif untuk paparan jelas pada waktu malam, terutama untuk papan tanda lalu lintas dan keselamatan.
- Menggunakan bahan binaan seperti batu, gangsa, aluminium, *galvanized steel, sand-cast aluminium, sand blasted black granite, fieldstone wall, stell porcelain enamel* dan *limestone*.
- Elemen dalam papan tanda perlu mudah ditukar tetapi tidak mudah terjejas dengan vandalisme.

Warna

- Menggunakan tona warna yang mempunyai kaitan dan keserasian dengan persekitaran sekeliling serta identiti setempat.
- Warna yang meningkatkan daya tarikan visual dan membantu pengguna memahami fungsi dan makna papan tanda dengan lebih mudah.
- Guna warna latar dan teks yang berbeza untuk memastikan tulisan mudah dilihat

PAPAN TANDA YANG DIBENARKAN

i. Papan tanda seperti papan tanda jalan dan penanda sempadan kawasan asal perlu dikekalkan dan dipulihara agar menjadi warisan sejarah dan mercu tanda *(landmark)* kepada kawasan.
ii. Penyediaan ruang papan tanda atau papan maklumat yang seragam secara tidak langsung mengekalkan estetika tanpa menjejaskan karakter bangunan.
iii. Papan tanda yang digantung pula mestilah mempunyai ketinggian minimum 2.5m dari paras lantai.
iv. Memastikan papan tanda berada pada ketinggian yang sesuai agar mudah dilihat oleh pejalan kaki atau pengguna jalan raya dan tidak menghalang latar langit.
v. Guna bahan dan *material* yang tahan lasak dan lama.
vi. Perletakkan papan tanda laluan yang tidak diganggu dan selesa adalah hak asas pejalan kaki dan penunggang basikal.
vii. Perletakan papan tanda perlu mendatar dengan ketinggian efektif (juga boleh dibaca oleh golongan kurang upaya) dan diletakkan di bahagian tepi laluan pejalan kaki (0.3m)
viii. Bagi papan tanda bermaklumat dan mercu tanda *(landmark)*, perlulah disediakan di kawasan yang mudah dilihat seperti di bahagian tepi laluan pejalan kaki.

PAPAN TANDA YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Kombinasi warna dan penggunaan *font* atau tulisan yang sukar dibaca.
ii. Papan tanda baharu yang tidak sesuai diletakkan di bangunan bersejarah dan menutup fasad bangunan asal.
iii. Peletakan papan tanda di lokasi yang tidak sesuai dan tidak mengikut peletakan di lokasi asal.
iv. Peletakan papan tanda yang menutup fasad bangunan.
v. Meletakkan papan tanda di tempat yang menghalang pemandangan atau memberi cabaran kepada pemandu dan menghalang latar langit.
vi. Perletakan di bahagian tengah laluan adalah dilarang untuk tidak menghalang pergerakan.

Jadual 5-12 : Spesifikasi Penyediaan Papan Tanda Arah

KELEBARAN JALAN	SAIZ UKURAN PAPAN TANDA MINIMUM	PERLETAKAN (JARAK PAPAN TANDA DARI LOKASI SEBENAR)	JARAK PANDANGAN TERHADAP PAPAN TANDA YANG DISYORKAN
30m	1.1 m^2	180 m – 245 m	75 m
30m – 20m	3 m^2	100 m – 180 m	60 m
15.2m – 12.2m	0.5 m^2 – 0.7 m^2	45 m – 100 m	60 m

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

E) Garis Panduan Bangku / Meja Taman

Penyediaan meja dan bangku di kawasan taman awam perlu memberikan penekanan khusus kepada keselesaan semua pengguna termasuk pengguna OKU. Kemudahan bangku perlu disediakan di sepanjang laluan pejalan kaki dengan jarak maksimum 30 meter antara satu.

Reka Bentuk

- Reka bentuk tempat duduk dan kerusi taman yang baru perlulah bersesuaian dengan persekitaran kawasan warisan.
- Reka bentuk perlu mengambil kira tempat letak tangan, bucu yang tidak tajam dan mempunyai lantai yang lebar.
- Reka bentuk meja perlu mempunyai ketinggian 750mm dan boleh *slot in* dengan kerusi roda.
- Reka bentuk yang sederhana dengan tempat duduk rata dan tanpa sandaran. Sesuai untuk kawasan terbuka.
- Reka bentuk meja untuk ruang santai yang lebih moden.
- Menggabungkan bangku dan meja dalam satu reka bentuk untuk menjimatkan ruang.

Bahan Binaan

- Diperbuat dari jenis bahan yang tidak mudah pecah.
- Bahan yang digunakan untuk membina bangku ialah besi, konkrit dan kayu.
- Material yang estetik, semula jadi dan selesa.
- Tahan lasak, tahan cuaca serta stabil.

Warna

- Warna yang digunakan mestilah sesuai dengan identiti kawasan.
- Antara warna yang disyorkan ialah coklat, kelabu, hitam, perak dan keemasan.



Rajah 5-4 : Jarak di Antara Bangku Taman
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

BANGKU DAN MEJA TAMAN YANG DIBENARKAN

i. Lokasi bangku perlu diletakkan berdekatan dengan laluan pejalan kaki.
ii. Kemudahan bangku perlu disediakan pada jarak maksimum 30 meter antara satu sama lain.
iii. Diletakkan di lokasi yang bebas daripada apa-apa halangan seperti longkang, pemisah jalan dan lain-lain kemungkinan halangan.
iv. Jarak antara bangku adalah 1.5m hingga 3m. Bangku boleh diletak secara berkelompok dengan menekankan keselesaan pengguna.
v. Bangku juga perlu disediakan berhampiran dengan pondok telefon dan tandas awam bagi memberikan keselesaan kepada golongan yang sedang menunggu.
vi. Ketinggian tempat duduk minimum ialah 0.4m dan bahagian penyandarnya ialah 0.9m.

BANGKU DAN MEJA TAMAN YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Sebarang sudut yang tajam adalah dilarang untuk mengelakkan berlakunya sebarang kecederaan kepada pengguna.
ii. Susunan meja dan kerusi makan bagi tujuan komersial tidak dibenarkan di atas laluan pejalan kaki dan kaki lima.
iii. Memastikan reka bentuk tidak menghalang aksesibiliti untuk semua pengguna, termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas.
iv. Hindari bahan yang tidak tahan lama seperti plastik nipis yang mudah pecah atau rosak.

Contoh-Contoh Reka Bentuk Kerusi Yang Memaparkan Sejarah dan Identiti Warisan



Rajah 5-5 : Spesifikasi Saiz Bangku Taman
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

F) Garis Panduan Tong Sampah / Tong 3R / Pengurusan Sisa Pepejal

Dalam kawasan bandar yang mempunyai ruang yang terhad, penggunaan kotak penanaman *(planter box)* menjadi alternatif yang ideal bagi memperkenalkan elemen hijau tanpa memerlukan kawasan tanah yang luas. Kotak penanaman membantu menghiasi ruang terhad dengan tanaman sambil menawarkan fleksibiliti dalam reka bentuk landskap bandar.

Reka Bentuk

- Hendaklah memuatkan kaedah penstoran yang digunakan berdasarkan kapasiti yang diperolehi berdasarkan pengiraan anggaran sisa pepejal.
- Mengambil kira keperluan penyediaan tempat pemungutan bahan kitar semula serta sisa pukal.
- Saiz dan reka bentuk di rumah kedai hendaklah memuatkan satu (1) unit tong beroda mudah alih.
- Disesuaikan dengan jumlah pengguna kawasan, biasanya berkisar antara 20 hingga 120 liter untuk kawasan awam.
- Mempunyai penutup untuk mencegah bau dan akses haiwan serta lubang pengisian yang sesuai dengan jenis sisa (organik, plastic dan kertas).
- Reka bentuk yang serasi dengan identiti dan tema kawasan untuk meningkatkan daya tarikan visual serta memudahkan pengenalan.
- Mudah dicapai oleh pengguna pelbagai keperluan termasuk orang kurang upaya (OKU) dengan ketinggian yang sesuai.
- Saiz yang sesuai dengan skala manusia juga meningkatkan keselesaan pengguna untuk menggunakan tong sampah dengan sebaiknya.

Bahan Binaan

- Diperbuat dari jenis bahan yang tidak mudah pecah.
- Bahan yang digunakan untuk membina bangku ialah besi, konkrit dan kayu.
- Material yang estetik, semula jadi dan selesa.
- Tahan Lasak dan tahan cuaca serta stabil.

Warna

- Warna yang digunakan mestilah sesuai dengan identiti kawasan.
- Label dan warna jelas bagi setiap jenis sisa memudahkan pengasingan sisa mengikut kategori 3R (organik, kitar semula dan sisa umum).
- Menggunakan warna yang kontra dengan laluan pejalan kaki dan elemen lain agar dapat memberikan penglihatan yang jelas kepada pengguna.

TONG SAMPAH / TONG 3R / PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG DIBENARKAN

i. Memastikan jumlah tong sampah mencukupi di lokasi strategik bagi menggalakkan pembuangan sampah yang betul.
ii. Menyediakan tong berbeza (3R) untuk bahan-bahan seperti kertas, plastik dan sisa makanan bagi memudahkan proses kitar semula.
iii. Menempatkan tong sampah di lokasi yang mudah diakses dan terlihat seperti berhampiran laluan pejalan kaki atau kawasan rehat.
iv. Penyediaan tong sampah di kawasan tumpuan aktiviti bagi menjamin kebersihan kawasan lapang.
v. Menggalakkan amalan mengurangkan penggunaan bahan, menggunakan semula barang dan mengitar semula sisa pepejal.
vi. Perletakan tong sampah perlulah di bahagian tepi laluan pejalan kaki tanpa menghalang kelancaran perjalanan pengguna.
vii. Rizab yang disediakan untuk meletakkan tong sampah ini ialah selebar 0.6m di bahagian tepi laluan pejalan kaki.
viii. Tong sampah tersebut mestilah diletakkan di dalam rizab yang disediakan.
ix. Jarak antara setiap tong sampah di antara 4.5 hingga 6.1m.

TONG SAMPAH / TONG 3R / PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak penggunaan bahan yang berbahaya dan tidak boleh dikitar semula untuk tong sampah.
ii. Hindari penempatan tong sampah di lokasi yang sukar dijangkau atau tidak terlihat untuk memastikan pengguna menggunakannya.
iii. Hindari penggunaan saiz tong sampah yang terlalu kecil atau terlalu besar untuk jenis sisa yang dihasilkan.
iv. Elak mencampurkan pelbagai jenis sisa dalam satu tong kerana ini mengurangkan keberkesanan proses kitar semula dan pengurusan sisa.

- Ketinggian tong sampah (0.9m) sesuai dengan skala manusia. Memudahkan pengguna untuk membuang sampah.
- Warna tong sampah yang kontra dengan turapan. Meningkatkan tahap keterlihatan pengguna terhadap tong sampah. Menggunakan bahan aluminium dan plastik sebagai bahan binaan utama.



Contoh Perletakan dan Penyediaan Tong Sampah Dalam Kawasan Lapang dan Bandar

G) Garis Panduan Kotak dan Pasu Tanaman

Tong sampah ialah bekas yang disediakan khusus untuk mengumpul sisa pepejal atau sampah secara sementara sebelum dilupuskan dengan cara yang sesuai. Tong sampah biasanya direka untuk memudahkan pengasingan jenis sisa seperti organik, plastik dan kertas bagi tujuan kitar semula dan pengurusan sisa yang lebih efektif.

Reka Bentuk

- Pasu yang mempunyai reka bentuk ergonomik iaitu mudah diakses untuk penyiraman, pemangkasan dan penggantian tanaman.
- Pengudaraan dan saliran di bahagian bawah untuk mengelakkan genangan air serta reka bentuk yang membenarkan pengudaraan akar untuk pertumbuhan tanaman yang sihat.
- Menentukan saiz dan kedalaman pasu atau kotak yang sesuai berdasarkan jenis tanaman yang akan ditanam. Perlu memastikan ia cukup dalam untuk akar berkembang.
- Pasu / kotak penanaman yang sesuai dengan identiti kawasan persekitaran.

Bahan Binaan

- Guna bahan yang tahan cuaca seperti plastik, seramik, logam atau kayu yang telah dirawat untuk memastikan ketahanan dan kebolehgunaan jangka panjang.
- Membolehkan peredaran air yang baik untuk mengelakkan genangan air.
- Mesra alam dan memberikan kesan semula jadi.

Warna

- Warna budaya tempatan sesuai untuk kawasan yang mempunyai elemen kebudayaan yang kuat.
- Warna dan corak yang melengkapkan landskap, elemen seni untuk menambah daya tarikan visual.
- Warna *neutral* menciptakan suasana bersih dan segar serta mudah dipadankan dengan pelbagai jenis tanaman.
- Warna alam yang menyerupai warna tanah sesuai untuk menekankan elemen semula jadi dan menyerupai warna tumbuhan, membantu mengintegrasikan pasu dengan tanaman.

KOTAK DAN PASU TANAMAN YANG DIBENARKAN

i. Memastikan pasu atau kotak penanaman mempunyai lubang saliran untuk mengelakkan genangan air yang boleh merosakkan akar tanaman.
ii. Memastikan saiz pasu atau kotak penanaman sesuai dengan jenis tanaman yang akan ditanam, memberi ruang untuk pertumbuhan akar yang optimum.
iii. Menempatkan pasu dan kotak penanaman di kawasan yang mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang baik, sesuai dengan keperluan spesifik tanaman.
iv. Reka bentuk pasu dan kotak penanaman sepadan dengan gaya landskap dan tema ruang untuk mencipta keharmonian visual.

KOTAK DAN PASU TANAMAN YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak pasu atau kotak penanaman yang tidak mempunyai saliran kerana ini boleh menyebabkan akar tanaman busuk.
ii. Hindari menggunakan pasu atau kotak yang terlalu kecil untuk tanaman yang memerlukan ruang lebih untuk akar.
iii. Hindari penempatan pasu atau kotak penanaman di kawasan yang terlalu gelap atau tertutup, kerana ini boleh menghalang pertumbuhan tanaman yang memerlukan cahaya.
iv. Hindari reka bentuk yang tidak serasi dengan persekitaran yang boleh merosakkan penampilan keseluruhan ruang.

Rajah 5-6 : Contoh Penggunaan Pasu Tanaman di Ruang Awam
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

H) Garis Panduan Taman Permainan dan *Outdoor Gym*

Taman permainan adalah ruang luar yang direka khusus untuk aktiviti bermain kanak-kanak bertujuan untuk meningkatkan perkembangan fizikal, sosial dan mental. *Outdoor gym* merujuk kepada ruang luar yang dilengkapi dengan peralatan senaman untuk semua peringkat lapisan umur pengguna.

Reka Bentuk

- Memastikan semua peralatan permainan memenuhi *standard* keselamatan dan mempunyai lapisan penyerap hentakan (rumput sintetik / bahan getah) untuk mengurangkan risiko kecederaan.
- Menyediakan pelbagai jenis peralatan permainan yang sesuai untuk pelbagai kumpulan umur termasuk permainan aktif, kreativiti dan interaksi sosial.
- Menyediakan ruang kawasan hijau yang cukup untuk pengguna bergerak tanpa mengganggu satu sama lain.

Bahan Binaan

- Memberikan ketahanan dan kekuatan terhadap cuaca.
- *Material* yang digunakan harus menarik secara visual dan harmoni dengan persekitaran taman atau ruang luar yang lain.
- Bahan semula jadi yang tahan lama dan bahan yang digunakan harus memenuhi *standard* keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan untuk memastikan perlindungan pengguna terutama kanak-kanak dan pengguna *gym*.
- Bahan yang digunakan hendaklah tahan lasak, teguh dan mudah digantikan (ergonomik).

Warna

- Warna budaya tempatan sesuai untuk kawasan yang mempunyai elemen kebudayaan yang kuat.
- Warna dan corak yang melengkapkan landskap, elemen seni untuk menambah daya tarikan visual. Warna-warna cerah seperti merah, biru, kuning dan hijau untuk menarik perhatian kanak-kanak dan mencipta suasana yang menggembirakan.
- Pilih warna yang serasi dengan persekitaran semula jadi untuk mengintegrasikan taman permainan dengan elemen semula jadi.
- Sekurang-kurangnya dua (2) jenis warna terang untuk meningkatkan daya tarikan dan keselamatan.

TAMAN PERMAINAN DAN *OUTDOOR GYM* YANG DIBENARKAN

i. Semua peralatan permainan dan gym memenuhi *standard* keselamatan dan diperbuat daripada bahan yang tahan lama dan mesra alam.
ii. Guna permukaan lembut seperti rumput sintetik, getah atau bahan penyerapan lain untuk mengurangkan risiko kecederaan.
iii. Reka bentuk taman permainan dan *gym* yang mudah diakses untuk semua termasuk individu dengan keperluan khas.
iv. Penyediaan papan tanda adalah untuk memastikan tatacara kaedah penggunaan alat-alat permainan digunakan dengan selamat dan betul.
v. Peralatan permainan perlu disusun dengan kemas supaya senang diperhatikan dan dipantau oleh orang dewasa serta memudahkan pergerakan.
vi. Komponen disediakan perlu mengikut piawaian dan keperluan *'Malaysia Standard'* MS966 serta mempunyai sijil SIRIM *Eco-Label*.
vii. Perlu stabil dan selamat serta dipasang dengan kemas di atas permukaan lantai dan mengambil kira keselamatan pengguna.

TAMAN PERMAINAN DAN *OUTDOOR GYM* YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Penggunaan peralatan yang tidak selamat atau tidak sesuai untuk umur pengguna yang ditetapkan.
ii. Penempatan peralatan yang terlalu rapat antara satu sama lain.
iii. Penghalang laluan utama atau akses ke taman permainan dan gym dengan struktur atau tumbuhan yang mengganggu.

Rajah 5-7: Contoh Taman Permainan Yang Selamat Untuk Kanak-Kanak

Penggunaan warna yang pelbagai dan ceria adalah digalakkan bagi membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah penglihatan yang kurang jelas (*visual impaired*) atau buta warna.

Bukaan penghadang peralatan permaianan selebar 9 cm – 23 cm perlu dielakkan bagi mengelakkan kepala atau badan kanak-kanak terperangkap.

Sumber : RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

I) Garis Panduan Gelanggang Sukan

Pembinaan dan pengurusan gelanggang sukan yang selamat, berkualiti dan sesuai dengan keperluan pengguna meliputi aspek-aspek penting seperti reka bentuk, bahan binaan, keselamatan, penyelenggaraan serta keselesaan pemain dan penonton.

Reka Bentuk

- Setiap jenis gelanggang sukan mempunyai dimensi yang berbeza mengikut piawaian antarabangsa atau tempatan (bola keranjang, badminton, futsal dan tenis).
- **Gelanggang Bola Tampar:** Minimum 7 meter dari lantai ke bumbung, jaring mestilah berukuran 1 meter lebar dan 9.5 meter panjang yang berlubang 10cm persegi dan tinggi jaring bagi lelaki ialah 2.43 meter manakala wanita 2.24 meter.
- **Gelanggang Futsal:** Panjang minimum 25 meter manakala maksimum tidak melebihi 42 meter, ukuran lebar pula minimum 15 meter manakala maksimum tidak melebihi 25 meter dan lebar garisan adalah 8cm manakala lebar garisan tengah 10 cm meter. Ruang lapang sekurang-kurangnya 3 meter dari garisan luar diperlukan.

Bahan Binaan

- Pilih bahan permukaan yang sesuai dengan jenis sukan seperti konkrit, asfalt, getah atau rumput tiruan.
- Gelanggang bola keranjang menggunakan permukaan kayu keras atau bahan sintetik untuk daya tahan dan cengkaman yang baik.
- Gelanggang tennis menggunakan bahan seperti asfalt, konkrit, tanah liat atau rumput tiruan.
- Tahan lasak, mudah diselenggara dan mempunyai ketahanan yang baik terhadap perubahan cuaca terutamanya di kawasan terbuka.

Warna

- Garisan markah seperti garisan tepi, garisan tengah dan tanda kedudukan sering diwarnakan dengan warna terang atau kontras.
- Warna juga boleh dipilih untuk mencerminkan identiti tempatan atau tema tertentu.

Jadual 5-13 : Spesifikasi Gelanggang Sukan Dari Segi Dimensi

JENIS GELANGGANG	DIMENSI	PIAIWAIAN
Gelanggang serba guna *(multi purpose)*	15240 x 28650 mm	*'National Basketball Association (NBA)'*
Gelanggang badminton dan sepak takraw	6100 x 13400 mm	*'Badminton World Federation (BWF)'*
Gelanggang futsal	25000 x 42000 mm	*'FIFA Futsal Laws'*

Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

GELANGGANG SUKAN YANG DIBENARKAN

i. Memastikan gelanggang sukan memenuhi saiz dan dimensi *standard* mengikut jenis sukan.
ii. Reka bentuk keselamatan seperti pagar pelindung, penanda dan sistem pengairan yang baik.
iii. Akses mudah untuk pengguna berkeperluan khas, termasuk laluan landai, tandas dan tempat duduk yang mudah diakses.
iv. Petunjuk keselamatan dan peraturan gelanggang juga perlu diletakkan di kawasan yang mudah diakses oleh pengguna.

GELANGGANG SUKAN YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Penggunaan peralatan yang tidak selamat atau tidak sesuai untuk umur pengguna yang ditetapkan.
ii. Bahan yang kasar, licin atau mudah rosak yang boleh menyebabkan kecederaan kepada pemain.
iii. Tidak menyediakan ciri keselamatan seperti pagar di sekitar gelanggang untuk mencegah bola atau objek lain daripada keluar atau menjejaskan pengguna lain di sekitarnya.
iv. Ruang terlalu kecil akan mengehadkan pergerakan pemain dan meningkatkan risiko kecederaan.
v. Elak penggunaan bahan yang tidak mesra alam.

J) Garis Panduan *Elevated Walkway*

Elevated walkway di bandar berhampiran sungai bertujuan untuk menyediakan laluan pejalan kaki yang selesa dan selamat, sambil menawarkan pemandangan sungai dan landskap sekitar. Reka bentuk ini menghubungkan kawasan bandar dengan alam semula jadi, memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan sungai secara lebih dekat tanpa mengganggu ekosistem sedia ada. *Elevated walkway* ini juga dirancang sebagai tarikan rekreasi dan ruang sosial yang menyumbang kepada pembangunan bandar yang lebih hijau dan mesra alam.

Reka Bentuk

- Ketinggian *railing* atau penghadang harus mencukupi (sekurang-kurangnya 1 meter) untuk mengelakkan risiko jatuh serta ketinggian yang cukup untuk mengelakkan kesan air pasang atau banjir sungai.
- Menyediakan akses untuk pengguna dengan keperluan khas.
- Direka bentuk untuk menyatu dengan alam sekitar bagi meminimumkan kesan terhadap ekosistem semula jadi.
- Reka bentuk yang menjaga keharmonian *visual* dengan persekitaran sungai dan landskap sekitar.
- *Platform* atau ruang rehat yang menawarkan pemandangan ke arah sungai dan alam sekitar.
- Reka bentuk yang terbuka akan memaksimumkan pengudaraan semula jadi dan pencahayaan.

Bahan Binaan

- Dibina dengan bahan yang kukuh dan tahan lasak seperti keluli, konkrit bertetulang atau kayu keras bagi menahan cuaca dan beban pengguna.
- Tahan cuaca dan sesuai untuk kawasan berdekatan air.
- Permukaan anti-gelincir untuk mengelakkan kemalangan akibat permukaan basah.
- Sumber lestari atau bahan-bahan dengan pensijilan mesra alam sesuai untuk *walkway* berdekatan ekosistem semula jadi.

Warna

- Warna identiti budaya tempatan seperti warna-warna lembut dari elemen kebudayaan atau sejarah kawasan sungai.
- Tona warna semula jadi yang menyatu dengan elemen semula jadi sekitar sungai untuk mencipta suasana yang harmoni dengan persekitaran semula jadi dan menambah elemen ketenangan.
- Warna *neutral* memberikan kesan yang bersih dan moden serta mudah dipadankan dengan reka bentuk bandar

***ELEVATED WALKWAY* YANG DIBENARKAN**

i. Mempunyai laluan yang rata dan dilengkapi dengan akses untuk pengguna kepelbagaian keperluan.
ii. Reka ruang rehat seperti bangku atau dek kecil di beberapa bahagian laluan untuk memberi peluang kepada pengunjung menikmati pemandangan sungai dengan selesa.
iii. Memastikan laluan tidak menghalang akses untuk penyelenggaraan atau pembersihan sungai.
iv. Reka bentuk *elevated walkway* sederhana, minimalis dan sesuai dengan suasana semula jadi serta identiti bandar.
v. Terdapat sistem saliran yang baik untuk mengelakkan air bertakung, mengurangkan risiko licin dan menjaga keselamatan pengguna.

***ELEVATED WALKWAY* YANG TIDAK DIBENARKAN**

i. Elak struktur yang boleh menghalang aliran air sungai terutama dalam keadaan banjir yang boleh menyebabkan hakisan atau kerosakan alam sekitar.
ii. Jangan biarkan air bertakung di *walkway* yang boleh mengakibatkan permukaan licin dan risiko keselamatan. Memastikan terdapat sistem penyaliran yang baik.
iii. Pagar tinggi atau tebal yang menghalang pandangan atau menjejaskan estetika landskap.
iv. Elemen reka bentuk yang terlalu menonjol atau menggunakan warna terlalu cerah yang mungkin mengganggu keharmonian *visual* dengan persekitaran semula jadi sungai.

K) Garis Panduan Pejalan Kaki / Siar Kaki

Bandar sihat mesra pejalan kaki *(healthy walkable city)* ditakrifkan sebagai bandar yang mempunyai persekitaran pejalan kaki dan basikal yang berkesinambungan, mesra pengguna, selesa, selamat dan mampan yang menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif. Kategori dan ciri-ciri pejalan pejalan kaki terbahagi kepada sembilan (9) kategori iaitu:-

- Individu sihat
- Kanak-kanak
- Warga emas
- Individu kurang daya kognitif
- Pengguna kerusi roda
- Individu kurang daya pendengaran
- Individu kurang daya penglihatan
- Individu berupaya berjalan terhad
- Pejalan kaki dengan kereta sorong bayi

Melaksanakan lima (5) prinsip bandar sihat dan mesra pejalan kaki iaitu:-

- Ketersambungan
- Mesra pengguna
- Selesa
- Selamat
- Mampan

Reka Bentuk

- Tidak kurang daripada 0.9 meter di laluan yang tidak kerap digunakan oleh pengguna kerusi roda dengan ruang pusingan sekurang-kurangnya 1.8 meter x 1.8 meter.
- Penyediaan laluan pejalan kaki dihubungkan dengan kawasan perumahan, pusat kejiranan, kawasan perniagaan dan kawasan tumpuan awam.
- Laluan pejalan kaki hendaklah mengambil kira ciri-ciri mesra pengguna dan reka bentuk sejagat seperti landas angkat *(ramp),* susur tangan, *tactile* dan sebagainya.
- Perlu penyediaan kerb untuk mengasingkan laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan bermotor. Perletakan laluan pejalan kaki perlulah dipisahkan dengan rizab landskap daripada jalan raya.
- Pulau lindungan pejalan kaki disediakan di tengah-tengah jalan raya.
- Laluan berlandskap perlu disediakan di pintu masuk dan dalam kawasan lapang bagi mewujudkan *sense of welcoming*.

Bahan Binaan

- Laluan pejalan kaki diturap dengan tekstur berbeza yang tidak licin berbanding laluan kenderaan untuk membantu meningkatkan tahap keselamatan bagi pejalan kaki.
- Bahan batu kuarza atau granit yang tahan lama, tidak mudah rosak dan mempunyai estetika yang menarik serta mengurangkan risiko tergelincir.
- Laluan pejalan kaki dengan ciri-ciri mesra pengguna seperti *tactile paving* untuk membantu pengguna kurang upaya.
- Turapan batuan atau batu-bata dengan nilai sejarah yang masih bertahan perlu dipulihara dan dikekalkan.

Warna

- Laluan pejalan kaki diwarnakan atau diturap dengan tekstur berbeza yang tidak licin berbanding laluan kenderaan. Ini membantu meningkatkan tahap keselamatan bagi pejalan kaki dan penunggang basikal, mengurangkan risiko kemalangan dengan kenderaan.

PEJALAN KAKI / SIAR KAKI YANG DIBENARKAN

i. Reka laluan yang lebar dan jelas untuk pejalan kaki, dengan permukaan rata dan selesa supaya mudah dilalui dan selamat.
ii. Sebaik-baiknya pemuliharaan dilaksanakan menggunakan bahan yang sama, namun sekiranya bahan yang sama sukar diperolehi, sekurang-kurangnya bahan yang hampir serupa mengikut pandangan *(similar by look)* harus digunakan.
iii. Tambah tempat duduk dan kawasan rehat di sepanjang laluan untuk memberi peluang kepada pejalan kaki untuk berehat dan menikmati pemandangan.
iv. Menyediakan tanda arah dan maklumat yang jelas bagi membantu pejalan kaki untuk navigasi di sekitar kawasan bandar atau pekan.
v. Reka bentuk, warna, tekstur dan perincian binaan haruslah bersesuaian dan mengadaptasi dengan seni bina bangunan atau monumen warisan di sekitarnya.

PEJALAN KAKI / SIAR KAKI YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak reka bentuk laluan yang tidak mesra pengguna kurang upaya seperti tangga tanpa tanjakan yang menghalang aksesibiliti.
ii. Hindari penempatan objek seperti tiang, pokok atau perabot yang boleh mengganggu laluan pejalan kaki.
iii. Elak penggunaan *material* yang licin, terutamanya ketika basah kerana ini boleh meningkatkan risiko kemalangan.
iv. Hindari penggabungan laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan tanpa pemisah yang jelas.



Rajah 5-8 : Lebar Minimum Bagi Laluan Pejalan Kaki dan Basikal
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)



Rajah 5-9 : Lebar dan Ketinggian Laluan Pejalan Kaki
Sumber : RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

L) Garis Panduan Laluan Basikal / Mikromobiliti

Laluan basikal / mikromobiliti perlu disediakan di kawasan-kawasan tertentu untuk menggalakkan aktiviti berbasikal. Pengembangan laluan basikal dan mikromobiliti adalah langkah strategik untuk meningkatkan keselamatan dan kemudahan pengangkutan di bandar dan pekan.

Reka Bentuk

- Reka laluan basikal yang terpisah dari laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan untuk memastikan keselamatan semua pengguna.
- Memastikan laluan mempunyai lebar yang mencukupi untuk membolehkan dua basikal bergerak selari. Secara amnya, lebar minimum 1.5m hingga 2.5m.
- Laluan yang mesra pengguna dengan mempertimbangkan akses untuk pengguna yang mempunyai keperluan khas.

Bahan Binaan

- Permukaan yang rata dan tahan lama seperti asfalt atau konkrit yang memberikan keselesaan dan kestabilan.
- Batu paving *(paving stone)* memberikan estetika yang menarik dan boleh direka dalam pelbagai corak.
- Kombinasi beberapa *material* untuk laluan basikal seperti campuran asfalt dengan elemen hijau atau batu dapat menambah keindahan dan fungsi sambil meningkatkan daya tahan.

Warna

- Warna utama biru sering digunakan untuk laluan basikal dan mikromobiliti kerana ia menarik perhatian dan mudah dilihat oleh pengguna kenderaan lain dan digunakan untuk menandakan laluan yang lebih tenang atau kawasan yang memerlukan perhatian khusus seperti laluan berdekatan dengan kawasan pejalan kaki atau tempat berkumpul.
- Garisan pemisah berwarna putih boleh digunakan untuk menunjukkan sempadan laluan basikal dan memisahkan laluan ini daripada laluan pejalan kaki atau kenderaan.
- Warna yang digunakan adalah cat *reflector* yang tahan lama untuk meningkatkan visibiliti pada waktu malam atau dalam keadaan cuaca yang kurang baik.
- Warna yang dipilih juga boleh mencerminkan identiti dan budaya tempatan, membantu mengintegrasikan laluan basikal dengan identiti kawasan.

LALUAN BASIKAL / MIKROMOBILITI YANG DIBENARKAN

i. Perjalanan dekat yang kurang daripada 100 meter boleh dinaikkan kepada 9 darjah (5%) kecerunan.
ii. Perjalanan yang kurang daripada 30 meter boleh dinaikkan kepada 13 darjah (7%) kecerunan.
iii. Laluan basikal yang jelas dan terpisah dari laluan pejalan kaki dan jalan kenderaan untuk meningkatkan keselamatan pengguna.
iv. Permukaan laluan basikal rata dan tidak licin, menggunakan bahan seperti asfalt atau konkrit yang sesuai untuk memudahkan perjalanan.

LALUAN BASIKAL / MIKROMOBILITI YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak penyediaan laluan sikal berkecerunan lebih daripada 7 darjah (4%) bagi perjalanan jauh.
ii. Elak menggabungkan laluan basikal dengan laluan kenderaan tanpa pemisah yang jelas.
iii. Hindari reka bentuk laluan yang tidak mesra pengguna dengan keperluan khas seperti tiada kemudahan untuk basikal dengan akses yang lebih rendah.
iv. Elak bahan yang boleh menjadi licin ketika basah atau yang tidak tahan lama.
v. Elak laluan basikal yang kompleks atau sukar untuk dinavigasi seperti banyak belokan tajam yang boleh menyebabkan ketidakselesaan dan risiko kemalangan.



Lorong basikal yang diasingkan ialah kemudahan untuk kegunaan eksklusif oleh penunggang basikal yang terletak di dalam atau bersebelahan terus dengan jalan raya dan diasingkan secara fizikal daripada lalu lintas kenderaan bermotor dengan elemen menegak.

Rajah 5-10 : Gambaran Lorong Basikal Berasingan Dengan Laluan Kenderaan Bermotor
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

M) Garis Panduan Cecondong *(Ramp)*

Cecondong disediakan bersama tangga ke kawasan yang mempunyai permukaan beralun. Cecondong perlu kukuh, stabil, mampat dan mempunyai permukaan tidak licin.

Reka Bentuk

- Ramp mempunyai 2 laluan (dua hala) yang dipisahkan dengan *'mountable kerb'* yang mempunyai kelebaran 0.5 meter serta mempunyai ketinggian 0.5 meter.
- Reka bentuk jalan keluar masuk menuju ke *'ramp'* hendaklah mudah dilihat oleh pengguna.
- *Ramp* harus disediakan di laluan yang mempunyai perubahan ketinggian.
- *Ramp* tanpa penghadang di kiri kanan perlu disediakan kerb tidak kurang daripada 0.1m tinggi bagi keselamatan pengguna kerusi roda dan pengguna bertongkat.
- Ketinggian *handrail* yang sesuai adalah 0.9m dan bagi *handrail* kedua untuk kanak-kanak dan orang kerdil ketinggiannya adalah 0.7m.

Bahan Binaan

- Kemasan langkah cecondong mesti memenuhi spesifikasi permukaan yang kasar dan tidak licin serta bukan dari bahan yang mudah pecah.

Warna

- Warna yang digunakan bagi setiap elemen khas untuk golongan kurang upaya ini perlulah disediakan dengan warna yang kontra dan jelas seperti merah dan biru untuk memberikan penglihatan yang lebih jelas.



Rajah 5-11 : Ukuran *Ramp*
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

CECONDONG *(RAMP)* YANG DIBENARKAN

i. Tahap kecerunan yang dibenarkan adalah kurang daripada 8.3 peratus.
ii. *Handrail* perlu disediakan bersama *ramp* dengan ukur lilit 40mm hingga 50mm.
iii. Ketinggian *handrail* yang sesuai adalah 0.9m dan bagi *handrail* kedua untuk kanak-kanak dan orang kerdil ketinggiannya adalah 0.7m.
iv. Bahagian bawah *ramp* perlulah mempunyai ketinggian minimum 0.6m dari aras lantai.
v. Kelebaran minimum *ramp* hendaklah 1.8 meter dan panjang maksimum adalah 10 meter.
vi. *Ramp* tanpa penghadang di kiri kanan perlu disediakan kerb tidak kurang daripada 0.1m tinggi bagi keselamatan pengguna kerusi roda dan pengguna bertongkat.
vii. Tulisan *braille* perlu disediakan pada permulaan dan hujung *handrail* untuk kegunaan orang buta.
viii. Papan tanda khas perlu disediakan di tangga-tangga untuk kemudahan golongan kurang upaya.

CECONDONG *(RAMP)* YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak kemiringan yang terlalu curam yang boleh menyukarkan penggunaan oleh individu dengan keperluan khas dan meningkatkan risiko kemalangan.
ii. Elak penggunaan bahan yang mudah licin seperti jubin licin atau permukaan *metal* yang boleh meningkatkan risiko kemalangan.
iii. Hindari reka bentuk tanjakan yang panjang tanpa ruang rehat yang boleh menyebabkan pengguna merasa letih terutama bagi mereka yang mempunyai keperluan khusus.
iv. Elak penempatan tanjakan yang mengganggu laluan kenderaan tanpa pemisah yang jelas untuk menjaga keselamatan semua pengguna.



Rajah 5-12 : Spesifikasi Penyediaan *Ramp*
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

N) Garis Panduan Wakaf / Pergola

Garis panduan ini menyediakan panduan komprehensif untuk reka bentuk gazebo dan pergola di kawasan bandar dan pekan. Gazebo dan pergola berfungsi sebagai elemen estetika dan ruang luar yang selesa untuk bersantai dan berkumpul. Aspek keselamatan, keselesaan dan keserasian dengan persekitaran perlu diutamakan bagi memastikan ia memperkaya pengalaman luar pengguna dan menyokong daya tarikan kawasan setempat.

Reka Bentuk

- Sepadan dengan landskap sekeliling dan tema kawasan yang mencerminkan elemen semula jadi dan budaya setempat.
- Saiz yang sesuai untuk tujuan dan kapasiti pengguna, ketinggian gazebo cukup untuk memberi keselesaan kepada pengguna.
- Mengintegrasikan dengan elemen landskap lain seperti tanaman, jalan setapak dan air terjun untuk mencipta suasana yang tenang dan menarik.

Bahan Binaan

- Bahan yang kukuh seperti gabungan konkrit dan kayu.
- Menggunakan bumbung yang dapat menyerap bahang panas seperti atap genting.
- Bahan yang tahan lama seperti besi dan konkrit.

Warna

- Warna perlulah sesuai dengan pembangunan di kawasan sekitar yang mencerminkan elemen semula jadi dan budaya setempat.

WAKAF / PERGOLA YANG DIBENARKAN

i. Diletakkan di luar rizab laluan pejalan kaki. Ini adalah untuk memastikan tiada gangguan terhadap kelancaran perjalanan pejalan kaki, diletakkan bersebelahan dengan laluan pejalan kaki sebagai tempat berteduh dan berehat.
ii. Jarak antara setiap gazebo berdasarkan kepada kesesuaian sesebuah kawasan (jarak minimum ialah 3m).
iii. Ketinggian tiang pergola mestilah tidak kurang daripada 2.5m untuk memastikan keselesaan pengguna yang melalui di bahagian bawah pergola.
iv. Reka bentuk binaan jejari pergola mestilah sesuai dengan aspek keselamatan terhadap manusia.

WAKAF / PERGOLA YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Hindari penempatan gazebo yang menghalang pemandangan indah di sekeliling atau mengganggu elemen landskap lain.
ii. Saiz yang terlalu kecil yang tidak cukup untuk menampung jumlah pengguna.
iii. Pengabaian penyelenggaraan gazebo seperti membersihkan dan merawat permukaan yang penting untuk memastikan keselamatan dan kebersihan.



O) Garis Panduan Kiosk

Kiosk berfungsi sebagai pusat perkhidmatan yang menyediakan maklumat, makanan, dan barang jualan kepada pengunjung. Dengan mematuhi garis panduan ini, pengusaha kiosk dapat memastikan bahawa reka bentuk, lokasi, dan fungsi kiosk bukan sahaja memenuhi keperluan pelanggan tetapi juga selaras dengan identiti dan estetika kawasan sekeliling.

Reka Bentuk

- Melengkapi gaya dan karakter persekitaran sekeliling sama ada kawasan bandar yang moden atau pekan tradisional.
- Reka bentuk kiosk perlu sesuai dengan pengguna kerusi roda dengan ketinggian maksimum 1,000mm.
- Mengintegrasikan dengan elemen landskap lain seperti tanaman, jalan setapak dan air terjun untuk mencipta suasana yang tenang dan menarik.

Bahan Binaan

- Bahan yang sesuai dengan identiti kawasan memberikan rupa yang menarik dan mesra alam.
- Aluminium berkualiti tinggi yang tahan cuaca dan tidak mudah karat.
- Aluminum dengan ketebalan yang mencukupi untuk memastikan kekuatan dan kestabilan struktur,

Warna

- Warna perlulah sesuai dengan pembangunan di kawasan sekitar yang mencerminkan elemen semula jadi dan budaya setempat.

KIOSK YANG DIBENARKAN

i. Guna aluminium kalis karat dan tahan cuaca untuk memastikan ketahanan dan jangka hayat kiosk dalam pelbagai keadaan cuaca.
ii. Akses yang mudah bagi semua pengguna termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas seperti menyediakan ruang untuk kerusi roda.
iii. Warna dan grafik yang menarik perhatian serta sesuai dengan identiti jenama atau tema kawasan.
iv. Ruang yang mencukupi untuk pelanggan berinteraksi tanpa mengganggu laluan pejalan kaki.
v. Saiz minimum kiosk ialah 3m x 3m yang dapat memberikan keselesaan dalam pergerakan.
vi. Ketinggian minimum kiosk ialah 4.5m dengan tujuan untuk memudahkan peredaran udara.

KIOSK YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak penggunaan aluminium berkualiti rendah atau bahan lain yang tidak tahan terhadap cuaca dan hakisan yang boleh merosakkan struktur kiosk.
ii. Hindari reka bentuk yang mengabaikan aspek keselamatan seperti lokasi yang tidak selamat atau akses yang terhad yang boleh membahayakan pengguna.
iii. Hindari penempatan kiosk yang menghalang laluan pejalan kaki atau akses ke kawasan lain yang boleh menyebabkan kesesakan dan mengganggu pergerakan.

P) Garis Panduan Rel Penghadang *(Handrail)* / Pagar

Reka bentuk dan penempatan pagar dan rel penghadang bertujuan untuk memastikan keselamatan, keselesaan dan kesesuaian estetika dengan persekitaran. Pagar berfungsi sebagai elemen pemisah dan perlindungan, sambil melengkapkan identiti visual kawasan bandar dan pekan. Rel penghadang ialah penghalang keselamatan yang dipasang untuk melindungi pengguna daripada bahaya, mencegah kemalangan dan mengawal aliran lalu lintas.

Reka Bentuk

- Reka bentuk perlulah harmoni dengan imej warisan setempat.
- Perlu seiring dengan identiti kawasan. Di kawasan bersejarah atau tradisional, pagar dengan elemen klasik atau kayu mungkin lebih sesuai, manakala di kawasan moden, pagar logam dengan reka bentuk minimalis lebih *ideal*.
- Ketinggian pagar perlu disesuaikan dengan fungsinya. Pagar keselamatan biasanya lebih tinggi, manakala pagar hiasan boleh lebih rendah dan bersifat simbolik.
- Kawasan yang memerlukan privasi seperti taman rekreasi, reka bentuk tertutup sementara untuk pemisah biasa, reka bentuk terbuka dan mesra pengguna adalah lebih sesuai.
- Mudah diakses dan cukup lebar untuk pelbagai keperluan termasuk laluan untuk pengguna berkerusi roda atau peralatan penyelenggaraan.

Bahan Binaan

- Bahan yang tahan lasak dan cuaca seperti besi, aluminium atau kayu terawat (ergonomik).
- Dapat bertahan dalam jangka masa panjang dengan sedikit pemeliharaan.

Warna

- Kontras atau harmoni dengan landskap sekeliling seperti warna *neutral* atau warna yang sesuai dengan identiti kawasan.

KIOSK YANG DIBENARKAN

i. Pagar sedia ada yang masih bertahan perlu dikekalkan dan dipulihara menjadi sebahagian elemen bangunan atau kawasan warisan.
ii. Pembinaan pagar privasi bagi bangunan persendirian, perlu disesuaikan dengan elemen telus pandangan *(transparency)* supaya tidak menghalang pandangan fasad bangunan serta reka bentuknya harus mempunyai ciri dan identiti warisan setempat.
iii. Ditempatkan di lokasi yang tidak menghalang pemandangan penting atau akses utama serta tidak mengganggu aliran trafik pejalan kaki.

KIOSK YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Elak reka bentuk dengan bahagian tajam atau celah yang boleh mencederakan pengguna.
ii. Bukaan antara rel penghadang tidak boleh dibina secara tertutup untuk mengelak potensi kawasan tersorok atau terlindung.

Q) Garis Panduan *Bollard* Penghadang

Bollard merupakan elemen kebiasaan dalam perabot jalan yang direka bentuk untuk mengawal trafik, menghalang kenderaan daripada memasuki kawasan pejalan kaki, melindungi bangunan dan laluan di sisi bangunan serta menghalang parkir.

Reka Bentuk

- Reka bentuk bollard perlulah harmoni dengan imej warisan setempat.
- Ketinggian ini bersesuaian dengan skala manusia dan tidak menghalang tahap penglihatan.
- Tidak tajam dan berbentuk separuh bulatan di setiap sisi adalah digalakkan.

Bahan Binaan

- Bollard dibina menggunakan bahan yang pelbagai termasuklah kayu, besi, granit, konkrit dan batu-bata.
- Tekstur dan perincian bollard haruslah bersesuaian dan mengadaptasi dengan seni bina bangunan dan monumen warisan di sekitarnya.
- Menggunakan bollard yang keras seperti besi dan simen agar sebarang kenderaan yang terbabas tidak merempuh ke kawasan laluan pejalan kaki yang akan membahayakan keselamatan pengguna.

Warna

- Warna bollard sesuai dan berkait dengan seni bina bangunan dan monumen warisan di sekitarnya.
- Jelas dan kontra seperti hitam, merah dan biru untuk memastikan ia boleh dilihat dari jarak yang jauh.



Rajah 5-13 : Panduan Jarak di Antara *Bollard* Penghadang
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

BOLLARD PENGHADANG YANG DIBENARKAN

i. Kedudukan *bollard* perlu diletakkan mengasingkan laluan kenderaan dan laluan pejalan kaki.
ii. Diletakkan dalam jarak minimum 0.3m dari kerb di bahagian tepi jalan.
iii. Jarak antara setiap *bollard* ialah antara 0.9m hingga 1.2m dan disusun secara teratur untuk memberi laluan kepada golongan kurang upaya yang menggunakan kerusi roda.
iv. Saiz diameter yang sesuai bagi *bollard* ialah 0.15m hingga 0.3m.
v. Ketinggian setiap *bollard* mestilah di antara 0.6m hingga 0.9m.

BOLLARD PENGHADANG YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Penempatan *bollard* yang menghalang laluan pejalan kaki atau akses ke kawasan penting, yang boleh menjejaskan pergerakan pengguna.
ii. Bentuk atau corak yang terlalu kompleks yang boleh mengalihkan perhatian atau mengelirukan pengguna.

Rajah 5-14 : Spesifikasi Penyediaan *Bollard* Penghadang
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

R) Garis Panduan Tempat Letak Kereta (TLK)

Tempat letak kereta adalah ruang yang disediakan secara terancang sebagai tempat untuk meletak kereta. Kemudahan tempat letak kereta secara terbuka banyak disediakan di setiap bandar bagi menampung jumlah kenderaan yang mengunjunginya setiap hari untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Kebiasaannya, tempat letak kereta terbuka tidak mempunyai bumbung dan disediakan di kawasan yang lapang.

Reka Bentuk

- Kemasan tempat letak kereta mestilah mempunyai permukaan yang mampat dan rata.
- Petak tempat letak kereta biasanya direka dengan saiz standard 2.5m x 5.0m. Petak yang lebih besar atau berasingan perlu disediakan untuk kenderaan khas seperti kenderaan orang kurang upaya (OKU) atau basikal.
- Susunan bersudut 90°, 60°, atau 45° bergantung pada ruang dan aksesibiliti.
- Lebar lorong tempat letak kereta hendaklah cukup luas (sekitar 6 meter untuk susunan 90°).

Bahan Binaan

- Konkrit bertetulang menjadi pilihan popular untuk tempat letak kereta kerana ia tahan lasak dan mampu memuatkan kenderaan.
- Permukaan konkrit boleh dirawat dengan tekstur atau kemasan anti-gelincir untuk mengurangkan risiko tergelincir.

Warna

- Warna atau corak yang sesuai untuk meningkatkan estetika serta membantu mengurangkan kesan haba.
- Garisan parkir dilukis menggunakan warna putih atau kuning untuk memberi panduan yang jelas kepada pemandu.
- Ruang tempat letak kereta untuk Orang Kurang Upaya (OKU) ditandai dengan garisan dan simbol warna biru, yang juga dapat menampilkan ikon kerusi roda.
- Warna merah atau jingga digunakan untuk menandakan kawasan larangan atau zon kecemasan seperti di sepanjang pintu masuk atau zon palang keselamatan, memberi amaran kepada pengguna agar tidak meletakkan kenderaan.
- Laluan pejalan kaki di kawasan tempat letak kereta boleh dicat dengan warna berbeza seperti hijau atau biru untuk menunjukkan zon selamat untuk pejalan kaki dan mengurangkan risiko kemalangan.

TEMPAT LETAK KERETA (TLK) YANG DIBENARKAN

i. Lokasi perletakan tempat letak kereta OKU perlu berhampiran dengan pintu masuk utama.
ii. Saiz tempat letak perlu berukuran 3,300mm lebar dan 4,800mm panjang untuk OKU.
iii. Tempat letak kereta OKU, penggunaan simbol papan tanda tempat letak kereta perlu mematuhi piawaian antarabangsa iaitu berwarna biru dan putih.
iv. Menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi dengan mengambil kira keperluan pelanggan OKU dan pelanggan berkeluarga (kanak-kanak dan bayi) serta pemandu wanita berseorangan *(single woman driver)*.
v. Dilengkapi dengan kemudahan tempat letak kereta *off-street parking* atau *on-street parking* mengikut piawaian perancangan semasa.
vi. Tempat letak kenderaan berpusat perlu menghadap bangunan atau lain-lain aktiviti yang menjadi tumpuan orang awam.
vii. Menyediakan petak tempat letak kereta khas berdekatan dengan pintu masuk dan keluar yang dilengkapi dengan tanjakan untuk kemudahan pengguna OKU.

TEMPAT LETAK KERETA (TLK) YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Tempat letak kereta OKU di taman awam tidak boleh dihalang atau digunakan oleh pengguna lain.
ii. Tempat letak motosikal perlu di tempat tempat tersorok tidak dibenarkan. Ia perlu disediakan di kawasan yang mudah dilihat dan laluan tumpuan utama. Tempat letak motosikal berkunci digalakkan.



Rajah 5-15 : Spesifikasi Penyediaan Tempat Letak Kereta (TLK)
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

S) Garis Panduan Pencahayaan

Pencahayaan dalam reka bentuk landskap memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana, memastikan keselamatan dan meningkatkan daya tarikan ruang pada waktu malam. Garis panduan ini memberikan prinsip asas bagi pencahayaan landskap yang berfungsi untuk menonjolkan elemen reka bentuk utama, meningkatkan pengalaman pengguna serta menyokong keselamatan dan kemudahan.

Reka Bentuk

- Ketinggian lampu untuk laluan pejalan kaki adalah di antara 2.1m hingga 3m.
- Penggunaan lampu jalan yang menggunakan sumber cahaya *natrium* bertekanan tinggi.
- Kawasan kediaman bertingkat rendah, penggunaan tiang pencahayaan antara 6 hingga 9 meter.
- Pencahayaan yang mencerminkan identiti dan ciri-ciri unik kawasan seperti warisan budaya, sejarah atau keindahan alam semula jadi.

Bahan Binaan

- Pencahayaan berfungsi *(functional lighting)* untuk laluan pejalan kaki, pintu masuk dan kawasan tempat letak kereta.
- Pencahayaan aksen *(accent lighting)* untuk elemen seperti pokok, patung atau struktur unik.
- Pencahayaan ambient *(ambient lighting)* sebagai pencahayaan latar yang menyeluruh, mencipta suasana lembut di ruang awam atau rekreasi.

Warna

- Suhu warna yang lebih hangat (kuning atau putih lembut) sering digunakan untuk mewujudkan suasana yang lebih tenang di taman dan kawasan rekreasi.
- Cahaya putih terang atau *neutral* digunakan di kawasan yang memerlukan keselamatan atau penekanan arah laluan.



Rajah 5-16 : Panduan Perletakan Lampu Jalan
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

PENCAHAYAAN YANG DIBENARKAN

i. Cahaya hendaklah mencukupi melalui penyediaan lampu jalan.
ii. Pencahayaan haruslah disediakan di laluan yang gelap, tersorok dan juga lorong belakang.
iii. Pencahayaan laluan pejalan kaki dan penunggang basikal haruslah mendapat pencahayaan semula jadi yang optimum pada waktu siang.
iv. Aras pencahayaan di lintasan pejalan kaki perlu konsisten dengan pencahayaan di laluan pejalan kaki bagi mengurangkan tahap silau atau perubahan pencahayaan yang mendadak dan dapat memberi amaran awal kepada pemandu untuk melihat pejalan kaki dengan lebih jelas.

PENCAHAYAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Perletakan di bahagian tengah tidak dibenarkan untuk mengelakkan berlakunya gangguan terhadap kelancaran perjalanan pengguna dan mewujudkan rasa tidak selesa kepada pengguna.
ii. Pencahayaan yang tidak mencukupi atau terlalu menyilaukan yang boleh menjejaskan keselamatan
iii. Pencahayaan yang tidak sesuai dengan konteks tempatan.

Rajah 5-17 : Panduan Ketinggian Lampu Jalan
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Contoh Lintasan Pejalan Kaki Yang Dilengkapi Dengan Lampu Dengan Jarak Yang Konsisten
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Contoh Laluan pejalan kaki dan Laluan Basikal Yang Dilengkapi Dengan Pencahayaan Yang Mencukupi
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

5.4.2 GP 2: Garis Panduan Pemeliharaan Warisan

Garis panduan ini bertujuan memastikan perancangan dan pembangunan landskap di tapak warisan daerah Jerantut dilakukan secara sistematik. Ia bertujuan melindungi warisan budaya tempatan sambil memperkenalkan elemen landskap yang sesuai dengan identiti, sejarah dan nilai setempat. Panduan ini juga menyeimbangkan pemuliharaan budaya dengan keperluan pembangunan moden, meningkatkan daya tarikan serta kelestarian kawasan untuk masyarakat dan pelancong. Kawasan, tapak dan bangunan yang mempunyai nilai warisan dan sejarah perlu dikenal pasti dan ditandakan di peringkat awal untuk dilindungi dan dipelihara.

Reka Bentuk

- Bangunan dan struktur warisan dikekalkan dalam bentuk asalnya.
- Laluan pejalan kaki yang menyerupai jalan lama.
- Ruang awam seperti plaza untuk menggalakkan aktiviti sosial seperti aktiviti kebudayaan.
- Kawasan lapang bertema yang mencerminkan identiti budaya atau sejarah kawasan diwujudkan di sekitar bangunan warisan atau di ruang awam berhampiran.
- Papan tanda dan elemen informasi direka bentuk dengan serasi dengan bangunan sekitarnya.

Bahan Binaan

- Bahan yang sesuai dengan identiti warisan dan mengekalkan suasana klasik dan autentik.
- Mesra alam dan tahan lama untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar.

Warna

- Warna-warna lembut mencerminkan era sejarah kawasan seperti warna putih atau coklat mengekalkan elemen klasik dan tradisional.
- Warna bangunan perlu signifikan dalam menonjolkan karakter asal bangunan.



Rajah 5-18 : Panduan Perletakan Pokok di Bangunan Bercirikan Warisan
Sumber: Heritage Design Guide, City of Melbourne 2020

KAWASAN DAN BANGUNAN WARISAN YANG DIBENARKAN

i. Perabot jalan perlu diselenggara secara berkala bagi tujuan pemuliharaan integriti struktur dan keselamatan awam.
ii. Penggantian atau penyediaan baharu mesti menggunakan bahan asal atau serupa dan tidak menghalang pandangan fasad bangunan.
iii. Penggunaan bahan / fabrik yang asal bagi reka bentuk perabot jalan.
iv. Bagi memastikan panorama asal kawasan warisan dikekalkan, kawasan taman awam dan tanah lapang sedia ada perlu diwartakan agar tidak ditukar fungsi.
v. Bangunan baharu mengikut saiz silara membantu mengekalkan pokok asal.
vi. *Zone fencing* untuk mengekalkan pokok asal.

KAWASAN DAN BANGUNAN WARISAN YANG TIDAK DIBENARKAN

i. Perabot jalan yang menggangu fasad bangunan.
ii. Perletakkan perabot jalan yang menggangu kerb di atas jalan.
iii. Bangunan baharu yang melebihi silara pokok asal dan memberi kesan pertumbuhan pokok yang mempunyai nilai warisan.
iv. Seni visual yang dilukis / dipamer tidak boleh menggangu atau menghalang fasad bangunan.



Rajah 5-19 : Ilustrasi Peletakan Perabot Jalan Yang Yang Harmoni Dengan Persekitarannya Serta Tidak Menganggu dan Menutup Pandangan Fasad Bangunan
Sumber: Heritage Design Guide, City of Melbourne 2020

5.4.3 GP 3: Garis Panduan Pembangunan Tanah Lapang dan Rekreasi

Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi pelaksana dan pemaju dalam merancang, mengawal dan mereka bentuk penyediaan kawasan lapang khususnya semasa peringkat permohonan kebenaran merancang. Tanah lapang secara umumnya boleh didefinisikan sebagai suatu kawasan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan rekreasi aktif atau pasif. Secara terperinci, ia meliputi dua (2) kategori berikut:-

i. Tanah lapang di dalam skim-skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di peringkat kelulusan permohonan kebenaran merancang ataupun semasa kelulusan permohonan pecah sempadan.
ii. Tanah lapang dan kawasan rekreasi dalam hierarki tertentu iaitu daripada taman nasional sehingga hierarki lot permainan seperti padang bola sepak, gelanggang permainan dan sebagainya yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi-agensi yang berkenaan.

A) Perancangan Peralatan Permainan Mengikut Umur Kanak-Kanak

Penyediaan peralatan permainan di kawasan rekreasi perlu dipelbagaikan mengikut kategori umur untuk menjamin keselesaan dan keselamatan penggunaan peralatan tersebut mengikut piawaian dan keperluan Peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Kelulusan & Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2009, Peraturan Perlindungan Pengguna (Standard Keselamatan Bagi Mainan) 2009 dan Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Kanak-Kanak Malaysia (PSAM).

Reka Bentuk Peralatan
Semua peralatan dan perabot taman perlu mengikut piawaian dan keperluan Peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Kelulusan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2009 serta Peraturan Perlindungan Pengguna (Standard Keselamatan Bagi Mainan) 2009.

Susun Atur Alat Permainan
Susun atur peralatan permainan perlu bersesuaian bagi memudahkan pergerakan pengguna serta mudah diperhatikan oleh orang dewasa.

B) Keperluan Perabot Taman

Pintu Pagar
Bagi kawasan rekreasi berpagar, hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) pintu keluar-masuk yang tidak berhalangan (*barrier free*).

Papan Tanda Bersepadu
Papan tanda bersepadu bertujuan sebagai petunjuk arah, amaran, maklumat, fungsi taman dan sebagainya dalam penyediaan kawasan lapang.

Lampu
Pemasangan lampu yang sesuai di kawasan lapang / rekreasi bagi pencahayaan, mencegah jenayah dan masalah sosial serta berfungsi sebagai landskap kejur di kawasan lapang.

Laluan Masuk
Penyediaan ramp untuk memudahkan pergerakan kanak-kanak dan golongan orang kurang upaya (OKU).

Tong Sampah
Penyediaan tong sampah di kawasan tumpuan aktiviti bagi menjamin kebersihan kawasan lapang.

C) Penyediaan Landskap Lembut

i. Kawasan rekreasi mesti dirizabkan 10% daripada keseluruhan pembangunan perumahan, perdagangan, perindustrian, kawasan bercampur, pelancongan dan institusi mengikut piawaian JPBD.
ii. PLANMalaysia menetapkan 60% kawasan untuk landskap lembut dan 40% untuk "*plinth area*."
iii. Penyediaan landskap lembut tidak boleh kurang daripada 60% daripada kawasan rekreasi, tetapi untuk kawasan bandar, ia boleh disesuaikan kepada minimum 40%.
iv. Fungsi dan pembahagian ruang landskap bergantung kepada jenis kawasan tanah lapang dan taman rekreasi berdasarkan piawaian PLANMalaysia.

D) Jarak Penanaman

i. Jarak tanaman adalah bergantung kepada reka bentuk landskap taman, jenis tanaman dan fungsi penanaman. Digalakkan penanaman secara bebas untuk mewujudkan keadaan semula jadi.
ii. Secara umum, jarak tanaman hendaklah memudahkan kerja penyelenggaraan dijalankan.

Landskap lembut dan kejur saling melengkapi, di mana landskap lembut menyumbang kepada ekologi dan estetika, manakala landskap kejur menyediakan fungsi dan aksesibiliti untuk persekitaran yang harmoni dan lestari.



HIERARKI	KELUASAN	TAMPUNGAN DAN LINGKUNGAN	FUNGSI
Taman Bandaran / Taman Tempatan	Minimum 5.0 hektar / 12.36 eka	Tampungan >50,000 Penduduk lingkungan ½ jam perjalanan >10.0 km	Taman ini berfungsi untuk memenuhi keperluan penduduk sesebuah bandar / daerah bagi tujuan aktiviti rekreasi, riadah, sukan, interaksi sosial dan menikmati keindahan alam semula jadi.
Taman Kejiranan	Minimum 1.0 hektar / 2.47 ekar	Tampungan 5,000 – 10,000 penduduk lingkungan 1.0km – 3.0 km	Taman ini berfungsi sebagai kawasan rekreasi dalam sesebuah Kawasan kejiranan bagi keperluan penganjuran aktiviti rekreasi, riadah, sukan dan interaksi sosial penduduk.
Taman Permainan / Laman Permainan	Minimum 0.1 hektar / 0.25 ekar	Tampungan 500 – 2,000 penduduk dalam lingkungan kurang dari 0.5km	Taman ini berfungsi sebagai Kawasan rekreasi dalam lingkungan jarak berjalan kaki yang dapat menampung keperluan aktiviti rekreasi, riadah, sukan dan juga keperluan interaksi social penduduk.

Jadual 5-20 : Hierarki Tanah Lapang dan Rekreasi
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

E) Penyediaan Kawasan Lapang Bagi Pemajuan Dalam Skim Pembangunan (Pelan Susun Atur) dan Pembangunan Lot Individu

i. Pemajuan Perumahan

- Perumahan Bukan Strata dan Strata Bertanah

  Penyediaan 10% kawasan lapang yang diperlukan bagi pemajuan perumahan bukan strata dan strata bertanah adalah tertakluk kepada :–
  - 7% disediakan sebagai kawasan lapang berfungsi
  - 3% boleh diambil kira daripada keluasan kemudahan awam, utiliti / infrastruktur yang terdapat dalam pemajuan tersebut.

- Perumahan Strata Bertingkat

  Penyediaan 10% kawasan lapang yang diperlukan bagi pemajuan perumahan strata bertingkat adalah tertakluk kepada :–
  - 5% disediakan secara efektif di aras tanah / *top basement slab* termasuk *perimeter planting*
  - 5% boleh disediakan di *rooftop / podium*.

ii. Pemajuan Komersial

- Komersial Bukan Strata / Lot Perdagangan Secara Individu

  Penyediaan 10% kawasan lapang yang diperlukan adalah tertakluk kepada :-
  - 5% dsediakan sebagai kawasan lapang berfungsi
  - 5% boleh diambil kira daripada keluasan kemudahan awam, utiliti / infrastruktur yang terdapat dalam pemajuan tersebut

iii. Pemajuan Institusi dan Kemudahan Masyarakat

- Penyediaan kawasan lapang bagi pemajuan institusi dan kemudahan masyarakat di dalam skim pembangunan baharu perlu menyediakan 10% keperluan kawasan lapang. Manakala bagi kawasan institusi dan kemudahan masyarakat secara *infill* atau di plot-plot di dalam pelan induk / pelan susun atur yang telah diluluskan keperluan penyediaan kawasan lapang adalah sebanyak 5%.

F) Pemilihan Landskap Lembut

Pemilihan landskap lembut dalam pembangunan landskap daerah Jearntut adalah kaedah strategik bertujuan untuk mencipta suasana yang harmoni dan menyegarkan di tengah-tengah persekitaran bandar yang berkembang pesat. Landskap lembut yang merangkumi penggunaan tanaman, pokok, rumput dan elemen semula jadi, dipilih untuk menambahkan elemen kehijauan yang mampu memulihkan keseimbangan ekosistem bandar, meningkatkan estetika kawasan serta menyokong kesejahteraan mental dan fizikal penduduk.

Penggalakkan penggunaan pokok teduhan dalam pembangunan adalah langkah penting untuk meningkatkan keselesaan dan estetika kawasan. Pokok teduhan membantu menurunkan suhu persekitaran dan menyokong biodiversiti dengan menyediakan habitat untuk haiwan dan membantu mengawal hakisan tanah serta meningkatkan kualiti udara. Penambahan pokok teduhan dapat mencipta persekitaran yang lebih hijau, menyegarkan dan mesra penduduk.

Penggalakkan penggunaan pokok renek dalam pembangunan landskap adalah langkah bijak untuk memperindah dan memperkayakan persekitaran bandar. Pokok renek membantu mengawal hakisan tanah, mengurangkan pertumbuhan rumpai dan mengekalkan kelembapan tanah. Selain itu, pokok renek menyokong biodiversiti dan menambah daya tarikan lanskap dengan warna dan tekstur yang pelbagai. Penanaman pokok renek dapat mencipta ruang yang estetik dan berfungsi meningkatkan kesejahteraan persekitaran bandar.

Saiz Standard Tanaman Untuk Kerja Landskap

Jadual 5-14 menunjukkan rujukan untuk saiz tumbuhan yang sesuai untuk kerja landskap. Walau bagaimanapun, untuk tujuan tertentu seperti nilai estetika, fungsi dan kesan reka bentuk, saiz ini boleh diubah suai berdasarkan konsep reka bentuk penanaman.

KATEGORI	TINGGI KESELURUHAN (MM)	TINGGI BATANG (MM)	DIAMETER BATANG (MM)	SEBARAN (MM)	CATATAN
Penutup Bumi	150				Saiz polibeg - 150mm Saiz tanaman - 150mm tinggi keseluruhan dengan minimum 9 keratan pokok
Pokok Renek	150 – 1000			300 – 500	
Pokok Utama					
Pokok Standard	2100 – 3000	2.0m	25 – 75		Batang utama tegak lurus dan mempunyai sistem percabangan yang baik
Pokok Separa Matang	3000 – 5000	2.0m	75 – 150		Batang utama tegak lurus dan mempunyai sistem percabangan yang baik
Pokok Matang	>5000	2.0m	75 – 150		Pokok sihat, batang tegak lurus dan mempunyai silara yang baik
Palma					
Palma Berbatang Tunggal		>1200			Batang tegak lurus dan daun rimbun
Palma Berkelompok		>750			Minimum 3 batang palma di dalam satu rumpun

Jadual 5-14 : Saiz Standard Tanaman Untuk Kerja Landskap
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Nota:
Tinggi batang palma – Diukur dari aras tanah sehingga ke pangkal ranting / pelepah pertama.
Tinggi keseluruhan palma – Diukur dari aras tanah sehingga ke cabang teratas ranting pokok / pelepah palma.

G) Perincian Landskap Lembut

Reka bentuk landskap lembut merupakan elemen penting dalam pembentukan persekitaran yang harmoni, selesa dan lestari. Ia merujuk kepada penggunaan bahan hidup seperti pokok, rumput, bunga, semak dan penutup bumi yang berperanan bukan sahaja sebagai hiasan, tetapi juga untuk meningkatkan nilai ekologi, mikroiklim dan kesejahteraan ruang bina.

Dalam konteks penyediaan garis panduan landskap, komponen landskap lembut perlu direka bentuk secara menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan fungsi estetik, ekologi dan sosial dapat dicapai dengan berkesan. Reka bentuk landskap lembut hendaklah mempertimbangkan faktor seperti kesesuaian spesies dengan iklim tempatan, keperluan penyelenggaraan, keupayaan penyerapan air serta kesan visual terhadap ruang persekitaran. Gabungan elemen seperti pokok teduhan, pokok renek, rumput hiasan, tanaman penutup bumi, tumbuhan penghadang dan tanaman tepi jalan mampu mewujudkan suasana yang menarik serta membantu dalam kawalan hakisan tanah, pengurangan haba bandar dan peningkatan biodiversiti.

Secara keseluruhan, komponen landskap lembut menjadi asas kepada keseimbangan antara pembangunan fizikal dan alam semula jadi, serta menjadi panduan penting dalam memastikan setiap pembangunan menepati prinsip reka bentuk landskap mampan dan beridentiti tempatan.

1) Penyediaan Lubang Tanaman

Penyediaan lubang tanaman yang baik adalah langkah penting bagi memastikan tanaman tumbuh dengan sihat dan mendapat nutrien secukupnya. Garis panduan ini merangkumi langkah-langkah penting dari pembersihan tapak hingga pengisian tanah dan pengairan bagi memastikan tanaman dapat berkembang dengan optimal.

Saiz Lubang Tanaman

1. Pokok Utama / Pokok Palma

1.0m x 1.0m x 1.0m atau 2 kali ganda saiz bebola akar (*burlap*)



2. Pokok Renek

Minimum 1.0m x 1.0m x 1.0m



3. Pokok Matang

Minimum 1.5m x 1.5m x 1.5m



4. Penutup Bumi (*Ground Cover*)

0.2m x 0.2m x 0.2m



5. Pokok *'Transplant'*

2 kali ganda dari saiz bebola akar (*burlap*)



6. Pokok Pemanjat *(Climber Plant)*

Di tepi tembok:
0.3m x 0.15m x 0.15m

Kawasan laluan / *trellis:*
0.2m x 0.2m x 0.2m

Kawasan tanah:
0.15m x 0.15m x 0.15m

Rajah 5-21 : Saiz Lubang Mengikut Standard Piawaian
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Nota:
Adalah dicadangkan supaya lubang penanaman pokok utama dan pokok palma disediakan terlebih dahulu dan dilakukan kerja penanaman, sebelum penggalian lubang untuk bahan penanaman lain dijalankan.

Kaedah Pembentukan Penyediaan Lubang Tanaman

Kaedah pembentukan penyediaan lubang tanaman melibatkan perkara-perkara berikut:-

i. Menentukan lokasi lubang tanaman seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Penanaman Landskap.
ii. Menandakan lokasi lubang penanaman dengan kayu penanda.
iii. Memastikan kaedah / cara penggalian lubang yang praktikal dan bersesuaian dengan keadaan tapak projek. Disyorkan, penggalian pokok utama dan palma menggunakan jentera untuk meminimumkan masa.

Nota:
Untuk tanaman di kawasan tanah bermasalah, saiz lubang tanaman mestilah melebihi saiz piawaian standard untuk memastikan tanaman dapat tumbuh dengan baik.

Penggunaan Lubang Persegi

Penggunaan lubang persegi melibatkan perkara-perkara berikut:-

i. Lubang tanaman persegi mempercepat pertumbuhan pokok untuk menggalakkan pertumbuhan akar.
ii. Akar lebih mudah untuk tumbuh menembusi dinding tanah daripada membelok 90˚ mengikut lubang tanaman.
iii. Lubang tanaman bulat boleh menyebabkan pembentukan akar girdling.

2) Kaedah Penanaman Pokok

Bahan tanaman mestilah ditanam dengan segera sebaik saja tiba di kawasan projek. Perlu mengelakkan penanaman dalam cuaca kering kerana akan mengakibatkan sistem akar mengering dan daun hangus.

Pokok Utama / Pokok Palma

i. Perlu memastikan lubang tanaman disediakan mengikut spesifikasi 1m x 1m x 1m.
ii. Memasukkan ¼ daripada lubang penanaman dengan tanah campuran dan baja pengakaran.
iii. Mengeluarkan bahan tanaman dan memastikan akar tidak rosak. Akar tua dan berserabut perlu dicantas dan dirawat dengan racun kulat.
iv. Memasukkan tanaman ke dalam lubang penanaman. Perlu memastikan bahan tanaman tegak.
v. Pacak kayu pancang berukuran 3000mm x 50mm x 50mm ke dalam 1000mm tanah di sisi bebola akar.
vi. Isi lubang penanaman dengan tanah campuran dan memadatkan tanah.
vii. Siram sebaik sahaja bahan tanaman yang ditanam.

Campuran Tanah Mengikut Nisbah

Campuran Tanah 1:1:1
- 1 campuran top soil
- 1 campuran kompos
- 1 campuran pasir

Nota: Campuran sesuai untuk tanaman semaian, sebelum dipindahkan ke pasu yang lebih besar.

Campuran Tanah 2:1:1
- 2 campuran top soil
- 1 campuran kompos
- 1 campuran sabut kelapa

Nota: Campuran memberi nutrient dan penyerapan air yang bagus untuk pokok.

Campuran Tanah 3:2:1
- 3 campuran top soil
- 2 campuran kompos
- 1 campuran pasir

Nota: Campuran untuk semua jenis tanaman.





Rajah 5-25: Keratan Rentas Penanaman Pokok Utama
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Pokok Renek

i. Perlu memastikan lubang tanaman disediakan mengikut spesifikasi.
ii. Memasukkan ¼ daripada lubang penanaman dengan tanah campuran dan baja pengakaran.
iii. Mengeluarkan bahan tanaman. Teknik penanaman:-
   - Memadatkan tanah sebelum polibeg dibuka.
   - Menggunakan pisau untuk membuat toretan di tepi polibeg.
iv. Akar tua, mati, berserabut dan tidak dikehendaki perlu dibuang.
v. Memasukkan tanaman ke dalam lubang penanaman. Memasukkan tanah campuran dan dipadatkan.
vi. Isi lubang penanaman dengan tanah campuran dan memadatkan tanah.
vii. Siram sebaik sahaja bahan tanaman ditanam.

Campuran Tanah Mengikut Nisbah

Campuran Tanah 1:1:1
- 1 campuran *top soil*
- 1 campuran kompos
- 1 campuran pasir

Nota: Campuran sesuai untuk tanaman semaian, sebelum dipindahkan ke pasu yang lebih besar.

Campuran Tanah 2:1:1
- 2 campuran top soil
- 1 campuran kompos
- 1 campuran sabut kelapa

Nota: Campuran memberi nutrient dan penyerapan air yang bagus untuk pokok.

Campuran Tanah 3:2:1
- 3 campuran *top soil*
- 2 campuran kompos
- 1 campuran pasir

Nota: Campuran untuk semua jenis tanaman



Jenis - jenis Sungkupan
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Penutup Bumi *(Ground Cover)*

i. Menandakan kawasan penanaman.

ii. Gali lubang penanaman sedalam 150mm.

iii. Memasukkan tanah campuran. Jika tanaman berkelompok, campuran tanah perlu dibentuk menjadi batas setinggi 100mm.

iv. Mengeluarkan bahan tanaman. Jika akar terlalu padat, menguraikan akar sebelum ditanam.

v. Tanam dan memadatkan tanah.

vi. Siram sebaik sahaja kerja penanaman selesai.



Teknik susunan 4 nos tanaman penutup bumi (*groundcover*) per sekaki persegi kawasan penanaman



Teknik susunan 9 nos tanaman penutup bumi (*groundcover*) per sekaki persegi kawasan penanaman



Teknik susunan 5 nos tanaman penutup bumi (*groundcover*) per sekaki persegi kawasan penanaman

Pokok Pemanjat *(Climber Plant)*

i. Menyediakan lubang tanaman mengikut kesesuaian lokasi tanaman.

ii. Untuk pemanjat di semua struktur binaan, struktur binaan mestilah dibina terlebih dahulu sebelum bahan tanaman ditanam.

iii. Jarak tanaman adalah bergantung kepada kesan penanaman yang dikehendaki. Disyorkan untuk kawasan tembok dan pagar, jarak tanaman adalah 150mm.

iv. Kaedah membentuk pemanjat adalah seperti berikut:
- Menyediakan struktur sokongan (tiang pergola) sebelum penanaman dilakukan.
- Pada peringkat awal, pucuk pokok perlu diikat kepada sokongan.



Rajah 5-22 : Kawasan Tembok dan Pagar Dengan Jarak Tanaman Adalah 150mm
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Rumput

Kaedah penyediaan tapak ini adalah sesuai untuk teknik tanaman seacara ketulan *(spot turfing)* dan hamparan *(close turfing)*.

Membersihkan kawasan tapak daripada batu, kayu dan rumpai

Bajak / gembur tanah, minimum 150mm kedalaman

Baiki saliran jika kawasan dikenal pasti mempunyai masalah takungan air. Jika perlu, perlu menyediakan saliran bawah tanah

Gembur halus permukaan tanah dan meratakan dengan pencakar

Sembur tapak semaian dengan racun rumpai pracambah

Tabur baja seminggu selepas semburan racun. Kapur ditabur jika tanah berasid.

Melembapkan tanah

Susun dan memadatkan kepingan rumput di atas tanah yang telah disediakan.

Siram rumput secukupnya

Potong rumput apabila akar rumput benar-benar mencengkam tanah

Nota:

- Untuk kawasan padang bola atau padang permainan, tanah perlu di paraskan untuk mendapatkan kecerunan minimum 1:60 (untuk mengelakkan takungan air)
- Jumlah kuantiti taburan kapur berpandu kepada kadar keasidan tanah dan toleransi kehadap keasidan tanah
- Elakkan memijak rumput dalam tempoh 2 – 3 minggu selepas penanaman

Kotak Tanaman dan Pasu

i. Saiz minimum kotak tanaman adalah 1.0m tinggi x 1.5m lebar. Untuk tujuan penanaman pokok utama dan palma, saiz minimum kotak tanaman adalah 1.5m tinggi x 1.5m lebar.

ii. Saiz pasu mestilah bersesuaian dengan saiz bahan tanaman.

iii. Kotak tanaman dan pasu mestilah mempunyai lubang untuk mengalirkan air lebihan keluar.

iv. Isi 1/3 daripada kotak tanaman / pasu dengan batu kecil untuk tujuan pengairan air dan udara.

v. Masuk sedikit tanah campuran sebagai *'bedding'*.

vi. Tanam mengikut susunan yang dikehendaki. Perlu memastikan tanaman secara tegak dan lurus.

vii. Isi tanah campuran dan perlu memadatkan tanah.

viii. Siram sebaik sahaja kerja penanaman selesa.



Rajah 5-27: Penanaman Pokok Menggunakan Kotak / Pasu
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Root Barrier

i. Membalut akar pokok *(surround root barrier)*
   - Pemasangan penghadang akar *'surround'* tidak digunakan di kawasan konkrit kerana kurang berkesan dan menghasilkan tapak pokok tidak kukuh.

ii. Disusun di bahagian tepi akar *(linear root barrier)*
   - Kaedah yang sesuai untuk pokok berhampiran dengan konkrit.
   - Penghadang akar ini memastikan akar pokok tidak tumbuh di bahagian bawah konkrit yang boleh menyebabkan kerosakkan.

Penghadang Akar '*Root Barrier*'

i. Penghadang akar *root barrier* digunakan untuk mengawal akar pokok daripada merosakkan permukaan laluan siar kaki, kabel bawah tanah dan longkang.

ii. Penghadang pokok mencegah kerosakan akar di samping memelihara kesihatan dan kecantikan pokok dengan mengarahkan akar jauh ke bawah tanah.

iii. Panel penghadang untuk mengekalkan akar daripada tumbuh di tempat yang tidak diingini.

Surround Root Barrier

Linear Root Barrier

Kerosakan Permukaan Laluan Siar Kaki Akibat Akar Pokok

Jadual 5-15 : Jadual Penyelenggaraan Landskap Lembut

	JAN				FEB				MAC				APR			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
Penyiraman																
Rumpaian																
Sungkupan																
Pembajaan																
Kawalan Penyakit	**MENGIKUT KEPERLUAN**															
Pemangkasan																
Penjagaan																
Penggantian Pokok	**MENGIKUT KEPERLUAN**															
Pengudaraan																
Pemotongan Rumput																
Top Dressing	**MENGIKUT KEPERLUAN**															
Kebersihan																

5.4.4 GP 4: Garis Panduan Pemulihan Pokok dan Pengurusan Infrastruktur Hijau (ILAM)

Panduan Amalan Pengurusan Terbaik ini dihasilkan untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada arkitek landskap serta agensi pelaksana dalam usaha mencadangkan tatacara amalan dan kaedah yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan perintah pemeliharaan pokok di bawah Akta 172 serta akta-akta yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memelihara dan melindungi kawasan hijau dan mengurus infrastruktur hijau sebelum sesuatu pembangunan dijalankan.

A) Proses Peningkatan Kualiti Berterusan (CQI)

Cadangan proses Peningkatan Kualiti Berterusan (*Continuous Quality Improvement* - CQI) dalam mereka bentuk aliran kerja amalan terbaik pengurusan infrastruktur hijau dan pemuliharaan pokok kawasan hijau yang berkesan.

Rajah 5-29: Proses Peningkatan Kualiti Beterusan (CQI)
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Perancangan
Perancangan pengurusan aset jangka panjang

Perolehan
Penilaian perolehan, kontrak, permulaan, straup, komisen dan permodalan

Operasi
Pelaksanaan perancangan susut nilai pendapatan dan aset

Pengawasan dan Pemantauan
Penyelian dan pembaikan / rawatan

Pelupusan
Pelupusan aset dan kepentingan keperluan aset

B) Amalan Penyelenggaraan Umum

Amalan penyelenggaraan umum merangkumi langkah-langkah penting dalam memastikan kesihatan, keselamatan dan kelestarian pokok di kawasan hijau. Ia melibatkan aktiviti seperti pemangkasan, pemberian sokongan kepada pokok yang dialihkan dan pemeriksaan berkala untuk memantau keadaan pokok serta mengenal pasti keperluan pemuliharaan. Amalan ini bertujuan menjaga kestabilan pokok, mencegah risiko bahaya dan memastikan persekitaran yang selamat serta estetika yang menarik.

Pemangkasan

Pemangkasan struktur atau pembuangan dahan mati atau pengurangan kepadatan silara perlu dilakukan bagi mengurangkan tekanan tumbesaran pokok iaitu ketika kerja pembinaan dijalankan. Pemangkasan yang berlebihan seperti '*topping*' akan mengurangkan tahap kesuburan pokok dan meningkatkan kadar kematian pokok tersebut.

Bantuan Sokongan Pokok (Pokok Yang Dialihkan)

Pemasangan kabel dan bantuan sokongan sementara adalah satu kaedah untuk mengekalkan dan menyelamatkan pokok atau mana-mana bahagian pokok daripada tumbang terutamanya pokok-pokok yang baru dialihkan. Spesifikasi kaedah kerja pemasangan sokongan pokok perlu dilakukan dengan jelas agar pelaksanaannya dijalankan dengan sempurna. Pemasangan bantuan sokongan pokok adalah bersifat sementara kecuali pada mana-mana bahagian pokok yang memerlukan bantuan sokongan kekal.

Pemeriksaan Berkala

Pemeriksaan berkala pokok yang dipelihara, dilindungi atau dialihkan adalah penting bagi pemantauan tahap kesihatan pokok. Kemerosotan tahap kesihatan pokok boleh diperhatikan melalui perubahan tanda fisiologi struktur pokok iaitu perubahan warna daun pokok, peningkatan *'shoot dieback'*, tumbang / senget, rekahan dan kekeringan kulit batang pokok.

Rajah 5-28: Amalan Penyelenggaraan Umum
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Panduan ini memainkan peranan penting dalam membantu arkitek landskap dan agensi pelaksana memastikan pemeliharaan pokok dan pengurusan infrastruktur hijau dilaksanakan secara terancang dan mematuhi undang-undang. Ia bertujuan melindungi kawasan hijau, meminimumkan kesan pembangunan terhadap alam sekitar dan menyokong matlamat pembangunan mampan yang harmoni dengan ekosistem.

C) Simptom Pokok Berisiko

Tumpuan utama dalam kerja mengawalselia aset landskap, khususnya pokok adalah untuk mengenal pasti pokok-pokok yang berisiko kepada komuniti sekeliling. Langkah pertama dalam penyelenggaraan bagi pokok yang dikategorikan sebagai berisiko adalah dengan mengesan simptom-simptom yang dapat dilihat dari keadaan fizikal pokok secara kasarnya, sebelum kajian terperinci oleh pihak arboris yang bertauliah dilakukan. Secara amnya, terdapat tujuh (7) simptom yang perlu diperhatikan. Tindakan ini adalah penting untuk mencegah masalah jangkitan pokok, memelihara nilai estetik bandar dan mengawal kesihatan pokok tepian jalan.

Rajah 5-23 : Simptom Pokok Berisiko
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

JENIS RISIKO	PENERANGAN
Kanker (*Cankers*)	• Juga dikenali sebagai cerana batang, ia boleh ditemui di lokasi tertentu pada batang, dahan dan akar. • Bahagian yang terjejas biasanya terperosok ke dalam, mengecut, terkopak, tidak berkulit dan mengalami perubahan warna daripada kulit atau kayu asal akibat luka dan serangan patogen. • Kehadiran kanker pada batang atau dahan pokok meningkatkan risiko patah pada dahan dan batang pokok.
Kulit Terangkum dan Pautan Lemah	• Keadaan kulit kayu terhimpit di antara dua atau lebih dahan yang seukuran akibat pertumbuhan. • Batang pokok kodominan berisiko pecah dan terbelah kerana tiada cantuman yang kukuh antara dahan. • Pautan yang lemah ini boleh dikenalpasti melalui cantuman dahan berbentuk V dan ketiadaan rabung dahan yang jelas. • Kejadian berlaku pada dahan yang tumbuh secara setempat atau pada dahan yang rapat dengan batang pokok
Masalah Akar	• Masalah akar seperti kerosakan, patah, reput dan kematian akar serta kehilangan sebahagian akar. • Disebabkan oleh jangkitan kulat, serangan anai-anai, cara penanaman dan pemindahan pokok yang tidak mengikut amalan arborikultur serta aktiviti pembinaan yang merosakkan sebahagian akar pokok. • Memberi kesan negatif kepada kesihatan, kesuburan dan kestabilan pokok (pokok tumbang dan mati).
Arkitektur Pokok Lemah	• Merujuk kepada pola pertumbuhan yang tidak normal dan bentuk pokok yang tidak seimbang. • Disebabkan oleh tiupan angin, pemangkasan yang tidak tepat, pemangkasan atas, faktor genetik dan gangguan dari faktor persekitaran lain. • Risiko pokok meningkat apabila berlaku reput, rekahan dan kanker pada bahagian yang condong atau condong mengikut arah tiupan angin.
Kayu Mati	• Dahan, ranting atau batang pokok yang mati berisiko jatuh pada bila-bila masa. • Menyebabkan jangkitan penyakit akibat aktiviti manusia. • Vandalisme terhadap pokok (memecahkan, membakar atau meracun). • Dahan atau ranting kecil yang berisiko tinggi jika jatuh dari kawasan yang tinggi. • Boleh menyebabkan kerosakan, kecederaan atau kematian kepada sasaran yang terkena.
Dahan Reput	• Penurunan dan kemerosotan kandungan lignin dalam tisu tumbuhan termasuk kayu disebabkan oleh patogen atau mikroorganisma. • Kayu akan menjadi rapuh dan rosak dengan kekuatan, keanjalan dan ketumpatan kayu yang menurun sekaligus menjejaskan fungsi pokok. • Kehadiran cendawan menunjukkan tahap pereputan dalaman yang serius
Rekahan	• Retakan yang berlaku pada kulit kayu atau bahagian dalam kayu. • Menjadi titik lemah bagi pokok yang boleh menyebabkan kerosakan seperti patah dan terbelah apabila terdedah kepada tekanan atau beban (tiupan angin). • Boleh terjadi pada dahan, batang dan juga pangkal pokok.

Jadual 5-16 : Perincian Simptom Pokok Berisiko
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

D) Kaedah Menangani Pokok Berisiko

Kaedah penyelenggaraan pokok berisiko merujuk kepada prosedur atau teknik yang digunakan untuk memastikan kesihatan pokok besar, tua atau berpenyakit, yang berpotensi mendatangkan bahaya kepada keselamatan manusia dan harta benda jika tidak diurus dengan betul.

PEMANGKASAN DAHAN BERISIKO

- Pemangkasan dilakukan untuk mengurangkan beban atau mengeluarkan dahan yang mati dan rosak yang berisiko jatuh.
- Pemangkasan dahan besar memerlukan peralatan keselamatan khusus seperti tali, alat pendakian dan kren.

PEMERIKSAAN KESELAMATAN DAN PENILAIAN BERISIKO

- Penilaian oleh arboris profesional diperlukan untuk mengenal pasti tanda-tanda awal kerosakan atau penyakit yang berpotensi menyebabkan kegagalan pokok seperti akar yang terdedah, batang yang retak atau serangan serangga.

PENEBANGAN POKOK BERBAHAYA

- Penebangan dilakukan apabila pokok dianggap terlalu berisiko untuk dibiarkan berdiri seperti pokok yang telah mati, berpenyakit atau mengalami kerosakan pada struktur.
- Proses penebangan harus dilakukan oleh pakar untuk mengelakkan kecederaan dan kerosakan.

PENGGUNAAN SOKONGAN STRUKTUR (*CABLING & BRACING*)

- Digunakan untuk menstabilkan pokok yang mempunyai cabang besar yang berisiko patah, kabel atau penyangga dipasang untuk mengurangkan tekanan pada dahan tersebut.

PENGURUSAN POKOK DALAM KAWASAN BERISIKO

- Pokok yang terletak berhampiran kawasan awam seperti taman, jalan raya dan bangunan memerlukan perhatian khusus.
- Penyelenggaraan yang lebih kerap dan pemantauan yang berterusan mungkin diperlukan.

PEMBERSIHAN SISA DAN PENGURUSAN PASCA-KERJA

- Selepas pemangkasan atau penebangan, sisa kayu dan daun harus diuruskan dengan betul bagi mengelakkan risiko lain seperti kebakaran atau penyumbatan saliran.

Rajah 5-24 : Kaedah Menangani Pokok Berisiko
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Terdapat tiga (3) peringkat penilaian pokok berisiko oleh arboris profesional seperti berikut:-

PENILAIAN TAPAK ATAU PEMERIKSAAN VISUAL PANTAS *(LEVEL 1 : LIMITED VISUAL ASSESSMENT)*

- **Tujuan**: Pemeriksaan asas dilakukan secara *visual* tanpa peralatan khusus.
- **Langkah:** Arboris akan memeriksa keseluruhan pokok secara kasual, tanpa menjalankan ujian mendalam atau menggunakan peralatan khusus.
- **Fokus**: Mengenal pasti tanda-tanda luar yang jelas seperti dahan yang mati, kerosakan pada batang, lubang, kulat atau pokok yang condong.
- **Kelebihan**: Mudah dan cepat dilakukan di kawasan dengan banyak pokok, berfungsi sebagai penapis awal.

PENILAIAN ASAS ATAU PEMERIKSAAN VISUAL TERPERINCI *(LEVEL 2 : BASIC OR GROUND LEVEL VISUAL ASSESSMENT)*

- **Tujuan**: Penilaian yang lebih terperinci berbanding tahap pertama, meliputi pemeriksaan fizikal dari pangkal pokok hingga ke dahan utama.
- **Langkah:** Arboris menggunakan alat sederhana seperti tukul bunyi *(mallet)* atau pengukur, serta memeriksa tanda-tanda kerosakan pada akar, batang dan dahan pokok.
- **Fokus**: Mencari kerosakan struktur yang lebih tersembunyi, reput kayu, lubang serangga atau tanda penyakit yang memerlukan tindakan lanjut.
- **Kelebihan**: Lebih tepat untuk menilai keadaan pokok secara mendalam tanpa memerlukan alat canggih.

PENILAIAN LANJUTAN *(LEVEL 3 : ADVANCED ASSESSMENT)*

- **Tujuan**: Penilaian yang mendalam dan penggunaan peralatan teknikal untuk menilai risiko pokok secara menyeluruh.
- **Langkah:** Arborist mungkin menggunakan peralatan *diagnostic* seperti *resistograph, sonic tomography* atau kajian akar untuk menilai kekuatan dalaman pokok dan integriti strukturnya.
- **Fokus**: Mengenal pasti masalah yang tidak dapat dilihat secara *visual* seperti reput dalaman, masalah struktur pada akar atau tekanan mekanikal pada pokok.
- **Kelebihan**: Peringkat paling teliti dan sesuai untuk pokok yang berada di kawasan berisiko tinggi seperti berhampiran bangunan atau jalan raya.

Rajah 5-31: Peringkat Penilaian Pokok Berisiko Oleh Arboris Profesional
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

KARAKTER FIZIKAL POKOK BERISIKO



Rekahan

Dahan Reput

Kanker

Masalah Akar

5.4.5 GP 5: *200 Malaysia's Native Trees For Street Planting*

Garis panduan ini bertujuan untuk memilih spesies pokok teduhan asli untuk tujuan landskap jalan dan garis panduan untuk reka bentuk, teknik penanaman dan pengurusan pokok teduhan jalanan.

A) *Street Tree Selection Principles*

Memilih pokok yang sesuai untuk tempat yang betul adalah penting untuk kesihatan pokok dan persekitaran sekeliling. Dengan memilih pokok yang sesuai dengan lokasi yang dimaksudkan, ianya boleh menggalakkan pertumbuhannya dan meminimumkan penyelenggaraan. Selain itu, memilih spesies asli boleh memberi manfaat kepada ekosistem tempatan. Pemilihan pokok yang betul menyumbang kepada landskap yang mampan dan berkembang maju. Pemilihan pokok jalanan hendaklah mematuhi tiga (3) prinsip tersebut bagi memastikan kesesuaiannya dengan keperluan spatial yang sejajar dengan matlamat yang dikehendaki dalam penanaman jalanan. Tiga (3) prinsip tersebut adalah seperti di bawah:

Konsep pemilihan spesies pokok untuk tepi jalan telah mengambil kira tiga (3) perkara utama iaitu:

1. Hierarki Jalan Raya
Terdiri daripada jalan utama, jalan pengumpul dan jalan tempatan.

2. Pemilihan Kriteria
Terdiri daripada kebolehsuaian dan toleransi, fungsi, pengurusan loji dan reka bentuk.

3. Ciri Morfologi Botani
Ciri-ciri botani yang perlu dinilai ialah saiz pokok, dedaun, daun, bunga, buah, kadar pertumbuhan, sistem akar, kadar fleksibiliti, jenis kayu, jenis hutan, jenis tanah dan habitat mikro.

Rajah 5-25 : *Street Tree Selection Principles*
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)



Rajah 5-26: *Selecting The Right Tree For The Right Place*
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

B) *Street Tree Planting Strategy*

Membangunkan strategi penanaman pokok jalanan yang komprehensif adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang mampan dan hijau di Malaysia.

Street Tree Planting Strategy

1. **Menentukan Lokasi Penanaman**
Mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk penanaman pokok dan landskap di jalan awam dengan mengambil kira kepraktisan, sambungan utiliti dan penyepaduan ke dalam pelan tapak.
2. **Memilih Spesies Pokok Yang Sesuai**
Pilih spesies pokok yang disesuaikan dengan keadaan pertumbuhan yang mencabar yang terdapat di tepi jalan dan jalan.
3. **Matlamat Untuk Pelbagai Spesies**
Daripada palet spesies pokok yang telah ditetapkan yang sesuai untuk persekitaran bandar.
4. **Mempertimbangkan Perkhidmatan Ekosistem**
Mengintegrasikan pertukaran antara pelbagai perkhidmatan ekosistem dalam proses perancangan keseluruhan dan menyesuaikan rejim penanaman dengan sewajarnya.
5. **Memastikan Struktur Tanah Yang Optimum**
Menyediakan pokok dengan struktur tanah yang optimum untuk menyokong pertumbuhan dan kesihatan mereka.
6. **Memantau dan Menyelenggara Pokok Jalanan**
Melaksanakan pelan penyelenggaraan yang komprehensif untuk memastikan kesihatan jangka panjang dan daya maju pokok jalanan.

5.4.6 GP 6: Garis Panduan Pembangunan Burung Walit

Garis panduan ini adalah bagi membantu Majlis Daerah Jerantut (MDJ) dalam perancangan dan pembangunan indsutri burung walit yang merangkumi aspek perancangan bagi mengawal selia industri yang berpotensi untuk berkembang maju dan lestari disamping meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan sejagat. Seperti yang sedia maklum, sarang burung walit atau dikenali sebagai *edible bird's nest* (EBN) merupakan komoditi pertanian yang bernilai tinggi dan Malaysia merupakan pengeluar utama sarang burung walit global. Walau bagaimanapun, terdapat jurang dari apek perancangan pembangunan burung walit ini yang boleh menggugat keselamatan sejagat dan menimbulkan risiko kesihatan awam.

01 SYARAT UMUM

01 Garis panduan ini hanya terpakai bagi premis – premis baru yang dicadangakan dan belum mendapat sebarang kelulusan Majlis.

02 Manakala, bagi premis – premis yang pernah diluluskan oleh Majlis sebelum ini dibenarkan beroperasi tanpa perlu mengemukakan permohonan baru.

03 Premis yang digunakan adalah untuk aktiviti mengumpan dan menternak burung walit secara semulajadi atau tiruan dengan menyediakan apa – apa kemudahan yang sesuai untuk aktiviti – aktiviti berkaitan burung walit.

02 KAWASAN YANG DIBENARKAN

01 Aktiviti penternakan burung walit hanya dibenarkan di kwasan yang dizonkan sebagai industri dan pertanian. Kawasan yang dizonkan jelapang padi aktif didak dibenarkan. Pengesahan dari Jabatan Pertanian bahawa kawasan pemajuan bukan di dalam kawasan jelapang padi aktif adalah diperlukan.

02 Tukarguna bangunan bagi aktiviti penternakan burung walit hanya dibenarkandi bangunan industri sahaja. Manakala tukarguna dari bangunan kediamanatau perniagaan tidak dibenarkan.

03 Hanya kategori tanah pertanian atau perindustrian yang dibenarkanmenjalankan aktiviti penternakan burung walit.

04 Jenis bangunan dibenarkan adalah:
1) Industri – Sesebuah, Berkembar, dan Teres
2) Pertanian – Sesbuah sahaja

04 ANJAKAN BANGUNAN

Anjakan bangunan rumah burung walit dari garisan sempadan rezab jalanraya dan jalan susur adalah minima 30 kaki. Anjakan dari garisan sempadan belakang dan sisi – minima 20 kaki.

05 HAD KETINGGIAN BANGUNAN

Ketinggian bangunan (rumah burung walit) adalah tidak melebihi 12 meter.

06 SYARAT-SYARAT KHUSUS

- Keseluruhan luas tanah bangunan dan perkarangannya yang digunakan bagi aktiviti penternakan burung walit tidak melebihi 10,000 kaki persegi / 5% daripada keseluruhan luas tanah ladang, mana yang kurang.
- Menggunakan struktur yang kukuh, bersesuaian dan harmoni dengan kawasan sekitar
- Ajuk bunyi yang dibenarkan adalah tidak melebih atau sama dengan 40dB dan dihadkan dari 7.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 5.00 petang hingga 8.00 malam
- Pengusaha yang membuat pelanggaran terhadap tempoh masa atau hadajuk bunyi boleh di ambil tindakan oleh MBSP di bawah Seksyen 80, 81, 82dan 84 Akta 171.
- Hanya satu kebenaran merancang dibenarkan untuk sebuah ladang (tanpamengira samada ladang berkenaan terletak di bawah satu atau lebih hakmiliktanah).
- Kebenaran merancang yang diberikan boleh dibatalkan sekiranya pemilik /penternak melanggar mana – mana syarat yang dikenakan, atau sekiranya pelanggaran yang berlaku boleh di akur semula tetapi penternak gagal mematuhi seperti sepatutnya.
- Kebenaran merancang yang diberikan masih tertakluk kepada semakan semula, sekiranya pada masa hadapan didapati bukti – bukti yang mencukupi dikemukakan (hingga kepuasan Lembaga Rayuan), yang menunjukkan penternakan burung walit membahayakan penanaman padi atau sistem pengairan.
- Laluan lot berjiran tidak perlu disediakan tertakluk kepada setiap permohonan.
- Jalan masuk (akses) tidak perlu diserahkan tertakluk kepada setiap permohonan.
- Pengecualian pelan kerja tanah jika tiada melibatkan kerja – kerja penambunan tanah.
- Jawatankuasa OSC berhak menentukan syarat-syarat lain yang diperlukansekiranya didapati bersesuaian.

5.4.7 GP 7 : Garis Panduan Tempat Perkuburan Islam

Tempat perkuburan adalah salah satu kemudahan asas yang penting dan perlu diambil kira penyediaanya seperti kemudahan masyarakat yang lain. Peningkatan penduduk yang tinggi dan trend perbandaran yang semakin pesat menyebabkan keperluan tempat perkuburan juga semakin meningkat. Kajian pertama bagi GPP Tanah Perkuburan Islam dan Lain-Lain Agama pernah dijalankan pada tahun 1997 manakala semakan semula GPP pula telah dijalankan pada tahun 2011 dengan mengguna pakai nama GPP Tanah Perkuburan dan Krematorium (GP010-A). Oleh itu, Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam Adalah bertujuan untuk menggariskan alternatif perancangan tempat perkuburan Islam bagi menangani isu-isu semasa.

Hierarki	Penduduk Keseluruhan	Keluasan yang perlu disediakan	Tanah Perkuburan islam (60%)	Tanah Pekubursan Lain – lain Agama (40%)
Pusat Petempatan Utama	30,001 – 100,000 orang	9.0 ekar – 30 ekar	**5.4 ekar – 18 ekar**	3.6 ekar – 12 ekar
Pusat Petempatan Kecil	10,000 – 30,000 orang	3.0 ekar – 9 ekar	**1.8 ekar – 5.4 ekar**	1.2 ekar – 3.6 ekar
Kawasan Kejiranan	5,000 orang	1.5 ekar	**0.9 ekar**	0.6 ekar

Jadual 5-17 : Jadual Saiz Ideal Tempat Perkuburan Bagi Sebuah Perbandaran
Sumber: RT Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

01 MODUL PELETAKKAN TANAH PERKUBURAN ISLAM

Penyediaan tapak perkuburan islam hendaklah ditentukan berdasarkan kepada tadahan penganut di sesuatu kawasan mengikut hierarki petempatan. 2 modul perletakan tapak tanah perkuburan islam dicadangkan :

- **Modul Perletakan 1 (Berpusat / Bersepadu)** : Bagi setiap 10,000 orang penduduk , dicadangkan tempat perkuburan Islam berskala besar seluas 1.8 ekar bagi satu perbandaran



- **Modul Perletakan 2 (Berasingan) :** Bagi setiap 5,000 orang penduduk, dicadangkan tempat perkuburan Islam seluas 0.9 ekar bagi kawasan kejiranan.



02 SUSUNATUR TANAH PERKUBURAN ISLAM

Sistem Modul Perkuburan Biasa

- Mengandungi 2 barisan kubur. Satu baris mempunyai 20 lot kubur.
- Setiap tanah perkuburan hendaklah mengandungi sekurang – kurangnya 25 modul yang boleh memuatkan sebanyak 1,000 lot kubur.

Sistem Modul Perkuburan Bertingkat

- Mengandungi 2 barisan kubur. Satu baris mempunyai 20 lot kubur.
- Setiap tanah perkuburan hendaklah mengandungi sekurang – kurangnya 25 modul yang boleh memuatkan sebanyak 2,000 lot kubur hingga 3,000 lot kubur.

Sistem Lot

Susunan lot Adalah berdasarkan kepada pengasingan plot perkuburan mengikut jantina iaitu : -

- Plot Perkuburan Lelaki Dewasa
- Plot Perkuburan Perempuan Dewasa
- Plot Perkuburan Kanak – kanak dan Bayi

Contoh susunatur tempat perkuburan.
LD - Lelaki Dewasa
WD - Wanita Dewasa
KB - Kanak-Kanak dan Bayi



Contoh susun atur tanah perkuburan Pusara Raudhatul Jannah Bandar Darulaman, Jitra, Kedah

03 KEPERLUAN RUANG TANAH PERKUBURAN ISLAM

Kaedah pengiraan bagi tadahan penduduk untuk keperluan tempat perkuburan adalah seperti berikut : -

Ct = Pt x Mr x Sz x Rg

- Ct = Tanah perkuburan pada tahun t
- Pt = Jumlah beragama islam pada tahun t
- Mr = Kadar kematian pada tahun t
- Sz = Purata saiz lot kubur
- Rg = **Tempoh masa** kubur digunakan semula

*** Merujuk kepada muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwan Ugama Islam Malaysia Kali ke- 61 adalah 90 tahun**

Nota : Purata keluasan untuk satu lot kubur dianggarkan 8.36mp termasuk kemudahan sokongan dan landskap

Contoh Pengiraan :
Keluasan kawasan yang diperlukan untuk tanah perkuburan Islam bagi setiap 1,000 penduduk adalah

Ct : = 1000 x (5/1000) x 8.36 x 30
= 1254 mp
= 0.3 ekar bagi setiap 1,000 penduduk atau 3.0 ekar bagi setiap 10,000 penduduk

Jumlah yang gp yang menjadi digunapakai,

Berapa garis panduan umum

Penambahbaikan garis panduan khusus yang di gunapakai

Sumber kene betul kalau garis panduan dari agensi/jabatan/

Penyusunan report dan berulang

Infografik bagi faham > masukkan gp

BAB 6:
PENUTUP

Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

Rancangan Tempatan Daerah Jerantut. Pahang 2040 (Penggantian)

6.0 PENUTUP

Laporan Jilid II bagi Kajian Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian) disediakan sebagai panduan utama dalam pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar Daerah Jerantut sehingga tahun 2040. Segala cadangan, garis panduan dan kawalan pembangunan yang digariskan bertujuan memastikan pembangunan daerah ini dilaksanakan secara seimbang, mampan dan berdaya huni.

Dengan pewartaan rancangan ini, diharapkan semua pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pihak swasta serta komuniti setempat dapat melaksanakan tanggungjawab bersama dalam merealisasikan hala tuju pembangunan Jerantut sebagai sebuah **Pusat Ekopelancongan Negara dan Ekonomi Pertanian Utama Daerah** menjelang tahun 2040.

Rancangan Tempatan Daerah Jerantut, Pahang 2040 (Penggantian)

2040 Jerantut

GERBANG TAMAN NEGARA